

**LEMBAGA PEMBANGUNAN
INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
(CIDB)**

Tingkat 10, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia
No.45, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: +603-4047 7000/ +603-5567 3300
Faks: +603-4047 7070

www.cidb.gov.my

2019
LAPORAN
TAHUNAN
ANNUAL REPORT

MEMACU TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN
DRIVING CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION



2019

**LAPORAN
TAHUNAN**

ANNUAL REPORT

MEMACU TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN
DRIVING CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION

MEMACU TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN

Industri pembinaan Malaysia adalah salah satu daripada 5 sektor ekonomi utama negara. Sebagai salah satu sektor yang menyediakan peluang pekerjaan yang tinggi serta mempunyai kaitan secara langsung dengan banyak industri utama yang lain, ianya perlu diperkukuhkan bagi membangunkan ekonomi negara. Pengenalan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) pada tahun 2015 untuk dilaksanakan dalam lima tahun iaitu dari 2016-2020, merupakan langkah utama dalam memacu industri pembinaan dan mempersiapkannya untuk maju ke hadapan. CITP telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebagai satu indikator betapa pentingnya sektor pembinaan terhadap pembangunan fizikal negara. CITP telah dirangka secara terperinci untuk mentransformasi, meningkatkan dan mempercepatkan industri pembinaan tempatan menjadi pemain global yang memberikan hasil yang terbaik dan mampan sambil menekankan keselamatan dan kecekapan menerusi kerjasama dengan pemain industri dan pihak berkepentingan.

Dalam memastikan hasil utama CITP dicapai serta mengatasi masalah yang dihadapi oleh industri pembinaan, program ini telah menjalani kajian separuh penggal pada tahun 2018 dengan penglibatan semua pemain industri pembinaan. Pada tahun 2019, CITP berada di tahun keempat pelaksanaannya di mana fokusnya adalah mencapai sasaran CITP yang telah diselaraskan dan diperkemas.



DRIVING CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION

The Malaysian Construction Industry is one of the 5 key sectors of the nation's economy. Strengthening the construction sector is vital in building up the economy as it provides employment opportunities for many and is intrinsically linked to numerous other major industries. The introduction of the Construction Industry Transformation Programme (CITP) in 2015 to be implemented within five years that is from 2016-2020, represents a major step forward in driving the construction industry and preparing it for a major leap forward. As an indication of the importance of the construction sector towards the nation's physical development, the CITP was included in the Eleventh Malaysia Plan (RMKe-11). CITP was put together as a detailed programme to transform, elevate and accelerate the local construction industry into a global player that delivers excellent and sustainable results while emphasising safety and efficiency through collaborations with industry players and stakeholders.

In ensuring the main outcome under CITP is achieved as well as addressing the prevailing problems faced by the construction industry, the programme underwent a midterm review in 2018 with the involvement of all construction industry players. In 2019, the CITP is in its fourth year of implementation where the focus was attaining the targets of the realigned and streamlined CITP.

01

MAKLUMAT
KORPORAT

CORPORATE INFORMATION



FUNGSI CIDB MALAYSIA DI BAWAH AKTA 520 <i>Functions of CIDB Malaysia under Act 520</i>	06
MISI, VISI DAN OBJEKTIF <i>Mission, Vision and Objective</i>	07
NILAI MURNI CIDB MALAYSIA <i>CIDB Malaysia Core Values</i>	08
PIAGAM PELANGGAN CIDB MALAYSIA <i>CIDB Malaysia Customer Charter</i>	09
IBU PEJABAT, PEJABAT NEGERI DAN PEJABAT CAWANGAN <i>Head Office, State Offices and Branch Offices</i>	10
SENARAI ANGGOTA LEMBAGA CIDB MALAYSIA SESI 2019 <i>List of CIDB Malaysia Board Members Session 2019</i>	12
PROFIL Pengerusi dan Anggota Lembaga <i>Chairman and Board Members Profile</i>	14
PROFIL KETUA EKSEKUTIF <i>Chief Executive's Profile</i>	23
TADBIR URUS KORPORAT <i>Corporate Governance</i>	24
SENARAI ANAK SYARIKAT <i>List of Subsidiaries</i>	26
KUMPULAN PENGURUSAN <i>Management Team</i>	28
CARTA ORGANISASI CIDB MALAYSIA 2019 <i>CIDB Malaysia 2019 Organisation Chart</i>	40
SUMBER MANUSIA <i>Human Resource</i>	42
PRESTASI KEWANGAN <i>Financial Performance</i>	44
PENYATA Pengerusi <i>Chairman's Statement</i>	47
DIARI CIDB MALAYSIA 2019 <i>CIDB Malaysia 2019 Diary</i>	52
ACARA UTAMA <i>Main Events</i>	60
STATISTIK SEPINTAS LALU 2019 <i>2019 Statistics at A Glance</i>	65
STATISTIK UTAMA 2019 <i>2019 Main Statistics</i>	74

KANDUNGAN
Contents

02

LAPORAN
PRESTASI
PERFORMANCE REPORT

INTISARI CITP & OE <i>CITP and OE Overview</i>	80
TERAS STRATEGIK 1: <i>Strategic Thrust 1</i>	85
• Bidang Fokus 1 - Kualiti <i>Focus Area 1 - Quality</i>	
• Bidang Fokus 2 - Keselamatan <i>Focus Area 2 - Safety</i>	
• Bidang Fokus 3 - Profesionalisma <i>Focus Area 3 - Professionalism</i>	
TERAS STRATEGIK 2: <i>Strategic Thrust 2</i>	97
• Bidang Fokus 4 - Kemampanan <i>Focus Area 4 - Sustainability</i>	
TERAS STRATEGIK 3: <i>Strategic Thrust 3</i>	102
• Bidang Fokus 5 - Latihan Kemahiran <i>Focus Area 5 - Skills Training</i>	
• Bidang Fokus 6 - Teknologi <i>Focus Area 6 - Technology</i>	
TERAS STRATEGIK 4: <i>Strategic Thrust 4</i>	109
• Bidang Fokus 7 - Ekspor <i>Focus Area 7 - Export</i>	
• Bidang Fokus 8 - Daya Saing <i>Focus Area 8 - Competitiveness</i>	
TERAS STRATEGIK 5: Penyampaian Perkhidmatan <i>Strategic Thrust 5: Service Delivery</i>	116
TERAS STRATEGIK 6: Penjenamaan Korporat <i>Strategic Thrust 6: Corporate Branding</i>	127
LAPORAN KE ATAS PEMBIAYAAN KERAJAAN <i>Report on Government Funding</i>	130

03

PENYATA
KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENTS

PENYATA KEWANGAN CIDB MALAYSIA 2019 <i>CIDB Malaysia Financial Statements 2019</i>	134
---	-----

01

MAKLUMAT KORPORAT
CORPORATE INFORMATION

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

FUNGSI CIDB DI BAWAH AKTA 520

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520) untuk membangunkan, mengawalselia, menguatkuasa dan melaksanakan tugas-tugas dan juga fungsi-fungsi yang berkaitan dengan industri pembinaan.

Pada tahun 2011, Akta 520 ini telah dipinda untuk memantapkan lagi peranan CIDB dalam menguatkuasakan industri pembinaan yang selamat dan berkualiti di samping meningkatkan amalan terbaik dalam industri tersebut, dan dengan itu menaik-tarfaikan kualiti kerja pembinaan secara keseluruhannya. Fungsi-fungsi CIDB seperti yang dibentangkan di bawah Akta tersebut adalah seperti berikut;

- Memajukan dan merangsang pembangunan, penambahbaikan dan pengembangan industri pembinaan;
- Menasihati dan mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
- Memajukan, merangsang dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;
- Memajukan, merangsang dan membantu dalam pengeksporan perkhidmatan berhubungan dengan industri pembinaan;
- Mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- Memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- Mengawal selia pematuhan standard bagi buatan kerja binaan dan bahan binaan;
- Mendapatkan, menyiarkan, memulakan dan menyenggarakan maklumat yang berhubungan dengan industri pembinaan termasuklah penubuhan sistem maklumat industri pembinaan;
- Mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan latihan dalam industri pembinaan;
- Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor itu;
- Mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu;
- Mengawal selia pelaksanaan bagi kerja pembinaan yang berkualiti dan selamat;
- Mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
- Menguruskan apa-apa aduan atau laporan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa kegagalan kerja pembinaan atau kerja pembinaan yang telah siap yang menyentuh keselamatan awam dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menangannya.

FUNCTIONS OF CIDB UNDER ACT 520

The Construction Industry Development Board (CIDB) is a Federal Statutory Body under the Ministry of Works, established under the Construction Industry Development Board Act (Act 520) to develop, regulate, enforce and execute tasks and functions related to the construction industry.

In 2011, Act 520 was amended to further strengthen CIDB's roles in enforcing safe and quality construction and at the same time enhance the adoption of best practices in construction, thus raising the quality of construction work as a whole. The functions of CIDB as laid out under the Act are as follows;

- To promote and stimulate the development, improvement and expansion of the construction industry;
- To advise and make recommendations to the Federal Government and the State Government on matters affecting or connected with the construction industry;
- To promote, stimulate and undertake research into any matter relating to the construction industry;
- To promote, stimulate and assist in the export of service relating to the construction industry;
- To provide consultancy and advisory services with respect to the construction industry;
- To promote and encourage quality assurance in the construction industry;
- To regulate the conformance of standards for construction workmanship and materials;
- To obtain, publish, initiate and maintain information relating to the construction industry including the establishment of a construction industry information system;
- To provide, promote, review and coordinate training in the construction industry;
- To register and accredit contractors, to impose any conditions of registration and accreditation of the contractors and to revoke, suspend or reinstate the registration and accreditation;
- To register, accredit and certify construction personnel and to revoke, suspend or reinstate the registration, accreditation and certification of such construction personnel;
- To regulate the implementation for quality and safe construction works;
- To regulate the implementation of Industrialised Building System in the construction industry; and
- To attend to any complaint or report made in relation to any failure of construction works or completed construction works which affects public safety and take appropriate actions to address it.

MISI, VISI DAN OBJEKTIF

MISSION, VISION
AND OBJECTIVE



MISI Mission

Mengawal selia, membangunkan dan memudahcara industri pembinaan dengan menerapkan profesionalisme dalam menghasilkan persekitaran binaan yang produktif, mampan serta berkualiti.

To regulate, develop and facilitate the construction industry by inculcating professionalism in delivering productive, sustainable and quality built environment.

VISI Vision

Menjadi organisasi yang unggul dalam mencapai kecemerlangan pembinaan di Malaysia.

To be an esteemed organisation that delivers construction excellence in Malaysia.

OBJEKTIF Objective

Untuk membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme ke arah kehidupan yang berkualiti.

To develop the capacity and capability of the construction industry through enhanced quality and productivity by emphasizing professionalism towards quality of life.

DISIPLIN
DISCIPLINED

Kami berdisiplin tinggi
We are highly disciplined

TERBAIK
BEST

Kami memberi yang terbaik
We deliver the best

INTEGRITI
INTEGRITY

Kami berpegang kepada
prinsip integriti
We uphold integrity

**PERSEPAKATAN**
COHESIVENESS

Kami bersepakat bekerja
sebagai satu pasukan
We work cohesively as a team

MOTIVASI
MOTIVATED

Kami bermotivasi tinggi
We are highly motivated

NILAI MURNI CIDB

CIDB CORE VALUES

PIAGAM PELANGGAN CIDB

CIDB CUSTOMER CHARTER

Sebagai sebahagian daripada Piagam Pelanggan, CIDB berusaha untuk mencapai objektif-objektif berikut:

A. PENDAFTARAN KONTRAKTOR TEMPATAN

Tempoh yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan berikut adalah dua hari bekerja selepas permohonan diterima berserta bayaran proses secara atas talian oleh pegawai proses di Bahagian Operasi Setempat (B.O.S.):

- Permohonan Baru (R1)
- Pembaharuan (R4)
- Pendaftaran Semula (R10)
- Perubahan Gred / Kategori / Pengkhususan (R5)
- Perubahan Butir (R6)
- Permohonan Kebenaran Khas

B. PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

Cetakan Kad Pendaftaran Personel Binaan (Kad Hijau) disiapkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh resit bayaran dikeluarkan.

C. PENGISYTIHARAN KERJA PEMBINAAN DAN PENGENAAN LEVI

Pengisytiharan kerja pembinaan dilaksanakan berdasarkan kepada pengisytiharan sendiri oleh pihak kontraktor melalui sistem CIMS. Semua kerja pembinaan wajib diisytihar kepada CIDB selaras dengan keperluan Akta 520.

Pengenaan Levi pada kadar 0.125% dari jumlah keseluruhan nilai projek akan dikenakan sejurus pengisytiharan dibuat pada projek pembinaan yang layak dilevi.

As part of its Customer Charter, CIDB undertakes to carry out the following objectives:

A. LOCAL CONTRACTOR'S REGISTRATION

Period taken to process the following applications will be two working days after application together with the processing fee is received via online by the processing officer in Bahagian Operasi Setempat (B.O.S):

- New Applications (R1)
- Renewals (R4)
- Re-Registrations (R10)
- Modifications in Grades/ Categories/Specialisations (R5)
- Changes to Registration Details (R6)
- Special Approvals Application

B. CONSTRUCTION PERSONNEL REGISTRATION

Printed Personnel Registration Card (Green Card) is completed within 10 working days from the date the payment receipt is issued.

C. DECLARATION OF CONSTRUCTION WORK AND LEVY IMPOSITION

Declaration of construction work is implemented based on self-declaration by the contractor through the CIMS system. All construction work must be declared to CIDB in accordance with the requirements of Act 520.

Imposition of levy at the rate of 0.125% of the total project value will be imposed upon the declaration made on the construction of projects eligible to be levied.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI
PEMBINAAN MALAYSIA**

Tingkat 10, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia
No. 45, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur
Tel: +603-4047 7000 (Talian Am)/
+603-5567 3300 (Talian CIDB Careline)
Faks: +603-4047 7070

**CIDB WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA**

Tingkat 11, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2618 0000
Faks: 03-2618 0101 (Pentadbiran & Kewangan/
Administration & Finance)
Pn. Zainora Zainal (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI SELANGOR

Tingkat 5 & 6, Wisma PKPS
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40675 Shah Alam, Selangor
Tel: +03-5512 8600
Faks: +03-5512 8620
En. Mohd. Noor Ab. Rahman (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI JOHOR

Kompleks CIDB
Batu 3, Jalan Tampoi
81200 Johor Bahru
Johor
Tel: +07-2300 520
Faks: +07-2314 472
En. Othman Safar (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI MELAKA

No. 31-1, Jalan TU 49A
Kompleks Komersial Boulevard
Taman Tasik Utama
75450 Ayer Keroh,
Melaka
Tel: +06-2328 895
Faks: +06-2328 950
En. Nur Iskandar Zulkefli (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI SEMBILAN

Wisma KoCIDB
Lot D30, Persiaran Utama S2/ B2, Seremban 2
70300 Seremban
Negeri Sembilan
Tel: +06-6016 311
Faks: +06-6017 311
En. Azhar Abdullah (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI PERAK

Tingkat 5, Bangunan KWSP
Jalan Greentown
30450 Ipoh
Perak
Tel: +605-2423 488
Faks: +605-2555 488
En. Saini Saidi (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI KEDAH

Lot 7 & 8, Kompleks Perniagaan Asas Jaya
Jalan Stadium
05100 Alor Setar
Kedah
Tel: +604-7331 243
Faks: +604-7331 175
En. Mohd Azmi Dzulkifli (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 9, Bangunan KWSP
No. 3009 Off Lebuhr Tenggori 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Jaya
Pulau Pinang
Tel: +604-3902 448
Faks: +604-3907 448
Pn. Norlida Nabil (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI PERLIS

No. 10, Jalan Tuanku Syed Putra
(Jalan Kangar-Alor Setar), Seriab
01000 Perlis
Tel: +604-9781 243
Faks: +604-9781 244
En. Rosli Zainon (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI KELANTAN

No. U7.2, Tingkat 7, Menara Perbadanan
Jalan Tengku Petra Semerak
15000 Kota Bharu
Kelantan
Tel: +609-7444 311
Faks: +609-7434 311
En. Annis Othman (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI TERENGGANU

Tingkat 7, Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel: +609-6245 311
Faks: +609-6283 973
En. Jasmi Mohd Salleh (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI PAHANG

A1, Tingkat Bawah
Jalan Sei Kuantan 2, Seri Kuantan Square
25050 Kuantan
Pahang
Tel: +609-5178 734
Faks: +609-5178 751
En. Rozaiman Haji Hassan (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB
Jalan Sultan Tengah
93050 Kuching
Sarawak
Tel: +6082-445 833
Faks: +6082-447 833
En. Mohd Merzan Hashim (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI SARAWAK (CAWANGAN MIRI)

Lot 1140, Block 9, Miri Concession Land District
Miri Waterfront
98000 Miri
Sarawak
Tel: +6085-417 431
Faks: +6085-417 432
En. Che 'Ahmad Isyai' Che Said (Pengurus Cawangan/
Branch Manager)

CIDB NEGERI SARAWAK (CAWANGAN SIBU)

Tingkat 4 & 5, Lot 865, Blok 5 Sibu Town Square
Commercial Centre, Lorong Lau King Howe 1
96000 Sibu
Sarawak
Tel: +6084-256 745
Faks: +6084-256 746
En. Chuang Kuang Hong (Pengurus Cawangan/
Branch Manager)

CIDB NEGERI SARAWAK (CAWANGAN BINTULU)

Lot 4372, Fasa 7, Parkcity Commercial Area
Off Jalan Di Warta
97000 Bintulu
Sarawak
Tel: +6086-343 413
Faks: +6086-343 412
En. Wan Habib bin Wan Hamdan (Pengurus Cawangan/
Branch Manager)

CIDB NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 4, Bangunan KWSP
88100 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: +6088-244 423/ 658/ 506
Faks: +6088-242 481
En. Rosmen Ag. Hassan (Pengarah/ Director)

CIDB NEGERI SABAH (CAWANGAN TAWAU)

Lot 20 & Lot 21, Blok D, Plaza Damai
Jalan Damai, Off Jalan Apas, Beg Berkunci No. 7
91009 Tawau
Sabah
Tel: +6089-777 841/ 842/ 846
Faks: +6089-777 840
En. Hassan Ismail (Pengurus Cawangan/
Branch Manager)

CIDB NEGERI SABAH (CAWANGAN SANDAKAN)

Lot 03-GF, 03-1F & 03-2Fe
Blok A, Bandar Labuk Jaya D
Batu 7, Jalan Labuk
90000 Sandakan
Sabah
Tel: +6089-668 015
Faks: +6089-668 000
En. Mohd Hanif bin Abdul Rahman (Pengurus Cawangan/
Branch Manager)

IBU PEJABAT, PEJABAT NEGERI DAN PEJABAT CAWANGAN

HEAD OFFICE, STATE OFFICES AND BRANCH OFFICES

SENARAI ANGGOTA LEMBAGA CIBB MALAYSIA SESI 2019

LIST OF CIBB MALAYSIA BOARD MEMBERS SESSION 2019



Dato' Sri Haji Mohammad Mentek
Dilantik pada 26 Februari 2019 - 25 Februari 2021
Appointed on 26 February 2019 - 25 February 2021

Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali
FASc., FIEM
Pengerusi
Chairman

Ir. Haji Omar Mat Piah

Dato' Othman Semail

Datuk Seri Fateh Iskandar Bin Tan Sri Dato' Mohamed Mansor

Encik Foo Chek Lee

Datuk Haji Azman Haji Yusoff
Dilantik pada 21 Ogos 2019 - 20 Ogos 2021
Appointed on 21 August 2019 - 20 August 2021

Dr. Roland Chia Ming Shen
Dilantik pada 15 November 2019 - 14 November 2021
Appointed on 15 November 2019 - 14 November 2021

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan
Dilantik pada 22 Januari 2019 - 21 Januari 2021
Appointed on 22 January 2019 - 21 January 2021

Datuk Nik Airina Nik Jaffar

ANGGOTA LEMBAGA YANG TAMAT KEANGGOTAAN

BOARD MEMBERS WHOSE MEMBERSHIP HAS ENDED



Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid
(Sehingga 31 Januari 2019)
(Up to 31 January 2019)



Tuan Haji Alhadi Ibrahim
(Sehingga 1 Ogos 2019)
(Up to 1 August 2019)



Dato' Haji Mokhtar Samad
(Sehingga 1 Ogos 2019)
(Up to 1 August 2019)

PROFIL Pengerusi CIDB

CIDB CHAIRMAN'S PROFILE



Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc, FIEM, merupakan Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang juga memegang jawatan yang sama di dalam beberapa badan kerajaan dan swasta. Ini termasuk SIRIM Berhad dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM), UPM Holdings Sdn Bhd dan Linde Malaysia Holdings Berhad.

Beliau juga merupakan Pengerusi Bersama (Industri) Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dan Pengerusi Bersama (Kerajaan) Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) dan ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, juga merupakan Pro-Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Khazanah, Yayasan Anugerah Sains Mahathir dan sebagai Ahli Biasa Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan. Beliau adalah Ahli Lembaga Gabenor Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc, FIEM, is currently the Chairman of Construction Industry Development Board (CIDB) and he holds the same position in several public and private organisations such as SIRIM Berhad, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), UPM Holdings Sdn. Bhd., Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) and Linde Malaysia Holdings Berhad.

He also a Joint-Chairman (Industry) of the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), the Joint-Chairman (Government) of the Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC) and a member of the Northern Corridor Implementation Authority, chaired by the Prime Minister of Malaysia.

Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, is also the Pro-Chancellor of Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). He is also the member of the Board of Trustees of Yayasan Khazanah, Mahathir Science Award Foundation, and as an Ordinary Member of Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan. He is a member of the Board of Governors of the Malay College Kuala Kangsar (MCKK), his alma mater.

*Tan Sri Dr. Ir.
Ahmad Tajuddin Ali*
FASc., FIEM

Beliau sebelum ini adalah Presiden Akademi Sains Malaysia dan Ketua Pengarah Standard dan Institut Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengerusi Gas Malaysia Sdn. Bhd., Suruhanjaya Tenaga Malaysia, PLUS Expressways International Berhad, UEM Sunrise Berhad dan UEM Group Berhad.

Beliau lulus dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Kejuruteraan Mekanikal dari King's College, University of London pada tahun 1973 dan mendapat ijazah kedoktorannya dalam Kejuruteraan Nuklear dari Queen Mary College, University of London pada tahun 1977. Beliau melakukan kerja-kerja pasca kedoktoran dalam bidang kejuruteraan nuklear di Oregon State University (1977-1978) dan di Pennsylvania State University (1978).

Pada tahun 1994, Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, dianugerahkan Anugerah Khas oleh Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) atas sumbangan beliau dalam meningkatkan pengeksporan produk Malaysia ke Jepun. Pada tahun 1996, Tan Sri Dr. Tajuddin menerima anugerah "Outstanding Contribution to the Engineering Profession" dari Institusi Jurutera Malaysia dan pada tahun 2009, beliau menerima Anugerah Tokoh Terkemuka dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Pada bulan November 2018, Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, telah dianugerahkan "The Order of The Rising Sun, Gold Rays With Neck Ribbon" oleh Kerajaan Jepun atas sumbangannya dalam mempromosikan hubungan ekonomi antara Jepun dan Malaysia.

Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2000, Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada tahun 2008 dan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam tahun 2009. Beliau juga dianugerahkan Doktor Kehormat Ijazah Kejuruteraan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada tahun 2014, Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada November 2015 dan pada tahun 2017 beliau dianugerahkan Doktor Kehormat Pengurusan Ijazah oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Beliau juga merupakan graduan Program Pengurusan Lanjutan dari Harvard Business School.

Beliau adalah Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera (P.Eng), Felo Institusi Jurutera Malaysia (FIEM), Felo Kanan Akademi Sains Malaysia (Ahli Akademik), Felo Organisasi Kejuruteraan Persekutuan ASEAN (AFEO) dan Felo Akademi Kejuruteraan dan Teknologi ASEAN (AAET).

He was previously the President of the Academy of Sciences Malaysia, the Director-General of Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM). He was also the Executive Chairman of Tenaga Nasional Berhad (TNB), Chairman of Gas Malaysia Sdn. Bhd., Energy Commission of Malaysia, PLUS Expressways International Berhad, UEM Sunrise Berhad and UEM Group Berhad.

He graduated with First Class Honours in Mechanical Engineering from King's College, University of London in 1973 and obtained his doctorate in Nuclear Engineering from Queen Mary College, University of London in 1977. He did post-doctoral work in nuclear engineering at Oregon State University (1977-1978) and at Pennsylvania State University (1978).

In 1994, Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, was bestowed the Special Award by Japan External Trade Organisation (JETRO) for his contribution towards enhancing exports of Malaysian products to Japan. In 1996, Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin received the Institution of Engineers Malaysia Award for Outstanding Contribution to the Engineering Profession and in 2009, he received the "Prominent Player" Award from the Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB).

In November 2018, Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, was conferred the award of "The Order of The Rising Sun, Gold Rays With Neck Ribbon" by the Government of Japan for his contribution towards promoting economic relations between Japan and Malaysia.

Tan Sri Dr. Ir. Tajuddin, FASc, FIEM, was conferred the Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Putra Malaysia (UPM) in 2000, Honorary Doctor of Engineering Degree by Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) in 2008, Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Malaysia Terengganu (UMT) in 2009, Honorary Doctor of Engineering Degree by Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) in 2014 and in November 2015, he was conferred the Honorary Doctor of Science Degree by Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and in 2017 he was conferred with the Honorary Doctorate of Management Degree by Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). He is also a graduate of the Harvard Business School's Advanced Management Programme.

He is a Registered Professional Engineer with the Board of Engineers (P.Eng), a Fellow of the Institution of Engineers Malaysia (FIEM), a Senior Fellow of the Academy of Sciences Malaysia (Academician), a Fellow of The ASEAN Federation of Engineering Organisation (AFEO) and a Fellow of the ASEAN Academy of Engineering and Technology (AAET).

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA

BOARD MEMBER'S PROFILE

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya bermula 7 Januari 2019. Beliau memulakan karier perkhidmatan awamnya pada tahun 1984 bersama Arkib Negara Malaysia sehingga tahun 1987. Pada tahun 1988, beliau telah dipindahkan ke Biro Sivik di Jabatan Perdana Menteri sebagai Penolong Pengarah sehingga tahun 1991. Beliau kemudian ditukarkan ke Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri sebagai Penolong Pentadbir Tanah sehingga tahun 1993. Pada tahun 1996, Beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Usahawan sehingga tahun 2000. Selepas itu, beliau menjadi Penyelaras Program Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari 2003 hingga 2007. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Program Kepimpinan di INTAN dari 2007 hingga 2008. Beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah (Kepimpinan dan Pengurusan) di INTAN dari 2008 hingga 2010. Sebelum dinaikkan pangkat kali terakhir di INTAN sebagai Timbalan Pengarah Kanan pada 2013 hingga 2017, beliau telah menjadi Ketua Eksekutif di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak pada tahun 2010 hingga 2013. Beliau juga pernah menjadi Profesor Adjung di Universiti Teknologi Petronas pada tahun 2012. Pada Januari 2018, beliau telah menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sehingga tahun 2019 sebelum menjawat jawatan sekarang.

Selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah/ Pentadbir Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (ex-officio), Yayasan Wakaf Malaysia, Universiti Islam Malaysia, Kolej Universiti Sultan Azlan Shah, Madrasah Idrisiah dan Sekolah Latihan Wanita, Seruan Islam.

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1984 dan mendapat Diploma Pascasiswazah dalam Pengurusan Awam (Cemerlang) dari INTAN pada tahun 1988. Pada tahun 1995, beliau mendapat Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Dallas, Texas, USA diikuti dengan Doktor Falsafah dalam bidang Sains Maklumat dari Loughborough University, United Kingdom pada tahun 2005. Beliau juga meraih Sijil Siswazah dalam Pengurusan Antarabangsa (Petronas) dari University Melbourne, Australia pada tahun 2006 dan Sijil dalam Amalan Pembelajaran dan Pembangunan dari Chartered Institute of Personnel and Development, UK pada tahun 2014. Beliau dianugerahkan Paduka Mahkota Perak (2009), Kesatria Mangku Negara (2010), Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (2011) dan Tokoh Maal Hijrah Peringkat Perak Tengah (2013).

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan is the Secretary General of the Ministry of Works beginning January 7, 2019. He began his career in public service in 1984 with the National Archives of Malaysia until 1987. In 1988, he was transferred to the Civic Bureau in the Prime Minister's Department as Assistant Director until 1991. He was then transferred to the Federal Territory Department of Land and Mines, Prime Minister's Department as Assistant Land Administrator until 1993. In 1996, he served as Assistant Secretary in the Ministry of Entrepreneur Development until 2000. He later served as Senior Programme Coordinator at the National Institute of Public Administration (INTAN) from 2003 to 2007. He was promoted to Head for Leadership Programme



DATUK DR.
*Syed Omar
Sharifuddin Syed Ikhsan*

at INTAN from 2007 to 2008. He was again promoted to Deputy Director (Leadership and Management) at INTAN from 2008 to 2010. Prior to his final promotion in INTAN as the Senior Deputy Director in 2013 until 2017, he served as the Chief Executive in Council of Religion and Malay Customs Perak from 2010 to 2013. He also served as an Adjunct Professor at Universiti Teknologi Petronas in 2012. In January 2018, he served as the Secretary of State for Perlis until 2019 before undertaking the current position. In addition to being a Board Member of the Construction Industry Development Board (CIDB), he was also a Board Member/ Administrator of the Perlis State Economic Development Corporation, Perak State Islamic Economic Development Corporation (ex-officio), Yayasan Wakaf Malaysia, Universiti Islam Malaysia, Kolej Universiti Sultan Azlan Shah, Madrasah Idrisiah and Sekolah Latihan Wanita, Seruan Islam.

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan holds a Bachelor of Arts (Honors) degree from the University of Malaya in 1984 and received a Postgraduate Diploma in Public Management (Excellent) from INTAN in 1988. In 1995, he received a Master in Business Administration from the University of Dallas, Texas, USA followed by a Doctor of Philosophy in Information Science from Loughborough University, United Kingdom in 2005. He also holds a Graduate Certificate in International Management (Petronas) from the University of Melbourne, Australia in 2006 and a Certificate in Learning and Development Practice from the Chartered Institute of Personnel and Development, UK in 2014. He has been awarded the Paduka Mahkota Perak (2009), Kesatria Mangku Negara (2010), Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (2011) and Tokoh Maal Hijrah Peringkat Perak Tengah (2013).



DATO'
Othman Semail

Dato' Othman Semail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kewangan (MOF) telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CIDB pada 1 Mei 2016 dan kini menganggotai Lembaga Amanah Raya Trustee Berhad (ART), Malaysian Kuwait Investment Co. Sdn. Bhd. (MKIC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), SRC International Sdn. Bhd. dan Pengerusi Agensi Depositori Teknologi Berhad (TDA).

Beliau mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam sektor awam. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pegawai Pertanian di Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) pada tahun 1982 dan berpindah ke Bahagian Perancangan dan Korporat Kementerian Industri Utama sebagai Penolong Setiausaha pada tahun 1998. Beliau kemudian menyertai Kementerian Kewangan pada tahun 2005 sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Perolehan Kerajaan dan selepas itu mengambil beberapa jawatan sebelum beliau dinaikkan pangkat ke jawatan sekarang sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada Oktober 2018.

Dato' Othman Semail memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kewangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi Sumber Asli dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1996. Beliau juga memegang Diploma Pentadbiran Awam (1999) dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Diploma Pertanian dari UPM (1982).

Dato' Othman Semail, Deputy Secretary General (Management) Ministry of Finance (MOF) was appointed as a Board Member of CIDB on 1 May 2016 and currently sits on the Board of Amanah Raya Trustee Berhad (ART), Malaysian Kuwait Investment Co. Sdn. Bhd. (MKIC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), SRC International Sdn. Bhd. and Chairman of Technology Depository Agency Berhad (TDA).

Dato' Othman Semail has over 38 years of experience in the public sector. He began his career as an Assistant Agriculture Officer at Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA) in 1982 and moved on to the Planning and Corporate Division of Ministry of Primary Industries as an Assistant Secretary in 1998. He then joined the Ministry of Finance in 2005 as an Assistant Secretary in the Government Procurement Division and thereafter undertook numerous positions before he was promoted to his current position as Deputy Secretary General (Management) in October 2018.

Dato' Othman Semail holds a Master of Business Administration in Finance from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and graduated with a Bachelor in Natural Resources Economics from Universiti Pertanian Malaysia (UPM) in 1996. He also holds a Diploma in Public Administration (1999) from the National Institute of Public Administration (INTAN) and a Diploma in Agriculture from UPM (1982).

Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bermula 27 Mei 2015. Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos pada tahun 1992 sehingga tahun 1998. Beliau kemudian menjadi Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Pembangunan) di Pejabat Kewangan Negeri Perak sehingga tahun 2001. Beliau ditukarkan ke Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pengarah Imigresen Negeri selama 3 bulan sebelum dipindahkan ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Cawangan Sabah sebagai Pengarah dari tahun 2001 sehingga tahun 2010. Beliau kembali sebagai Pengarah Imigresen Negeri untuk Negeri Sabah dari 2010 hingga 2013. Beliau telah diberi tanggung jawab untuk menggalas jawatan sebagai Ketua Pengarah The Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Jabatan Perdana Menteri dari tahun 2013 sehingga 2014 sebelum dipanggil balik ke Putrajaya sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 sehingga 2015. Beliau kemudian dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk hanya 3 bulan sebelum menjawat jawatan sekarang. Beliau

juga pernah dilantik sebagai Timbalan Presiden dan Bendahari Kehormat kepada Eastern Regional Organisation for Planning and Human Rights Settlements (EAROPH) dari tahun 2016 ke 2018.

Selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), beliau juga adalah Pengerusi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) selain menganggotai Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA).

Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik pada tahun 1987 dan Sarjana Sains Statistik pada tahun 1989 dari University of Minnesota, USA. Beliau juga mendapat Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1992. Beliau dianugerahkan Ahli Darjah Kinabalu Negeri Sabah (2006), Darjah Paduka Mahkota Perak (2008), Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (2012), Pingat Kedaualatan Negara (2014), Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) Yang Amat Di Mulia-Peringkat Pertama (2017), Darjah Cemerlang Seri Melaka (2017) dan Bintang Jasa Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (2018).

Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek is the Secretary General of the Ministry of Housing and Local Government beginning May 27, 2015. He started as the Assistant Secretary at the Ministry of Energy, Telecommunications and Post in 1992 until 1998. He later became the Assistant State Finance Officer (Development) at the Perak State Financial Office until 2001. He was transferred to the Labuan Federal Territory Immigration Department as Director of State Immigration for 3 months before being transferred to the National Institute of Public Administration (INTAN) of the Sabah Branch as Director from 2001 to 2010. He returned as the State Director of Immigration for Sabah from 2010 to 2013. He was assigned the position of Government (KPPT) for just 3 months before undertaking the current post. He was also Vice President and Treasurer of the Eastern Regional Organisation for Planning and Human Rights Settlements (EAROPH) from 2016 to 2018.

In addition to being a Board Member of the Construction Industry Development Board (CIDB), he is also the Chairman of the National Solid Waste Management Corporation (SWCorp) and the Non-Independent Non-Executive Chairman of Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) and a member of the Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA).

Director of The Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Prime Minister's Department from 2013 to 2014 before being called back to Putrajaya as the Undersecretary of the Human Resources Division, Ministry of Education Malaysia from 2014 to 2015. He was then promoted to Deputy Secretary General (Management) at the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local (2012), Pingat Kedaualatan Negara (2014), Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) Yang Amat Di Mulia-Peringkat Pertama (2017), Darjah Cemerlang Seri Melaka (2017) and Bintang Jasa Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (2018).

DATO' SRI HAJI
Mohammad Mentek



IR. HAJI
Omar
Mat Piah

Tuan Ir. Haji Omar Bin Mat Piah adalah Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH). Beliau menyertai Perkhidmatan Awam sebagai Pemeriksa Kilang dan Jentera dan mula bertugas di Bahagian Keselamatan Petroleum, Ibu Pejabat JKKP pada tahun 1985 sebelum bertukar ke Pejabat JKKP Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Selain itu, beliau juga pernah ditempatkan di Bahagian Major Hazards, Ibu Pejabat dan berperanan dalam menyediakan Peraturan Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian 1996 (CIMAH).

Ir. Haji Omar Bin Mat Piah adalah seorang Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah BEM; Ahli Majlis Institut Jurutera Malaysia (IEM); Pengerusi Jawatankuasa Standard Nasional untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NSCW) Jabatan Standard Malaysia; Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Kerja BEM mengenai Pengumpulan Isu untuk Pindaan Akta Pendaftaran Jurutera dan Peraturan-Peraturan; Pengerusi Bersama Pengerang Integrated Complex OSH Administration Transformation (PICOAT) Policy Directive Council. Beliau juga adalah ahli pelbagai jawatankuasa - Jawatankuasa Penasihat OSHCI (M) CIDB; Thrust Working Group (TWG) CITP; Lembaga Penyelaras ASEAN-OSHNET; Jawatankuasa Standard Kebangsaan Malaysia (MyNSC) dan Jawatankuasa Akreditasi Kebangsaan Malaysia (MyNAC).

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Malaya pada tahun 1985 dan Sarjana Pengurusan Keselamatan Industri dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2006. Beliau dianugerahkan Johan Mahkota Wilayah (JMW) pada 2016 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1990, 1995, 2001 dan 2006.

Ir. Haji Omar Bin Mat Piah is currently the Director General of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) who is responsible for administering, managing, and enforcing legislation related to occupational safety and health (OSH). He joined the Public Service as a Factory and Machinery Examiner and started working at the Petroleum Safety Division, DOSH Head Office in 1985 before switching to the Selangor State DOSH Office, Federal Territory of Kuala Lumpur and Johor. In addition, he has also been placed in the Major Hazards Division, Head Office and is in charge of preparing the Regulatory Control Against the Major Industrial Accident Hazards 1996 (CIMAH).

Ir. Haji Omar Bin Mat Piah is a Professional Engineer registered with the Board of Engineers Malaysia (BEM). He is a Board Member of BEM; IEM Council Member; the Chairman of National Standards Committee for Occupational Safety and Health (NSCW) Standards Malaysia; the Chairman of the BEM Working Group Committee on Compilation of Issues for Amendment to Registration of Engineers Act and Regulation; the Co-Chairman of Pengerang Integrated Complex OSH Administration Transformation (PICOAT) Policy Directive Council. He is also members of these various committees - CIDB OSHCI(M) Advisory Committee; CITP Thrust Working Group (TWG); ASEAN-OSHNET Coordinating Board; Malaysian National Standards Committees (MyNSC) and Malaysian National Accreditation Committees (MyNAC).

He graduated from University of Malaya in 1985 with a Bachelor in Engineering (Mechanical) and a Master of Industrial Safety Management from Universiti Kebangsaan Malaysia in 2006. He was accorded the Johan Mahkota Wilayah (JMW) in 2016 and Anugerah Perkhidmatan Cemerlang in 1990, 1995, 2001 and 2006.



ENCIK *Foo Chek Lee*

Encik Foo Chek Lee, Presiden Master Builders Association Malaysia (MBAM) telah dilantik sebagai Ahli Lembaga CIDB pada Januari 2017. Beliau adalah graduan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1978 dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian). Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang Jurutera Awam di JKR bermula tahun 1978 untuk tempoh selama 14 tahun.

Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Pembinaan Mitrajaya Sdn. Bhd. dan Presiden MBAM untuk penggal 2018 - 2020. Beliau merupakan ahli jawatankuasa bagi merangka dan merumuskan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan selain turut terlibat sebagai anggota Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) daripada tahun 2009 - 2015. Beliau juga merupakan pengarah National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Certification Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat NIOSH.

Mr. Foo Chek Lee, President of the Master Builders Association Malaysia (MBAM) was appointed as a Board Member of CIDB in January 2017. He graduated from Universiti Teknologi Malaysia (UTM) in 1978 with a Bachelor of Civil Engineering (Honours) degree. He started his career as a Civil Engineer in JKR beginning 1978 for a period of 14 years.

He is currently the Managing Director of Pembinaan Mitrajaya Sdn. Bhd. and the President of MBAM for the term 2018 - 2020. He is among the committee member in drafting and formulating the first Construction Industry Safety and Health Master Plan and subsequently his involvement as one of the council members in the National Council on Occupational Safety and Health (NCOSH) from 2009 - 2015. He is also a director in National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Certification Sdn. Bhd, a subsidiary of NIOSH.



DATUK *Nik Airina Nik Jaffar*

Datuk Nik Airina Nik Jaffar telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CIDB pada bulan Julai 2018. Beliau memegang Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam dari University of Miami, Amerika Syarikat. Beliau kini merupakan Pengarah Urusan Projek Khas, UEM Group Berhad serta Pengarah Urusan PLUS Expressways International Berhad. Sebelum ini, beliau memegang jawatan Ketua Kumpulan Pegawai Pembangunan Bisnes. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Opus Group Berhad dan Ketua Pegawai Operasi PLUS Expressways Berhad (PEB).

Beliau adalah seorang Felo Institution of Highways and Transportation (CIHT) UK dan berkhidmat sebagai Naib Pengerusi CIHT Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Road Engineering Association of Asia & Australasia, Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia dan berkhidmat dalam jawatankuasa Pertubuhan Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia.

Datuk Nik Airina juga merupakan ahli Lembaga PLUS Expressways International Berhad, UEM Builders Berhad, Lebuhraya Borneo PDP Sdn Bhd, Konsortium ProHAWK Sdn Bhd, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka dan beberapa anak syarikat lain di dalam UEM Group.

Datuk Nik Airina Nik Jaffar was appointed as a Board Member of CIDB in July 2018. She holds a Master Degree in Civil Engineering from the University of Miami, USA. She is currently the Managing Director of Special Projects, UEM Group Berhad as well as the Managing Director of PLUS Expressways International Berhad. Prior to this, she held the position of the Group Chief Business Development Officer. She had also served as the Managing Director of Opus Group Berhad and Chief Operating Officer of PLUS Expressways Berhad (PEB).

She is a Fellow of the Chartered Institution of Highways and Transportation (CIHT) UK and served as the Vice Chairman of CIHT Malaysia. She is also a Council Member of the Road Engineering Association of Asia & Australasia, the Road Engineering Association of Malaysia and serves on the committee of the Intelligent Transport System Association of Malaysia.

Datuk Nik Airina also sits on the Board of PLUS Expressways International Berhad, UEM Builders Berhad, Borneo Highway PDP Sdn Berhad, Konsortium ProHAWK Sdn Bhd, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka and several other subsidiaries within UEM Group.

Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor (Datuk Seri FD Iskandar) mantan Presiden Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA) dari tahun 2014 hingga 2018 dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CIDB pada September 2018. Beliau berkelulusan Ijazah Undang-undang dari University of Queensland, Australia dan kemudiannya memperolehi Sarjana Perniagaan Pentadbiran (MBA). Pada masa ini, beliau adalah Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutif di Glomac Berhad.

Datuk Seri FD Iskandar juga dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) dan juga ahli Lembaga Pengarah Axis-REIT Managers Berhad. Beliau juga memegang beberapa jawatan seperti Pengerusi REHDA Selangor; ahli Lembaga Penasihat Bandar untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); Pengerusi Pasukan Petugas Khas untuk Memudahkan Perniagaan (PEMUDAH); Pengarah Bebas Telekom Media Malaysia Berhad (TM); Pengerusi VADS Berhad; Pengerusi Kumpulan Media Prima Group; Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Media Prima; Pengarah New Straits Times Press (Malaysia) Berhad; Pengarah Kumpulan Hartanah Selangor Berhad; Timbalan Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia Australia (MABC), Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu, Cawangan Selangor (GABEM) dan Pengarah Malaysia Property Incorporated (MPI).

Beliau menerima pelbagai anugerah di kalangan mereka Malaysian Business Award in Property oleh Dewan Perniagaan Melayu (2012); Anugerah Outstanding Entrepreneurship, Asia Pacific Entrepreneurship Awards (2013), Anugerah MBA Industry Excellence (Sektor Hartanah), Malaysia Business Awards (2013) dan Anugerah Brand Laureate Corporate Leader Brand Icon, Asia Pacific Brands Foundation (2014).

Beliau juga merupakan penerima Anugerah Global Leadership untuk Pembangunan Hartanah Komersial, The Leaders International (2014 dan 2015); Anugerah World Leader Business Person dan World Business Leader, The Bizz (2016); "The Special Achievement Award from Asia Pacific's Most Prestigious Awards" (APEA) 2017; Anugerah The Editor's Choice for Malaysia's Exemplary Real Estate Industry Leader, The EdgeProp.My (2018); Anugerah Industry Excellence, Property Insight Prestigious Developer Awards (2018) dan yang terkini Anugerah Prestigious Leadership Excellence, ASEAN PROPERTY Awards Malaysia 2018-2019 oleh Des Prix Infinitus (2019).

- Strategic Thrust 4 is to create greater business competitiveness of construction related companies.

36 THRUST OUTPUT KPIS

The mid-term review had re-aligned the original 115 KPIs to the final 36 new and rearticulated Thrust Output KPIs that is expected to deliver impactful outcomes. However, after the CITP review was implemented the number of KPIs decreased to 34 when these changes were made :

- KPI PT-03 was dropped as the independent tracer study to measure the absorption rate of trainees under this KPI was already implemented by CIDB Holdings Sdn. Bhd.
- KPI IT-02 was dropped and incorporated into KPI IT-01 as both KPIs share similar implementation plans.
- KPI QT-05 was re-worded to reflect current changes in-line with the impending OSCHIM programme.

PENCAPAIAN KESELURUHAN CITP DAN OE 2019


2019 adalah tahun keempat pelaksanaan CITP. Kemajuan keseluruhan CITP dari Januari 2016 hingga Disember 2019 telah mencapai 66% berbanding sasaran 71%. Dari 34 KPI, 27 KPI mencapai kemajuan lebih dari 90%; enam KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90% dan satu KPI berada di bawah kemajuan 60%. Ringkasan pencapaian empat Teras Strategik ditunjukkan dalam Rajah 02 di bawah:

CITP AND OE OVERALL ACHIEVEMENT 2019

2019 was the fourth year of the CITP's implementation. CITP had achieved 66% against the target of 71% as the overall progress from January 2016 till December 2019. Out of the 34 KPIs, 27 KPIs achieved progress of more than 90%; six KPIs achieved progress of between 60% - 90% and one KPI was below 60% progress. The summary of the achievements by the four Strategic Thrusts are shown in Figure 02 below:

PENCAPAIAN KESELURUHAN JANUARI 2016 - DISEMBER 2019

Overall Achievement January 2016 - December 2019



Rajah 02: Ringkasan Pencapaian 4 Teras Strategik dari 2016 hingga 2019
Figure 02: Summary of Achievements by the 4 Strategic Thrusts from 2016 to 2019

Program OE mempunyai keseluruhan 121 KPI di bawah dua STs. Semasa pelaksanaannya, empat KPI digugurkan untuk diselaraskan dengan keperluan semasa. Daripada baki 117 KPI, 89 KPI mencapai kemajuan lebih dari 90%; sembilan KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90% dan 11 KPI berada di bawah kemajuan 60%. Lapan KPI masih belum dimulakan. Ringkasan pencapaian KPI ditunjukkan dalam Rajah 03 di bawah:

The OE programme had 121 KPIs in total under the two STs. During its implementation, four KPIs were dropped to align with current requirements. Out of the balance 117 KPIs, 89 KPIs achieved progress of more than 90%; nine KPIs achieved progress of between 60% - 90% and 11 KPIs were below 60% progress. Eight KPIs have yet to commence. The summary of KPIs achievement is shown in Figure 03 below:



Rajah 03: Pencapaian KPI Program OE pada tahun 2019
Figure 03: OE Programme KPI Achievement in 2019

TERAS STRATEGIK 1 KUALITI, KESELAMATAN DAN PROFESIONALISME

STRATEGIC THRUST 1 - QUALITY, SAFETY AND PROFESSIONALISM


Teras Strategik 1 (TS1) mempunyai tiga Bidang Fokus iaitu Bidang Fokus Kualiti; Bidang Fokus Keselamatan dan Bidang Fokus Profesionalisme. TS1 mengekalkan matlamat akhir di mana kualiti, keselamatan dan profesionalisme harus diterapkan dalam budaya industri dan matlamat pertengahan adalah untuk meningkatkan kualiti, keselamatan dan profesionalisme di seluruh industri pembinaan.

Strategic Thrust 1 (ST1) has three Focus Areas namely Focus Area on Quality; Focus Area on Safety and Focus Area on Professionalism. ST1 maintains the end-state/ outcome of quality, safety and professionalism to be ingrained in the industry culture where the intermediate end-state was to improve quality, safety and professionalism across the construction industry.

Dari Januari 2016 hingga Disember 2019, TS1 mencapai kemajuan 63% berbanding sasaran 68%. Terdapat 11 KPI secara keseluruhan, di mana lapan KPI mencapai kemajuan melebihi 90%, dua KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90% dan satu KPI mencapai kemajuan bawah 60%. Status kemajuan keseluruhan TS1 ditunjukkan dalam Rajah 04 di bawah:

From January 2016 to December 2019, ST1 achieved a progress of 63% against the target of 68%. There are 11 KPIs in total, where eight KPIs achieved progress of more than 90%, two KPIs achieved progress between 60% - 90% and one KPI was below 60% progress. The overall progress status of ST1 is shown in Figure 04 below:

MATLAMAT AKHIR: Kualiti, keselamatan dan profesionalisme diterapkan dalam budaya industri pembinaan
MATLAMAT PERTENGAHAN: Meningkatkan kualiti, keselamatan dan profesionalisme di seluruh industri pembinaan
END-STATE: Quantity, safety and professionalism to be ingrained in industry culture
INTERMEDIATE END-STATE: Improved quality, safety and professionalism across the construction industry



Rajah 04: Status Kemajuan Keseluruhan Teras Strategik 1 dari 2016 ke 2019
Figure 04: Overall Progress Status of Strategic Thrust 1 from 2016 to 2019

BIDANG FOKUS 1 (BF1) - KUALITI

Bidang Fokus ini menasaskan peningkatan kualiti pembinaan di kedua-dua projek bangunan awam dan swasta. BF1 menekankan penilaian kualiti dengan menasaskan untuk memastikan bangunan kediaman dan bukan kediaman serta perumahan yang mampu dimiliki akan melaksanakan penilaian QLASSIC. Satu lagi bidang tumpuan adalah untuk mengawal selia pematuan standard bahan binaan agar 5 produk baharu akan ditambah ke dalam Jadual 4 pindaan Akta 520 CIDB. BF1 mempunyai empat KPI.

Kualiti tetap menjadi salah satu ciri terpenting dalam pembinaan, di samping masa dan kos. Walau bagaimanapun, kualiti adalah subjektif dan sukar untuk diukur. Oleh itu, CIDB telah membangunkan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC) pada tahun 2007. QLASSIC merujuk kepada sistem atau kaedah untuk mengukur dan menilai kualiti mutu kerja pembinaan bangunan. Penilaian dilakukan berdasarkan Standard Industri Pembinaan (CIS 7: 2014). QLASSIC membolehkan kualiti mutu kerja antara projek pembinaan dibandingkan secara objektif melalui sistem pemarkahan.

Kategori bangunan yang dinilai menggunakan QLASSIC terdiri daripada perumahan bertanah; perumahan berstrata; bangunan awam / komersial / perindustrian dengan atau tanpa sistem penyejukan berpusat. Penilaian QLASSIC dilakukan melalui pemeriksaan di tapak bina dan menggunakan prinsip pemeriksaan kali pertama. Kerja-kerja pembinaan yang diperbaiki setelah penilaian tidak akan dinilai semula. Objektif prinsip ini adalah untuk mendorong kontraktor untuk "Melakukan Perkara dengan Betul pada Kali Pertama dan Setiap Masa". Garis panduan mengenai QLASSIC sebagai syarat kontrak telah siap untuk pemilik projek guna pakai bagi projek bangunan bukan kediaman swasta.

Dengan kemajuan teknologi dan internet yang bergerak pantas, CIDB terus maju untuk membangunkan portal QLASSIC bagi memudahkan pengendalian dan pengurusan QLASSIC. Portal QLASSIC memulakan pembangunannya pada tahun 2016 dan dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya pada 21 Ogos 2017. Pembangunan portal ini dibiayai melalui peruntukan dari RMKe-11 di bawah Rolling Plan 1 pada tahun 2016 dan ia telah banyak membantu orang ramai dalam membuat permohonan dalam talian untuk penilaian berdasarkan CIS 7 (App QLASSIC) yang baharu dan mendaftar sebagai penilai untuk pentauliah. Portal ini juga menawarkan maklumat mengenai latihan termasuk kalendar latihan dan penyedia latihan serta menyediakan pangkalan data projek, penilai yang berkelayakan, pengumuman dan penerbitan. Portal ini boleh dilayari di qlassic.cidb.gov.my.

FOCUS AREA 1 (FA1) - QUALITY

This Focus Area supports an outcome to improve construction quality in both public and private building projects. FA1 emphasizes on quality assessment by targeting to ensure residential and non-residential buildings as well as affordable housing will conduct QLASSIC assessments. Another area of focus is to regulate conformance of material standards to 5 new construction material products to be included in Schedule 4 of the amended CIDB Act 520. FA1 has four KPIs.

Quality remains one of the most important parameters in construction, alongside time and cost. However, quality is subjective and it is difficult to quantify. As such, CIDB had developed the Quality Assessment System In Construction (QLASSIC) in 2007. QLASSIC refers to a system or method to measure and evaluate the workmanship quality of a building construction work. The assessment is carried out based on the Construction Industry Standard (CIS 7:2014). QLASSIC enables the quality of workmanship between construction projects to be objectively compared through a scoring system.

The categories of building assessed using QLASSIC comprise of landed housing; stratified housing; public/ commercial/ industrial buildings with or without centralised cooling system. QLASSIC assessments are carried out through site inspection and use the principles of first time inspection. Construction works that are rectified after an assessment will not be re-assessed. The objective of this principle is to encourage the contractor to "Do Things Right the First Time and Every Time". Guidelines on QLASSIC as a contractual requirement for project owners to adopt were completed for private non-residential building projects.

With the way the world moves with technological advancement and internet, CIDB strides forward with the decision to develop a QLASSIC portal to facilitate the handling and management of QLASSIC. The QLASSIC Portal commenced development in 2016 and was launched by the Minister of Works on 21 Aug 2017. The portal development was funded via allocations from the 11MP under Rolling Plan 1 in 2016 and has greatly assisted the public in making online applications for assessments based on the new CIS 7 (QLASSIC Apps) and register as an assessor for accreditation. The portal also offers information on training including training calendar and training providers as well as providing project database, qualified assessors, announcements and publications. The portal can be accessed at qlassic.cidb.gov.my.

QLASSIC harus digunakan secara meluas dalam projek awam dan swasta dalam memastikan kepatuhan terhadap standard kualiti seperti CIS 7. Memandatkan kualiti dalam projek bangunan telah dimulakan pada tahun 2016 di mana cadangan polisi telah dibincangkan oleh Kementerian yang berkaitan. Penangguhan syarat wajib diputuskan untuk memastikan semua pihak yang berkaitan dirujuk dan sebarang permasalahan dipertimbangkan sepenuhnya. Akhirnya, pada tahun 2019, pencapaian dalam memandatkan kualiti sangat membanggakan apabila syarat untuk pensijilan QLASSIC dimasukkan di bawah Kriteria 2 (standard perumahan mampu milik) dan Kriteria 3 (standard pembinaan rumah berkualiti) Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang dilancarkan pada 11 Mei 2019 oleh Menteri KPPT. Ia mensyaratkan ciri asas perumahan mampu milik perlu merangkumi keperluan untuk pensijilan QLASSIC dalam memastikan kualiti dan penggunaan QLASSIC dalam teknologi pembinaan. Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019) yang diterbitkan oleh CIDB juga dilancarkan bersama dengan DRMM. Kemasukan keperluan QLASSIC dalam DRMM akan memastikan mutu kerja perumahan mampu milik dan bahan yang digunakan adalah daripada kualiti yang boleh diterima. KPPT juga telah bersetuju untuk melaksanakan QLASSIC melalui kelulusan Lesen Pemaju Perumahan & Permit Iklan (APDL).

Industri telah mempertimbangkan dan bersetuju bahawa skor QLASSIC sebanyak 65% mewakili standard kualiti minimum yang dapat dicapai oleh sesuatu projek. Dari Januari 2016 hingga Disember 2019, 1,375 projek yang merangkumi 195 projek awam dan 1,180 projek swasta telah dinilai menggunakan QLASSIC. Secara konvensional, permohonan penilaian QLASSIC biasanya diterima dari pemaju harta tanah. Namun, dengan kesedaran yang lebih agresif mengenai QLASSIC di antara bukan hanya pemaju, 250 kontraktor juga telah turut membuat permohonan penilaian QLASSIC untuk dijalankan ke atas projek mereka.

Sektor swasta masih menerajui industri dalam mengguna dan memperoleh skor QLASSIC yang tinggi. Purata nasional skor QLASSIC bagi projek swasta sangat memberangsangkan dengan skor yang baik dicatatkan tahun demi tahun kecuali pada tahun 2018. Namun, ia meningkat semula pada tahun 2019 (2016-72%; 2017-72%; 2018-61%, 2019-73%). Sektor awam mencatat skor QLASSIC yang lebih rendah dari tahun 2018 (2016-64%; 2017-69%; 2018-72%; 2019-61%) kerana dua sebab utama iaitu:

- 1) Pada tahun 2018, jumlah projek yang dinilai adalah rendah (19) dan dipercayai mempunyai kualiti yang boleh diterima.
- 2) Pada tahun 2019, jumlah projek telah meningkat dengan ketara dari 19 kepada 146 yang terdiri daripada projek dengan kepatuhan kualiti yang berbeza-beza. Oleh itu, ini mempengaruhi purata skor QLASSIC secara keseluruhan.

Oleh kerana kualiti kerja pembinaan dan bahan yang digunakan adalah diantara fokus utama pembeli hartanah, tumpuan khusus telah diberikan untuk memastikan projek kediaman mencapai skor QLASSIC 65% minima. Banyak pembeli sering tidak mempunyai pilihan selain mengharapkan hasil kerja dan bahan yang digunakan untuk membina hartanah mereka mempunyai kualiti yang boleh diterima. Pada tahun 2019, 299 projek kediaman telah dinilai menggunakan QLASSIC. Dari jumlah ini, 210 telah mencapai skor lebih daripada 65%.

QLASSIC should be widely adopted in both public and private projects in ensuring conformance to quality standards such as CIS 7. Mandating quality in building projects had started in 2016 where relevant Ministries had deliberated on proposed policies. Deferring the mandatory requirement was decided upon to ensure all relevant parties are consulted and on-going concerns fully considered. Finally, in 2019, the achievement in mandating quality had been quite remarkable when requirements for QLASSIC certification was included under Criteria 2 (affordable housing standard) and Criteria 3 (quality home construction standard) of the Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) which was launched on 11 May 2019 by the Minister of KPPT. It requires the basic feature of an affordable housing to include the need for QLASSIC certification in ensuring quality as well as usage of QLASSIC in the construction technology. The Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019) which was published by CIDB was also launched together with the DRMM. The inclusion of the QLASSIC requirements in the DRMM will ensure affordable housing's workmanship and material used are of acceptable quality. KPPT too had agreed to implement QLASSIC through the approvals of the Advertising Permit and Developer's License (APDL).

The industry had deliberated and agreed that a QLASSIC score of 65% represents the minimum acceptable quality standard a project should achieve. From January 2016 until December 2019, 1,375 projects comprising 195 public projects and 1,180 private projects had been assessed using QLASSIC. Conventionally, applications for QLASSIC assessments were usually received from property developers. However, with more aggressive awareness on QLASSIC among not just developers, 250 contractors had now also come on board in applying for the QLASSIC assessment on their projects.

The private sector still leads the industry in adopting and obtaining high QLASSIC scores. The national average QLASSIC scores for private projects had been very encouraging with good scores recorded year on year except in 2018. However, it improved again in 2019 (2016-72%; 2017-72%; 2018-61%, 2019-73%). The public sector recorded a lower QLASSIC score from 2018 (2016-64%; 2017-69%; 2018-72%; 2019-61%) due to two main reasons namely:

- 1) *in 2018, the number of projects assessed were low (19) and believed to be with already acceptable quality.*
- 2) *in 2019, the number of projects had substantially increased from 19 to 146 comprising of projects with varied quality conformance. Hence, affecting the overall average QLASSIC score.*

As quality of construction work and material used are among the main focus of property buyers, special emphasis had been made to ensure residential projects achieved a minimum QLASSIC score of 65%. Many purchasers often have no choice other than to hope that the workmanship and the material used to construct their properties will be of acceptable quality. In 2019, 299 residential projects were assessed using QLASSIC. Out of this, 210 had achieved scores of more than 65%.

Pemaju projek kediaman swasta yang mengambil bahagian dalam penilaian QCLASSIC biasanya adalah pemaju hartanah kelas atasan yang sudah memenuhi syarat kualiti dalam melaksanakan projek mereka. Oleh itu, adalah dijangkakan bahawa skor kualiti mereka akan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam purata skor QCLASSIC bagi projek swasta. Dari sudut pandang pembeli rumah, skor QCLASSIC yang tinggi diterjemahkan kepada rumah berkualiti tinggi, oleh itu, skor QCLASSIC telah digunakan sebagai strategi pemasaran oleh pemaju.

Berikutan dasar untuk memandatkan QCLASSIC dalam DRMM, penilaian QCLASSIC telah dilakukan terhadap perumahan mampu milik untuk mengukur kualitinya. Pada tahun 2019, 87 projek perumahan mampu milik telah dinilai. Daripada jumlah ini, hanya 25 projek yang mencapai markah melebihi 65%. Ini mungkin disebabkan oleh sebahagian besar pemilik atau kontraktor projek tidak pernah dinilai dengan QCLASSIC dan tidak memahami syarat QCLASSIC. Pemilik dan kontraktor projek ini diharapkan dapat menggunakan skor QCLASSIC bagi meningkatkan kualiti dalam projek yang akan datang.

Upacara menandatangani ikrar telah diadakan pada Hari QCLASSIC pada 21 Mac 2019, untuk pelaksanaan QCLASSIC ke atas Program Perumahan Mampu Milik di bawah KPKT, Agensi-Agensi di bawah KPKT iaitu JPN, SPNB dan PR1MA telah komited untuk melaksanakan QCLASSIC pada semua projek kediaman mereka.

Bilangan dan kualiti penilai yang mencukupi perlu ada bagi memudahkan penilaian QCLASSIC. Mengakreditasi Penilai QCLASSIC adalah elemen penting yang akan meningkatkan profil kualiti dalam industri pembinaan dan memastikan penilaian dijalankan dengan baik. Bagi seseorang untuk menjadi penilai QCLASSIC, mereka dikehendaki menjalani empat langkah yang terdiri daripada Kursus Kesedaran (satu Hari); Kursus Penilai dengan Ujian Teori (dua Hari); Ujian Praktikal (dua Hari) dan Hands-On (dua - tiga Hari). Hanya penilai yang telah melengkapkan Langkah satu hingga empat serta berdaftar dengan CIDB boleh dilantik untuk melaksanakan penilaian QCLASSIC.

Dari Januari 2016 hingga Disember 2019, 96 penilai telah berdaftar dengan CIDB dan 2,139 Penilai QCLASSIC telah mengikuti latihan. Penilai ini mesti mengikuti kursus penentuan untuk memastikan mereka dikemaskini dengan keperluan semasa. Dengan pengetahuan yang diperolehi, penilai ini dibenarkan untuk menilai projek mereka sendiri sebelum penilaian QCLASSIC luaran. Personel yang terdiri daripada perunding, pemilik projek, Pengurus Projek, Inspektor Kerja, Penyelia kerja bangunan, kontraktor dan wakil tapak pelanggan telah menjalani sesi latihan dan taklimat QCLASSIC untuk meningkatkan kesedaran dan kemampuan mereka mengenai kualiti pembinaan dan penilaian QCLASSIC. Ini termasuk staf Lembaga Lebuhraya Malaysia dan JKR untuk memastikan kualiti projek awam setara dengan projek sektor swasta.

The developers of private residential projects that participated in QCLASSIC assessments are usually top class property developers who would already subscribe to quality requirements in implementing their projects. As such, it is expected that their quality score would be high as reflected in the average QCLASSIC scores for private projects. From the house buyers view point, a high QCLASSIC score translates into a high quality house, hence, the QCLASSIC score had been used as a selling point by the developers.

Following the policy to mandate QCLASSIC in the DRMM, QCLASSIC assessments were conducted on affordable housing to gauge their quality. In 2019, 87 affordable housing projects were assessed. Out of this, only 25 had achieved scores of more than 65%. This may be due to a majority of the project owners' or contractors' projects had never been assessed with QCLASSIC and were unfamiliar with the QCLASSIC requirements. These project owners and contractors are expected to utilise the QCLASSIC scores to improve their quality in future projects.

A pledge signing ceremony was held on QCLASSIC Day on 21 March 2019, for the implementation of QCLASSIC on Affordable Housing Programmes under KPKT. Agencies under KPKT namely JPN, SPNB and PR1MA have committed to implement QCLASSIC on all their residential projects.

In facilitating QCLASSIC assessments, the adequate number and quality of assessors must be in place. Accrediting QCLASSIC Assessors is a vital element that will raise the profile of quality in the construction industry and ensure that the assessment is carried out well. In order for a person to become a QCLASSIC assessor, they are required to undergo four steps comprising of Awareness Course (one Day); Assessor Course with Theory Exam (two Days); Practical Test (two Days) and Hands-On (two - three Days). Only assessors who have completed Step one to four as well as registered with CIDB can be appointed to carry out QCLASSIC assessments.

From January 2016 to December 2019, 96 assessors are registered with CIDB as well as 2,139 QCLASSIC Assessors had attended trainings. These Assessors must undertake the calibration course to ensure they are updated with current requirements. With the knowledge gained, these assessors are allowed to assess their own projects prior to the external QCLASSIC assessment. Personnel comprising consultants, project owners, Project Managers, Inspector of Works, Supervisor of building works, contractors and client's site representatives had undertaken QCLASSIC training and briefing sessions to enhance their awareness and capacities on quality construction and QCLASSIC ratings. These had included staffs of Lembaga Lebuhraya Malaysia and JKR to ensure the quality of public projects are at par with the private sector projects.

Dalam usaha meningkatkan latihan kemahiran, syarat-syarat penting Standard Industri Pembinaan pada sistem penilaian kualiti untuk kerja pembinaan bangunan (CIS 7) telah dibandingkan dengan Standard Kompetensi Industri Pembinaan (CICS). Keperluan dalam bidang kualiti yang tidak terdapat dalam CICS akan dimasukkan ke dalam modul latihan kompetensi kemahiran CIDB untuk meningkatkan latihan pekerja mahir.

CIDB bersama dengan industri juga telah mengusulkan untuk membangunkan Garis Panduan dan Modul Latihan mengenai Kualiti Reka Bentuk dan Pemilihan Bahan bagi digunakan untuk melatih personel binaan terutama mereka yang belum mencapai skor minima QCLASSIC. Garis panduan ini disasarkan dapat meningkatkan skor untuk projek masa depan.

Mempromosikan kualiti adalah usaha yang berterusan untuk mendidik masyarakat tentang kualiti dan memperluaskan kadar penggunaan untuk penilaian kualiti oleh pemilik dan kontraktor projek. Pelbagai inisiatif dan usaha seperti siri jelajah, seminar, ceramah, penglibatan dan taklimat di seluruh negara telah dijalankan untuk terus mendidik dan mengemas kini industri mengenai QCLASSIC.

CIDB telah menganjurkan Anugerah Kecemerlangan QCLASSIC untuk memberi semangat persaingan yang lebih rancak di kalangan pemain industri. Anugerah tersebut disampaikan pada Hari QCLASSIC, acara tahunan yang dianjurkan oleh CIDB yang bertujuan untuk mempromosi penggunaan sistem penilaian kualiti dalam industri tempatan sambil meraikan dan mengiktiraf pencapaian industri, terutamanya kontraktor/pemaju/ perunding yang memperoleh skor QCLASSIC 80% ke atas. Banyak pemaju hartanah menggunakan kesempatan ini untuk mempamerkan produk berkualiti mereka bagi menarik lebih ramai pembeli. Jelas sekali, memperoleh markah tinggi dalam penilaian QCLASSIC merupakan strategi pemasaran utama untuk meningkatkan penjualan hartanah mereka. Hari QCLASSIC 2019 telah diadakan pada 21 Mac 2019 di MITEC, Kuala Lumpur di mana 15 pemilik projek, 17 kontraktor, 18 arkitek dan 20 projek pembangunan menerima anugerah mereka.

Penglibatan dengan pemilik projek baharu untuk menetapkan QCLASSIC sebagai keperluan kontrak adalah satu usaha berterusan untuk meningkatkan bilangan projek yang dinilai dengan QCLASSIC. CIDB terus berkolaborasi dengan para pemain industri dalam mempromosikan agenda kualiti dengan cara berikut :

- i. Menggunakan Pusat Kualiti mereka dalam meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya kualiti dalam pembinaan dan mendidik masyarakat tentang kualiti mutu kerja.
- ii. Menggunakan skor QCLASSIC sebagai salah satu kriteria penilaian untuk anugerah kualiti Edge Property & FIABCI.

Kajian bertajuk "Cost Benefit Analysis for Projects Using QCLASSIC" telah dijalankan untuk mengenal pasti insentif projek dan impak kos bagi projek yang menggunakan QCLASSIC. Hasil kajian menyimpulkan terdapat pengurangan kos untuk memperbaiki kecacatan dalam projek yang memperoleh skor QCLASSIC yang tinggi. Ini akan membantu mempromosikan QCLASSIC kepada masyarakat dan pemaju hartanah untuk penggunaan yang lebih luas.

In an effort to enhance skill trainings, the essential requirements of the Construction Industry Standard on quality assessment system for building construction work (CIS 7) were compared with the Construction Industry Competency Standards (CICS). Those requirements in the area of quality not present in the CICS will be incorporated into the CIDB's skill competency training modules to improve the training of skill workers.

CIDB together with the industry has also proposed to develop a Guideline and Training Module on Quality Design and Material Selection to be used in training construction personnel especially those who had not achieved the minimum QCLASSIC score. The guideline is targeted to improve the score for future projects.

Promotions on quality is an on-going effort to educate the public on quality as well as widen the adoption rate for quality assessments by project owners and contractors. Various initiatives and efforts such as road shows, seminars, talks, engagements and briefings around the country were carried out to continuously educate and update the industry on QCLASSIC.

CIDB had created the QCLASSIC Excellence Awards to inspire a more vibrant spirit of competition among industry players. The awards were presented on QCLASSIC Day, an annual event organised by CIDB aimed at promoting the use of a quality assessment system in the local industry while celebrating and recognising industry achievements, particularly contractors/ developers/ consultants obtaining a QCLASSIC score of 80% and above. Many property developers use this opportunity to showcase their quality products to attract more purchasers. Obviously, scoring high marks in their QCLASSIC assessments is a major selling point to boost sales of their properties. The QCLASSIC Day 2019 was held on 21 March 2019 at MITEC, Kuala Lumpur where 15 project owners, 17 contractors, 18 architects and 20 development projects received their awards.

Engagements with new project owners to specify QCLASSIC as a contractual requirement is an on-going effort to boost the number of projects that are rated with QCLASSIC. CIDB continues to collaborate with industry players in promoting the quality agenda by the following means :

- i. Utilising their Quality Centres in increasing awareness on the importance of quality in construction and educating the public on quality workmanship.
- ii. Using the QCLASSIC score as one of the evaluation criteria for the Edge Property & FIABCI quality awards.

A study titled "Cost Benefit Analysis for Projects Using QCLASSIC" was conducted to identify project incentive and cost impact for projects using QCLASSIC. The findings concluded that there is a reduction in the cost for defects rectification in projects obtaining high QCLASSIC scores. This will greatly help in promoting QCLASSIC to the public and property developers for greater adoption.

Penggunaan bahan binaan yang piawai dan berkualiti akan menyumbang secara signifikan terhadap kualiti pembinaan. Mengikut Akta 520, CIDB diamanahkan untuk mengawal selia pematuhan terhadap kerja dan bahan binaan yang piawai serta mempromosikan jaminan kualiti dalam industri pembinaan. Jadual 4 Akta tersebut akan meningkatkan kemampuan CIDB untuk menguatkuasakannya dalam memastikan industri pembinaan mematuhi piawaian bahan binaan. Satu sistem atas talian untuk pensijilan pematuhan piawaian bahan binaan telah diwujudkan pada tahun 2017 yang membolehkan pensijilan untuk produk dan bahan binaan yang diimport. Sehingga Disember 2019, lebih daripada 120 piawaian telah dikenal pasti dan dimuktamadkan untuk dimasukkan dalam Jadual 4. Piawaian ini terdiri daripada yang baharu serta penambahbaikan kepada piawaian sedia ada yang merangkumi produk besi & keluli, kaca dan IBS.

Penguatkuasaan mandatori terhadap piawaian bahan terus dipergiatkan dengan pengeluaran 100% notis ketidakpatuhan (N1/N5/N6). Jumlah terkumpul lawatan verifikasi pematuhan bahan dari 2016 hingga 2019 adalah sebanyak 1,477 yang telah meningkat sebanyak 9.5 kali dari 2016. Laporan pematuhan yang terdiri dari statistik pemeriksaan tapak bina telah disusun dan diterbitkan secara dalaman.

RMKe-11 amat menyokong inisiatif pematuhan dan telah memperuntukkan dana berjumlah RM10 juta pada tahun 2017 untuk memperoleh beberapa peralatan ujian. Sehingga Disember 2019, 90% perolehan peralatan makmal ujian telah selesai. Baki 10% akan disiapkan pada Mac 2020.

Usage of standard and quality building materials will significantly contribute towards quality in construction. In accordance with Act 520, CIDB is entrusted to regulate compliance with work and construction materials standards as well as promote quality assurance in the construction industry. Schedule 4 of the Act will enhance CIDB's capability to enforce it in ensuring the construction industry adheres to building material standards. An online system for certification of construction materials conformance to standards was established in 2017 which enables certification for imported construction products and materials. By Dec 2019, more than 120 standards had been identified and finalized to be included in the Schedule 4. These standards consist of new and enhancements to current standards covering iron & steel, glass and IBS products.

Mandatory enforcement of material standards continued to be intensified with 100% non-compliance notices (N1/N5/N6) issued. The total cumulated number of material compliance verification visits from 2016 to 2019 was 1,477 which had increased by 9.5 times from 2016. The conformance report comprising the statistics on these site inspections had been compiled and published internally.

The RMKe-11 had supported the compliance initiative and subsequently granted fund amounting to RM10 million in 2017 to procure a number of testing equipment. By December 2019, 90% of the procurement for the testing lab equipment had been completed. The balance 10% will be completed by March 2020.

BIDANG FOKUS 2 (BF2) - KESELAMATAN

Bidang Fokus ini mensasarkan peningkatan amalan keselamatan di tapak pembinaan. BF2 akan memberi penekanan pada budaya keselamatan dengan mengurangkan kematian di tapak bina sebanyak 10% setiap tahun. Ini dapat dicapai dengan menggubal peraturan mengenai Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (Pengurusan) (OSHCIM) dan memastikan setiap tapak bina mempunyai sekurang-kurangnya satu Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)/ Penyelia Keselamatan Tapak (SSS)/ Orang yang Dilantik (DP). Aktiviti berisiko tinggi seperti kerja/ struktur sementara, operasi mengangkat, bekerja pada paras tinggi, dan lain-lain akan mempunyai peraturan baharu yang akan diwartakan. BF2 mempunyai dua KPI.

Pembinaan dianggap sebagai aktiviti berisiko tinggi. Oleh itu, adalah wajar Akta 520 CIDB secara khusus menetapkan fungsi (I) untuk mengawalselia pelaksanaan pembinaan yang berkualiti dan selamat dalam usaha untuk menumpukan keselamatan dan kesihatan dalam pembinaan. Dari R&D hingga standard dan garis panduan, pelbagai inisiatif dibangunkan untuk memupuk persekitaran yang selamat dan sihat secara tekun dan konsisten.

Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan atau SHASSIC adalah alat untuk menilai prestasi keselamatan dan kesihatan kontraktor dalam kerja/ projek pembinaan. Dibangunkan oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada pakar industri, ia diterbitkan sebagai Standard Industri Pembinaan atau CIS 10: 2008 pada tahun 2008. Ia merangkumi tiga komponen penilaian utama iaitu pemeriksaan dokumen; pemeriksaan tapak/ tempat kerja dan temu ramah pekerja. CIS 10:2008 ditambahbaik pada tahun 2018 di mana sistem pemarkahan dinaiktaraf. Sebaiknya, penilaian dilakukan apabila terdapat pelbagai jenis aktiviti yang sedang berlangsung pada masa yang sama (aktiviti serentak) dan banyak pekerja dari pelbagai tred terlibat di tapak bina serta ketika kemajuan kerja fizikal telah mencapai 25% hingga 75%. Pencapaian skor SHASSIC 3 bintang dianggap baik di mana amalan keselamatan dan kesihatan telah diterapkan.

Sehingga Jun 2019, sistem pemarkahan SHASSIC telah menggunakan CIS 10: 2008 di mana projek yang memperoleh skor 0% - 39% mendapat 1 bintang. Namun, sejak Julai 2019, pemarkahan telah dinaiktaraf di mana projek yang mendapat skor 0% - 39% hanya mendapat sijil penyertaan. Sejak 2015 hingga Disember 2019, jumlah projek yang dinilai dengan SHASSIC telah meningkat sebanyak 7.6 kali kepada 1,064 projek. Secara amnya, kedudukan bintang SHASSIC kebanyakan projek telah bertambah baik dari 2018 kecuali yang mendapat 2 dan 3 bintang.

Melaksanakan sistem pengurusan OSH yang berkesan dapat meningkatkan kemampuan kontraktor untuk terus mengenal pasti bahaya dan mengawal risiko di tapak pembinaan. Organisasi di Malaysia menggunakan OHSAS 18001 dan Standard Malaysia (MS 1722) sebagai sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pelaksanaan ISO 45001: 2018 yang merupakan piawaian antarabangsa pertama di dunia untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) diharap dapat menggantikan OHSAS 18001 yang digunakan secara meluas.

FOCUS AREA 2 (FA2) - SAFETY

This Focus Area supports an outcome to improve safety practices on construction sites. FA2 will put emphasis on safety culture by reducing worksite fatalities by 10% annually. This can be achieved via enacting the regulations on Occupational Safety and Health in Construction Industry (Management) (OSHCIM) and ensuring each construction worksite to have at least one Safety & Health Officer (SHO)/ Site Safety Supervisor (SSS)/ Designated Person (DP). High risk activities such as falsework/ temporary structure, lifting operation, working at height, etc. will have new regulations that will be gazetted. FA2 has two KPIs.

Construction has been regarded a high risk activity. Hence, it is most apt that the CIDB Act 520 had specifically laid out function (I) to regulate the implementation for quality and safe construction works in a bid to focus on safety and health in construction. From R&D to standards and guidelines, various initiatives are developed to foster safe and healthy environment diligently and consistently.

The Safety and Health Assessment System in Construction or SHASSIC is a tool to assess the safety and health performance of a contractor in construction works/ projects. Developed by a Technical Committee comprising industry experts, it was published as the Construction Industry Standard or CIS 10:2008 in 2008. It covers three main components of assessment namely document check; site/ workplace inspection and employees' interview. The CIS 10:2008 was enhanced in 2018 where the scoring system was upgraded. Preferably, the assessment shall be carried out when there is different type of activities that are ongoing at same time (concurrent activities) and many workers of different trades are involved at the site as well as when the physical work progress had achieved 25% to 75%. A SHASSIC score of 3 stars is considered good where safety and health practices are in place.

Up till June 2019, the SHASSIC scoring system had utilised CIS 10: 2008 where projects scoring 0% - 39% get 1 star. However, since July 2019, the scoring had been upgraded where projects scoring 0% - 39% only get a participation certificate. Since 2015 until December 2019, the number of projects assessed with SHASSIC had increased by 7.6 times to 1,064 projects. Generally, most projects have improved on the SHASSIC star ranking from 2018 except those getting 2 and 3 stars.

Putting in place an effective OSH management system can greatly improve contractors' ability to continuously identify hazards and control risks at construction sites. Organisations in Malaysia were adopting the OHSAS 18001 and Malaysian Standard (MS 1722) for their occupational safety and health management system. The implementation of the ISO 45001: 2018, which is the world's first international standard for occupational safety and health (OSH) management is expected to replace the widely-used OHSAS 18001.



Badan yang mengawal keselamatan di Malaysia adalah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia. JKKP dan agensi lain telah menerbitkan pelbagai Akta, Peraturan dan piawaian sistem pengurusan OHS mengenai keselamatan seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (Akta 514) dan Peraturan, Akta Kilang dan Mesin, 1967 (Akta 139) dan Peraturan & Undang-Undang, OHSAS 18001: 2007, MS 1722: 2005 dan ILO OHS MS: 2001.

Yang terbaharu adalah Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) (OSHCIM) yang disasarkan untuk digubal pada Q1 2020. Ianya serupa dengan Peraturan Reka Bentuk dan Pengurusan Pembinaan (CDM) UK. OSHCIM diterbitkan selepas cadangan dikemukakan kepada JKKP untuk memperbaiki kerangka perundangan dan peraturan yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pembinaan (OSH) setelah kajian dijalankan untuk meninjau kecukupan dan keberkesanan undang-undang sedia ada mengenai keselamatan pembinaan. Di bawah OSHCIM, semua pihak bertanggungjawab iaitu pelanggan, pereka dan kontraktor mempunyai tugas dan tanggungjawab statutori untuk menguruskan risiko semasa peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan projek pembinaan. Sehingga Dis 2019, draf akhir Peraturan OSHCIM telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, JKKP dan CIDB telah bersama-sama menerbitkan Garis Panduan OSHCIM pada tahun 2017 agar pihak bertanggungjawab dapat memahami tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih baik.

Dalam memantapkan inisiatif keselamatan, pindaan terhadap Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446) yang merangkumi sektor pembinaan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 31 Julai 2019. Peraturan untuk perumahan dan kemudahan pekerja pembinaan sedang digubal.

Bilangan SHO/ SSS/ DP yang mencukupi sangat penting untuk memastikan keselamatan dipatuhi di tapak bina. Di bawah CIS 27: 2019 mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - Spesifikasi dan Bil Kuantiti (BQ) untuk Kerja Pembinaan, kontraktor mesti menggajikan sepenuh masa orang yang kompeten untuk bertindak sebagai:

- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) untuk projek bernilai lebih dari RM20 juta.
- Penyelia Keselamatan Tapak (SSS) harus ditempatkan di tapak bina sekurang-kurangnya 15 jam seminggu.
- Orang yang Dilantik (DP) selaras dengan Peraturan FMA 1986.

Sejak 2016 hingga Dis 2019, CIDB telah melatih 2,014 SHO (peningkatan empat kali ganda dari 2016), 3,249 SSS (peningkatan lima kali ganda dari 2016) dan latihan untuk DP akan dilaporkan pada tahun 2020.

The governing body on safety in Malaysia is the Department of Safety & Health (DOSH) under the Ministry of Human Resource. DOSH and other agencies had published various Acts, Regulations and OHS management system standards on safety such as Occupational Safety and Health Act, 1994 (Act 514) and Regulations, Factories and Machinery Act, 1967 (Act 139) and Regulations & Rules, OHSAS 18001: 2007, MS 1722: 2005 and ILO OHS MS: 2001.

The latest one is the Occupational Safety & Health in Construction Industry (Management) (OSHCIM) Regulations targeted to be enacted in Q1 2020. It is similar to the UK's Construction Design and Management (CDM) Regulations. OSHCIM was published subsequent to recommendations submitted to DOSH to improve the legal and regulatory framework related to Construction Occupational Safety and Health (OSH) after studies were conducted to review the adequacy and effectiveness of prevailing laws on construction safety. Under OSHCIM, all duty holders i.e. the clients, designers and contractors will have statutory duties and responsibilities to manage risk during the planning, design, construction and maintenance stages of construction projects. By Dec 2019, the final draft of OSHCIM Regulations were submitted to AGC for further action. Additionally, DOSH and CIDB have jointly published OSHCIM Guidelines in 2017 for the duty holders to understand better their duties and responsibilities.

In further strengthening safety initiatives, the amendments to the Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities Act (Act 446) which had included the construction sector had been approved by Dewan Rakyat on 15 July 2019 and Dewan Negara on 31 July 2019. The Regulations for construction worker housing and amenities are being drafted.

The adequate supply of SHO/ SSS/ DP is crucial in ensuring safety is adhered at construction sites. Under the CIS 27: 2019 on Occupational Safety and Health - Specification and Bill Of Quantities (BQ) for Construction Works, the contractor must employ a full time competent person to act as the following:

- Safety and Health Officer (SHO) for projects value of more than RM20 million.
- Site Safety Supervisor (SSS) is to be stationed at site for a minimum of 15 hours a week.
- Designated Person (DP) in accordance to the FMA 1986 Regulations.

Since 2016 to Dec 2019, CIDB has trained 2,014 SHO (increased by four times from 2016), 3,249 SSS (increased by five times from 2016) and the training for DP will be reported in 2020.

Pada 2019, kursus/ seminar berikut telah dijalankan :

- 11 kursus SHASSIC/ seminar berdasarkan CIS 10: 2018 untuk penilai SHASSIC sedia ada dan baharu
- Empat Program Kesedaran ISO 45001: 2018 untuk Kontraktor G7 yang melaksanakan projek pembinaan melebihi RM20 juta
- Empat latihan DIY ISO 45001: 2018 untuk Kontraktor/ Pemaju bagi membantu mereka mendapatkan pensijilan
- Empat latihan untuk kontraktor projek yang mendapat 3 bintang ke bawah dalam penilaian SHASSIC untuk meningkatkan penarafan SHASSIC projek mereka
- Empat Seminar Keselamatan meliputi SHASSIC, OSH BQ, MS2593, Laporan Kajian dan lain-lain
- Lapan latihan OSHCIM untuk meningkatkan kesedaran dan kapasiti melibatkan seramai 304 personel pembinaan termasuk pelanggan, pereka dan kontraktor

Kajian mengenai kemalangan pembinaan dan penyebabnya yang bertajuk "Study on scaffolding and falsework failure in construction" telah disiapkan pada bulan Disember 2019. Ia telah dibentangkan di program Seminar Keselamatan dan Jawatankuasa Pengesanan untuk maklum balas pada 16 Disember 2019 di mana semua komen telah dimasukkan ke dalam kajian.

Untuk memastikan OSHCIM boleh digunakan, 10 projek perintis telah dipilih untuk melaksanakannya. Laporan mengenai projek perintis ini yang merangkumi pra-pembinaan, pembinaan dan pasca-pembinaan telah siap sepenuhnya dan dibentangkan kepada pelbagai jawatankuasa. Pada umumnya, pelaksanaannya berjaya dalam memastikan keselamatan. Melangkah ke hadapan, penyediaan penerbitan mengenai bahan berkaitan OSHCIM seperti nota panduan dan mekanisme untuk membimbing dan memastikan pihak bertanggungjawab sentiasa mengikuti konsep, prinsip dan matlamat OSHCIM sangat digalakkan.

Mempromosikan keselamatan adalah program berterusan yang dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan dan akibat ketidakpatuhan berdasarkan Akta CIDB yang dipinda. Pada tahun 2019, penglibatan berikut telah diadakan:

- Lapan NGO yang berkaitan dengan industri pembinaan
- Empat pemain industri untuk mempromosikan CIS 27: 2019 Spesifikasi OSH dan Bil Kuantiti (BQ) untuk Kerja Pembinaan
- Lapan sesi dengan pihak berkepentingan diadakan bersama-sama dengan Jawatankuasa Penasihat OSHCIM untuk mempromosikan OSHCIM
- Lapan sesi termasuk mendapatkan maklum balas mengenai OSHCIM melibatkan 1,025 personel pembinaan

Dengan menjalani penilaian SHASSIC, kontraktor projek diberi insentif sebanyak 20 mata CCD untuk pembaharuan pendaftaran dengan CIDB. Kontraktor juga boleh meraih beberapa faedah dari segi kemampuan untuk mengenal pasti bahagian mana mereka telah gagal atau tidak mendapat markah tinggi untuk penambahbaikan selanjutnya; memudahkan pihak berkuasa semasa pemeriksaan aspek keselamatan di tapak bina serta menyediakan panduan senarai semak agar Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan cekap.

In 2019, the following courses/ seminars were conducted :

- 11 SHASSIC courses/ seminar based on CIS 10: 2018 for existing and new SHASSIC assessors
- Four Awareness Programmes on ISO 45001: 2018 for G7 Contractors implementing construction projects exceeding RM20 million
- Four DIY ISO 45001: 2018 trainings for Contractors/ Developer to assist them in getting themselves certified
- Four trainings for contractors of projects getting 3 STARS and below in their SHASSIC assessment to improve the SHASSIC ratings of their projects
- Four Safety Seminars covering SHASSIC, OSH BQ, MS2593, Study Reports and others
- Eight OSHCIM trainings to enhance awareness and capacity involving a total of 304 construction personnel including clients, designers and contractors

The study on construction accidents and the causes titled "Study on scaffolding and falsework failure in construction" was completed in December 2019. It was presented at Safety Seminar programmes and the validation committee for feedbacks on 16 December 2019 where all comments were incorporated into the study.

In ensuring the OSHCIM is feasible, 10 pilot projects were selected to implement it. The report on these pilot projects which covers pre-construction, construction and post-construction was fully completed and presented to the various committees. The implementation was generally successful in ensuring safety. Moving forward, the provision of publication on OSHCIM related materials such as guidance notes and mechanism to guide and keep duty holders on track with the concept, principal and goals of OSHCIM is most recommended.

Promoting safety is an ongoing programme being organised to enhance awareness on the importance of safety and the consequences of non-compliance based on the amended CIDB Act. In 2019, the following engagements were held:

- Eight NGOs related to the construction industry
- Four industry players to promote the CIS 27: 2019 OSH Specification and Bill of Quantities (BQ) for Construction Works
- Eight sessions with Stakeholders held together with the Advisory Committee for OSHCIM to promote OSHCIM
- Eight sessions including getting feedbacks on OSHCIM involving 1,025 construction personnel

By undergoing SHASSIC assessments, contractors of projects are given incentives of 20 CCD points for registration renewals with CIDB. Contractors can also gain several benefits in terms of ability to identify areas where they have failed or did not score high for further improvements; ease authorities when inspecting safety aspects at site as well as provide guided checklists for the Safety and Health Officers to discharge their duties more effectively and efficiently.

BIDANG FOKUS 3 (BF3) - PROFESIONALISME

Bidang Fokus ini menasaskan peningkatan penyampaian projek melalui standardisasi dan inisiatif integriti. BF3 bertujuan untuk memupuk profesionalisme dalam industri pembinaan Malaysia di mana tumpuan akan diberikan untuk memastikan semua projek awam menggunakan Gerbang Nilai untuk kejayaan penyediaan projek. Profesionalisme juga akan ditingkatkan apabila syarikat berkaitan pembinaan menerapkan prosedur yang mencukupi untuk memenuhi kepatuhan kepada MS ISO 37001: 2016 (*Anti Bribery Management Systems*). Projek pembinaan yang dikendalikan oleh Pengurus Pembinaan yang diakreditasi serta menggunakan Spesifikasi Nasional yang dibantu oleh BIM akan meningkatkan produktiviti dan membantu penyediaan projek dengan jayanya. BF3 mempunyai lima KPI.

Gerbang Nilai, satu proses semakan yang terdiri daripada empat fasa (fasa perancangan, fasa reka bentuk, fasa tender dan fasa penyerahan) telah diwajibkan untuk projek JKR melalui Surat Arahan KPKR Bil.23/2018 yang dikeluarkan pada 30 Oktober 2018 untuk semua projek yang melebihi RM500,000.00. Gerbang Nilai adalah untuk meningkatkan penyampaian projek dan memberi jaminan bahawa projek dapat maju dengan jayanya ke fasa seterusnya. Berdasarkan laporan JKR ke atas projek awam yang menggunakan Gerbang Nilai, 500 projek awam telah melaksanakan Gerbang Nilai sejak Januari 2018 hingga Dis 2019. JKR juga telah menghasilkan laporan penilaian terhadap dua projek perintis yang telah menyelesaikan Gerbang Nilai Fasa empat (Fasa Penyerahan).

Kursus kesedaran dan latihan untuk staf JKR mengenai pelaksanaan dan penggunaan Gerbang Nilai telah dijalankan sejak Januari 2019. Sehingga Dis 2019, 445 staf JKR dari 17 pejabat cawangan dan 15 pejabat negeri telah menghadiri kursus kesedaran dan latihan tersebut.

Spesifikasi Nasional untuk Pembinaan (NSC) bertujuan untuk mengintegrasikan spesifikasi piawai sektor awam dan sektor swasta yang dapat mengurangkan pertikaian, percanggahan dan ketidakpastian pendapat dan akhirnya meningkatkan keseragaman spesifikasi yang digunakan dalam industri pembinaan.

NSC yang dicadangkan akan merangkumi semua spesifikasi yang sedia ada termasuk bahan binaan, keselamatan, alam sekitar, kaedah, mutu kerja dan sebagainya. Ia akan dibangunkan secara tempatan dengan kerjasama antara CIDB, CIDB e-Construct (CIDBEC) yang akan membangunkan platform sistem dan PAM yang akan membangunkan kandungan spesifikasi. Memorandum Persefahaman antara CIDBEC dan PAM untuk membangunkan MNCS selama dua tahun disasarkan untuk ditandatangani pada Q1 2020. NSC akan dibangunkan dalam dua fasa iaitu Spesifikasi Kerja Kecil Malaysia (MSWS) dan Spesifikasi Pembinaan Negara Malaysia (MNCS).

Dokumen Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM) memaparkan peraturan untuk pengukuran, definisi, liputan dan keterangan untuk kerja-kerja kejuruteraan awam. Ia digunakan sebagai asas untuk penyediaan Bil Kuantiti untuk kerja-kerja kejuruteraan awam. Dari 2016 hingga 2019, 37 projek telah menggunakan MyCESMM. Pada tahun 2018 MyCESMM telah ditukar menjadi MSCESMM (MS 2701: 2018) dan dilancarkan pada 8 Januari 2019 di Sabah oleh YB Menteri Kerja Raya.

FOCUS AREA 3 (FA3) - PROFESSIONALISM

This Focus Area supports an outcome to improve project delivery through standardisation and integrity initiatives. FA3 aims at instilling professionalism in the Malaysian construction industry where the focus will be on ensuring all public projects to adopt Gerbang Nilai for successful project completion. Professionalism will also be enhanced when construction-related companies put in place adequate procedures in gearing towards compliance to MS ISO 37001: 2016 (Anti Bribery Management Systems). Having construction projects managed by accredited Construction Manager and utilising BIM-enabled National Specification will improve productivity and assist in the successful completion of projects. FA3 has five KPIs.

Gerbang Nilai, a review process comprising of four phases (planning phase, design phase, tender phase and handover phase) had been made mandatory for JKR projects via the Surat Arahan KPKR Bil.23/2018 issued on 30 October 2018 for all projects exceeding RM500,000.00. Gerbang Nilai is to improve the delivery of projects and to provide assurance that projects can progress successfully to the next phase. Based on the JKR report on public projects that use Gerbang Nilai, 500 public projects had implemented Gerbang Nilai since January 2018 till Dec 2019. JKR had also produced the assessment report on the two pilot projects that had completed Gerbang Nilai Phase four (Hand Over Phase).

Awareness and training courses for JKR's staffs on the implementation and usage of Gerbang Nilai were conducted since January 2019. As of Dec 2019, 445 JKR staffs from 17 branch offices and 15 state offices had attended the said awareness and training courses.

The National Specification for Construction (NSC) aims to integrate the public sector standard specifications and private sector resulting in reduced disputes, contradictions and uncertainties of opinions and eventually improve the uniformity of the specifications used in the construction industry.

The proposed NSC will cover all specifications available including building materials, safety, environmental, methods, quality of workmanship and so on. It is to be developed locally with the collaboration between CIDB, CIDB e-Construct (CIDBEC) who will be developing the system platform and PAM who will be developing the content specification. An MoU between CIDBEC and PAM in the development of MNCS for a period of two years is targeted to be signed in Q1 2020. The NSC will be developed in two phases namely the Malaysian Small Works Specification (MSWS) and Malaysian National Construction Specification (MNCS).

The Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM) is a document that features the rules for measurement, definition, coverage and description for civil engineering works. It is used as a basis for the preparation of the Bills of Quantities for civil engineering works. From 2016 till 2019, 37 projects had used MyCESMM. In 2018 MyCESMM was converted to MSCESMM (MS 2701: 2018) and was launched on 8 January 2019 in Sabah by YB Minister of Work.

Pada tahun 2019, 376 profesional pembinaan telah dilatih dalam MSCESMM dari sektor awam dan swasta. Semasa sesi latihan ini, sebanyak 265 maklum balas ke atas soal selidik juga diperolehi. MSCESMM telah dipromosikan dalam pelbagai acara termasuk ICW 2019 pada April 2019, 11 sesi latihan diadakan sepanjang 2019, kerjasama dengan UTM untuk Seminar Pembinaan yang diadakan pada Julai 2019 dan SICA 2019 yang diadakan pada 20 Ogos 2019.

Program pensijilan Pengurus Pembinaan (CCM) sedang dilaksanakan untuk memastikan projek dikendalikan oleh pegawai yang kompeten untuk siap dengan jayanya. Syarat baru untuk projek pembinaan bernilai lebih dari RM50 juta mesti dikendalikan oleh Pengurus Pembinaan yang bertauliah telah disasarkan untuk dicapai pada tahun 2023.

Pakej Pembelajaran (Modul) Pengurus Pembinaan untuk program CCM telah siap pada 31 Disember 2019. Latihan profesional pembinaan dalam CM hanya akan dimulakan setelah semua SOP untuk ketiga-tiga kaedah penilaian telah siap yang dijadualkan pada akhir Q3 2020. Walau bagaimanapun, penilaian berdasarkan pengiktirafan pembelajaran dan pengalaman terdahulu yang merupakan kaedah penilaian ketiga telah dilakukan sejak November 2019. Sesi penilaian pertama dilakukan pada 27 - 28 November 2019 dan kedua pada 19 Disember 2019. Seramai 29 profesional pembinaan telah dinilai berdasarkan portfolio, pendidikan dan pengalaman mereka. Dari jumlah tersebut, 16 orang telah diterima dan didaftarkan di CIDB sementara baki 13 orang perlu dinilai semula ke atas Pakej Pembelajaran yang mereka telah gagal.

Pada tahun 2019, CIDB telah bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri seperti MBAM, ACCPM, Institut Tinggi CIOB, JKR, badan profesional dan pemain industri lain untuk mempromosikan program CCM. Dengan bantuan rakan SME dari MBAM, Encik Dennis Tan Soo Huang, CIDB telah diberi peluang untuk mempromosikan program CCM semasa forum industri MBAM; Mesyuarat Majlis MBAM dengan pengurusan tertinggi serta media sosial dan laman web MBAM. CIOB juga telah mengadakan pertemuan dengan CEO mereka dari UK pada 18 Dis 2019 untuk menaiktaraf program ini ke peringkat antarabangsa.

Akta SPRM (Akta 694) mula dikuatkuasakan pada Januari 2009. Objektif utama Akta ini adalah untuk mempromosikan integriti dan akauntabiliti pentadbiran sektor awam dan swasta serta membuat peruntukan lanjut dan lebih baik untuk pencegahan rasuah. Pencegahan rasuah adalah aspek penting yang dapat meningkatkan profesionalisme dalam industri pembinaan. Selaras dengan ini, Akta SPRM telah dipinda pada tahun 2018 dengan menambah Seksyen 17A baharu yang akan dikuatkuasakan pada Jun 2020. Ia memperkenalkan liabiliti korporat bagi kesalahan rasuah yang terpakai kepada organisasi komersial Malaysia termasuk syarikat berkaitan pembinaan. Organisasi komersial melakukan kesalahan jika ada orang yang berkaitan dengan organisasi tersebut melakukan perbuatan rasuah untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapat kelebihan bagi organisasi komersial tersebut. Sekiranya didakwa, sebagai satu pembelaan, organisasi komersial perlu membuktikan bahawa pihaknya telah menetapkan prosedur yang mencukupi bagi mencegah tindakan tersebut.

In 2019, 376 construction professionals had been trained on MSCESMM from the public and private sectors. During these training sessions, a total of 265 feedback questionnaires were also obtained. MSCESMM was promoted on various events including ICW 2019 in April 2019, 11 training sessions held throughout 2019, collaboration with UTM for Construction Seminar held in July 2019 and SICA 2019 held on 20 Aug 2019.

The certification of Construction Manager (CCM) programme is being pursued to ensure that projects be managed by competent personnel for its successful delivery. The new requirement for construction projects worth more than RM50 million must be managed by accredited Construction Manager has been targeted to be achieved by 2023.

The Learning Packages (Modules) on Construction Manager for the CCM programme were completed by 31 December 2019. The training of construction professionals on CM will only commenced after all the SOP for all the three methods of assessment had been completed which is scheduled by end of Q3 2020. However, assessments based on recognition of prior learning and experience which is the third method of assessment had been conducted since November 2019. The first assessment session was conducted on 27 - 28 November 2019 with the second one on 19 December 2019. A total of 29 construction professionals had been assessed based on their portfolio, education and experience. Out of these, 16 were accepted and registered with CIDB while the balance 13 needs to be re-assessed on the Learning Packages that they had failed.

In 2019, CIDB had been working closely with industry stakeholders such as MBAM, ACCPM, CIOB High Institution, JKR, Professional bodies and other industry players to promote the CCM programme. With the assistance of the SME buddy from MBAM, Mr. Dennis Tan Soo Huang, CIDB was given the opportunity to promote the CCM programme during the MBAM industry forum; MBAM council meeting with their top management and MBAM social media and website. CIOB had also organised a meeting with their CEO from UK on 18 Dec 2019 to elevate the program to international level.

The MACC Act (Act 694) was originally enforced in January 2009. The Act's principal objective is to promote the integrity and accountability of the public and private sectors administration as well as make further and better provision for the prevention of corruption. The prevention of bribery is an important aspect that can enhance professionalism in the construction industry. In line with this, the MACC Act was amended in 2018 by adding a new Section 17A that will be enforced in June 2020. It introduced corporate liability for corruption offences, which applies to Malaysian commercial organisations including construction-related companies. A commercial organisation commits an offence if any person associated with the organisation commits a corrupt act in order to obtain or retain business or advantage for the commercial organisation. If charged, it is a defence for the commercial organisation to prove that it had in place adequate procedures to prevent such conduct.

Standard Malaysia MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) telah dilancarkan untuk membimbing dan memperbaiki sistem pengurusan anti-rasuah organisasi. Ia membolehkan semua jenis organisasi mencegah, mengesan dan menangani rasuah secara sistematik. Sehingga Disember 2019, berdasarkan data dari SIRIM, terdapat 17 organisasi berkaitan pembinaan yang telah diperakui sijil MS ISO 37001: 2016. Tinjauan dilakukan oleh CIDB mengenai status sedia ada prosedur mencukupi berkenaan anti-rasuah di syarikat berkaitan pembinaan. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa 690 syarikat dari 780 sudah memiliki prosedur yang mencukupi.

Seminar untuk membantu organisasi komersial dalam industri pembinaan dalam memahami dan melaksanakan prosedur yang mencukupi untuk mencegah amalan rasuah termasuk keperluan di bawah MS ISO 37001: 2016 (Anti-Bribery Management Systems) telah dijalankan pada 16 Oktober 2019.

CIDB juga telah mengemaskini SCORE 2.0 pada MS ISO 37001: 2016 (Anti-Bribery Management Systems) mengenai keperluan untuk menerapkan prosedur yang mencukupi bagi memerangi rasuah. Modul pembelajaran integriti atas talian untuk meningkatkan kesedaran mengenai integriti sedang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor CIDB. Ia boleh dilayari melalui laman web CIDB di www.cidb.gov.my


Syarikat yang diperakui MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) membolehkan organisasi meningkatkan reputasi dan imej mereka dengan memastikan kepatuhan kepada undang-undang serta memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada bakal rakan kongsi. Ia juga berpotensi untuk mengurangi risiko korporat dan kos yang berkaitan salah laku rasuah dengan menyediakan kerangka perniagaan yang dapat dikendalikan untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah.

The Malaysian Standard MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) was launched for the purpose of guiding and improving an organisation's anti-bribery management system. It allows organisations of all types to prevent, detect and address bribery systematically. By December 2019, based on data from SIRIM, there are 17 construction related organisations already certified with MS ISO 37001: 2016. A survey was conducted by CIDB on the existing status of adequate procedures on anti-bribery in construction related companies. The result showed that 690 companies out of 780 already have in place adequate procedures.

A Seminar to assist commercial organisations in the construction industry in understanding and implementing adequate procedures to prevent corrupt practices including requirements under MS ISO 37001: 2016 (Anti-Bribery Management Systems) was conducted on 16 October 2019.

CIDB had also updated the SCORE 2.0 on MS ISO 37001: 2016 (Anti-Bribery Management Systems) on the requirement to put in place adequate procedures to combat bribery. An online integrity learning module to enhance awareness on integrity is currently being conducted by Bahagian Pembangunan Kontraktor CIDB. It is available via the CIDB website at www.cidb.gov.my

Companies certified with the MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) enables the organisation to enhance their reputation and image by assuring legal compliance as well provide confidence and trust to potential partners. It also has the potential to reduce corporate risk and costs related to bribery misconducts by providing a manageable business framework for preventing, detecting and addressing bribery.



TERAS STRATEGIK 2 KEMAMPAAN ALAM SEKITAR

STRATEGIC THRUST 2 - ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

Teras Strategik 2 (TS2) mempunyai hanya satu Bidang Fokus iaitu Bidang Fokus Kemampaan. TS2 mengekalkan matlamat akhir di mana pembinaan mampan di Malaysia menjadi model bagi negara-negara yang sedang membangun dan matlamat pertengahan adalah untuk menekankan pembinaan mampan dalam rantaian nilai.

Dari Januari 2016 hingga Disember 2019, ST2 mencapai kemajuan 63% berbanding sasaran 68%. Terdapat enam KPI secara keseluruhan, di mana lima KPI mencapai kemajuan melebihi 90% dan satu KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90%. Status kemajuan keseluruhan ST2 ditunjukkan dalam Rajah 05 di bawah:

Strategic Thrust 2 (ST2) has only one Focus Area namely Focus Area on Sustainability. ST2 maintains the end-state/ outcome of Malaysia's sustainable construction to be a model for the emerging world where the intermediate end-state was to emphasise sustainable construction in the value chain.


From January 2016 to December 2019, ST2 achieved a progress of 63% against the target of 68%. There are six KPIs in total, where five KPIs achieved progress of more than 90% and one KPI achieved progress between 60% - 90%. The overall progress status of ST2 is shown in Figure 05 below:

MATLAMAT AKHIR: Pembinaan mampan di Malaysia menjadi model bagi negara-negara yang sedang membangun

MATLAMAT PERTENGAHAN: Pembinaan mampan ditekankan dalam rantaian nilai

END-STATE: Malaysia's sustainable construction to be a model for the emerging world

INTERMEDIATE END-STATE: Sustainable construction emphasis in the value chain



Rajah 05: Status Kemajuan Keseluruhan Teras Strategik 2 dari 2016 ke 2019
Figure 05: Overall Progress Status of Strategic Thrust 2 from 2016 to 2019

BIDANG FOKUS 4 (BF4) - KEMAMAPAN

Bidang Fokus ini memberi penekanan ke atas pembinaan mampan dalam rantaian nilai. BF4 mensasarkan untuk mencapai matlamat pembangunan yang mampan di mana projek infrastruktur baharu bernilai lebih dari RM100 juta akan diperakui dengan Sustainable INFRASTAR. Untuk mengurangkan pelepasan karbon, kadar asas pelepasan CO₂ dalam industri pembinaan akan dikaji. Tiga garis panduan mengenai Pembinaan Berdaya Tahan akan diterbitkan dengan memberi fokus pada reka bentuk dan pengurusan projek sementara laporan penilaian pengurusan sisa pepejal pembinaan mampan akan dihasilkan untuk tindakan yang diperlukan berkenaan pengurusan sisa pepejal pembinaan. BF4 mempunyai enam KPI.

Fokus utama mengenai kemampan alam sekitar adalah kaedah bagaimana ia diukur dan ditanda aras. Untuk itu, CIDB telah mewujudkan Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool (Sustainable INFRASTAR), satu sistem penilaian berdasarkan objektif dan bukti yang menilai sejauh mana langkah-langkah kemampan yang diterapkan oleh projek infrastruktur di Malaysia terutamanya pada peringkat reka bentuk dan pembinaan. Ia terdiri daripada enam kriteria teras, 27 kriteria dan 89 sub-kriteria yang merangkumi tiga tonggak kemampan iaitu persekitaran, sosial dan ekonomi. Faktor utama seperti penggunaan tanah, kesan penggunaan peralatan terhadap persekitaran, dan pengurusan kedua-dua sumber dan sisa di tapak bina juga termasuk dalam penilaian. Sustainable INFRASTAR dilancarkan pada bulan Mac 2019 bersempena dengan ICW 2019 bagi membantu menangani masalah alam sekitar dalam industri pembinaan dan melengkapkan alat penarafan lain seperti Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST) untuk pembinaan bangunan, serta Malaysia Green Highway Index.

MyCREST, atau Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool, mensasarkan untuk membimbing, membantu, mengukur sambil mengurangkan kesan pembinaan kepada persekitaran dari segi pengurangan pelepasan karbon dan kesan alam sekitar. Ia juga mengambil kira pandangan kitaran hidup yang lebih holistik terhadap persekitaran. Selain itu, ia berhasrat untuk menggabungkan pertimbangan sosio-ekonomi yang berkaitan dengan persekitaran binaan dan pembangunan bandar. MyCREST dibangunkan secara tempatan dan pertama kali digunakan pada tahun 2015. Sehingga kini, MyCREST telah ditambahbaik dengan mengkaji semula peringkat Reka Bentuk dan Pembinaan, Peringkat Operasi dan Penyelenggaraan dan parameter Kalkulator MyCREST.

Penilaian projek sektor awam dan swasta dilakukan untuk mengukur aspek kemampan projek-projek ini menggunakan Sustainable INFRASTAR dan MyCREST. Pada tahun 2019, terdapat empat projek perintis yang didaftarkan dan dinilai, lapan projek infrastruktur yang didaftarkan dengan satu projek sedang dinilai menggunakan Sustainable INFRASTAR. Ini menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan untuk tahun pertama setelah program ini dilancarkan. Jumlah keseluruhan projek bawah MyCREST dari tahun 2016 hingga 2019 yang didaftar adalah 143 (meningkat 10.9 kali dari 2016) dan dinilai sebanyak 22 (meningkat lapan kali 2016).

FOCUS AREA 4 (FA4) - SUSTAINABILITY

This Focus Area supports an outcome to ensure sustainable construction emphasis in the value chain. FA4 targets to achieve its sustainable development goals where new infrastructure projects more than RM100 million are to be certified in Sustainable INFRASTAR. In order to reduce carbon emission, the CO₂ emission baseline in the construction industry will be studied. Three guidelines on Resilient Construction will be published focusing on design and project management while the sustainable construction solid waste management assessment report will be produced for required actions on managing construction solid waste. FA4 has six KPIs.

A key focus about environmental sustainability is the means through which it is measured and benchmarked. Towards this end, CIDB has established the Malaysia Sustainability Infrastructure Rating Tool (Sustainable INFRASTAR), an objective and evidence-based evaluation system that assesses the extent of sustainability measures adopted by infrastructure projects in Malaysia primarily at both design and construction stages. It comprises of six core criteria, 27 criteria and 89 sub-criteria that encapsulated the three pillars of sustainability namely environment, social and economy. Key sustainability factors such as land use, the environmental impact of the equipment used, and the management of both resources and waste on construction sites are also included in the assessment. The Sustainable INFRASTAR was launched in March 2019 in conjunction with ICW 2019 to assist in addressing environmental concerns for the construction industry and complements other rating tools such as the Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST) for building construction, as well as the Malaysia Green Highway Index.

MyCREST, or the Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool, aims to guide, assist, quantify, hence reduce, the built environment's impact in terms of reduced carbon emissions and environmental impact. It also takes into account a more holistic life cycle view of the built environment. Additionally, it aspires to integrate socio-economic considerations relating to the built environment and urban development. MyCREST is locally developed and first piloted in 2015. To date, it had been enhanced by reviewing its Design and Construction Stage, Operation and Maintenance Stage and the MyCREST Calculator parameters.

Assessments of public and private sector projects were conducted to gauge the sustainability aspects of these projects using the Sustainable INFRASTAR and MyCREST. In 2019, there were four pilot projects registered and evaluated, eight infrastructure projects registered with one project being evaluated using Sustainable INFRASTAR. This showed an encouraging achievement for the first year after the program was launched. The total cumulated number of projects under MyCREST from 2016 to 2019 that were registered was 143 (increase by 10.9 times from 2016) and assessed was 22 (increased by eight times from 2016).

Jumlah penilai dan fasilitator yang mencukupi untuk meningkatkan penggunaan Sustainable INFRASTAR adalah penting untuk memastikan kemampan projek infrastruktur di Malaysia. Kursus Fasilitator untuk Sustainable INFRASTAR telah diadakan sebanyak tiga kali melibatkan 63 orang peserta yang bertujuan untuk membina kapasiti sebagai fasilitator dalam menjalankan penilaian Sustainable INFRASTAR. Kini terdapat 64 fasilitator dan lapan penilai yang berkelayakan untuk membantu CIDB dalam melaksanakan penilaian Sustainable INFRASTAR. Fasilitator adalah personel yang diperakui oleh CIDB dan berperanan untuk memudahkan industri dalam menerapkan Sustainable INFRASTAR dalam projek-projek infrastruktur sementara penilai adalah personel yang diperakui oleh CIDB untuk menilai projek-projek menggunakan Sustainable INFRASTAR.

Garis panduan dan modul latihan mengenai penggunaan MyCREST untuk projek awam baharu telah diwujudkan sebagai panduan rujukan bagi pasukan projek yang ingin melaksanakan penilaian MyCREST. Kursus penilai dan fasilitator MyCREST telah diadakan untuk meningkatkan kemampuan sebagai penilai dan fasilitator bagi membantu industri dalam menggunakan MyCREST dalam projek bangunan serta meningkatkan keupayaan penilai dalam memastikan semua penilaian dijalankan mengikut piawaian. Kursus Penilai MyCREST telah diadakan sekali pada 15 - 16 April 2019 di Menara Sunway Putra melibatkan 30 orang peserta sementara kursus Fasilitator MyCREST telah diadakan sebanyak lapan kali yang melibatkan 218 peserta.

Pada tahun 2019, 117 Fasilitator dan 30 Penilai yang berkelayakan telah berjaya diperakui untuk membantu CIDB dalam menjalankan penilaian MyCREST. Fasilitator adalah personel yang diperakui oleh CIDB yang berperanan untuk memudahkan industri dalam menerapkan MyCREST dalam projek-projek bangunan sementara penilai adalah personel yang diperakui oleh CIDB untuk menilai projek menggunakan MyCREST.

Dalam mempromosikan Sustainable INFRASTAR dan juga MyCREST sebagai alat penilaian kemampan, sembilan Kursus Kesedaran/ Penglibatan/ Ceramah telah dijalankan melibatkan lebih daripada 400 peserta. Satu sesi penglibatan dengan dua Agensi iaitu Kementerian Kesihatan dan SUK Pulau Pinang telah diadakan pada 9 Disember 2019 untuk mengenalpasti projek yang akan datang dan menyampaikan manfaat MyCREST serta pekeliling yang dicadangkan.

Di samping objektif untuk mengukur usaha positif bagi merangkumkan piawaian hijau ke dalam industri pembinaan, pensijilan Sustainable INFRASTAR dan juga MyCREST ini juga memberikan insentif dalaman dan luaran untuk projek pembinaan. Secara dalaman, dengan pengurusan tapak bina yang lebih baik, sisa dapat dikurangkan dan pencemaran dapat dielakkan yang menghasilkan kos yang lebih rendah dan keuntungan yang lebih tinggi.

Penambahbaikan dalaman ini membawa kepada ganjaran luaran seperti insentif cukai Teknologi Hijau yang akan diperuntukkan untuk projek yang bermula dari 2013 hingga 2020. Dengan pelancaran Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), setiap projek yang diperakui sebagai hijau oleh NGTP boleh mendapat pengecualian cukai 100% ke atas perbelanjaan modal yang diperlukan untuk mendapatkan perakuan tersebut.

The adequate number of assessors and facilitators to enhance the adoption of Sustainable INFRASTAR is important to ensure the sustainability of infrastructure projects in Malaysia. The Facilitator Course for Sustainable INFRASTAR was held three times involving 63 participants aiming to build capacity as a facilitator in conducting Sustainable INFRASTAR assessments. Currently, there are 64 facilitators and eight assessors qualified to assist CIDB in conducting the Sustainable INFRASTAR evaluation. Facilitators are the personnel certified by CIDB whose role is to facilitate the industry in adopting Sustainable INFRASTAR in infrastructure projects while assessors are personnel certified by CIDB to evaluate projects using Sustainable INFRASTAR.

Guideline and training module on adoption of MyCREST for new public projects had been established as a reference guide for project teams who want to pursue the MyCREST assessment. The assessor and facilitator courses were held to enhance the capacity of assessors and facilitators in assisting the industry to adopt MyCREST in building projects as well as ensuring all assessments are conducted in accordance to the standards. The MyCREST Assessor Course was held once on 15 - 16 April 2019 at the Sunway Putra Tower involving 30 participants while the MyCREST Facilitator course was held eight times involving 218 participants.

In 2019, 117 Facilitators and 30 qualified Assessors have been successfully certified to assist CIDB in conducting MyCREST assessments. Facilitators are the personnel certified by CIDB whose role is to facilitate the industry in adopting MyCREST in building projects while assessors are personnel certified by CIDB to evaluate and assess projects using MyCREST.

In promoting Sustainable INFRASTAR as well as MyCREST as a sustainability rating tool, nine Awareness Courses/ Engagements/ Talks were conducted involving more than 400 participants. One engagement session with two Agencies which were the Ministry of Health and SUK Pulau Pinang was conducted on 9 December 2019 to identify the upcoming projects and communicate the benefits of MyCREST as well as the proposed circular.

Alongside the objective to quantify positive efforts to incorporate green standards into the construction industry, these Sustainable INFRASTAR as well as MyCREST certifications also provide both internal and external incentives for construction projects. Internally, with better site management, wastes are reduced and pollution avoided which resulted in lower costs and higher profits.

These internal improvements lead to external rewards such as the Green Technology tax incentives which will be allocated for projects that began from 2013 to 2020. With the launch of the National Green Technology Policy (NGTP), any project which is certified as green by the NGTP can receive a 100% tax exemption on any capital expenditure that it needs to obtain that certification.

Terdapat dua insentif Cukai Hijau yang lain iaitu Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan bagi Perkhidmatan Teknologi Hijau (GITE). Projek yang diperakui dengan GITA dan GITE layak mendapat pengecualian sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dikeluarkan untuk projek tersebut atau pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun sehingga tahun 2020. Insentif cukai ini dipantau oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan diperkenalkan dalam bajet Malaysia 2014.

Insentif di atas kini boleh didapati untuk projek bangunan yang diperakui dengan MyCREST. Kajian mengenai potensi insentif dan disinsentif untuk projek infrastruktur baharu yang diperakui hijau akan dibincangkan dalam pertemuan khas antara Kementerian berkaitan dan pihak berkepentingan yang akan diadakan pada Q2 2020.

CIDB telah siap membangunkan tiga garis panduan mengenai pembinaan berdaya tahan yang fokus pada tiga bidang kerentanan iaitu banjir, tanah runtuh dan tanah gambut & organik untuk membimbing reka bentuk dan pembinaan infrastruktur kritikal di Malaysia. Garis panduan ini akan dipromosikan melalui penglibatan dengan pihak berkepentingan industri. Persiapan untuk mengemukakan garis panduan ini kepada Kementerian, Kabinet dan MNKT sedang dipertimbangkan dengan KKR dan KPKT pada bulan Januari dan Februari 2020.

Satu kajian untuk meneliti jumlah sebenar CO² yang dikeluarkan oleh industri pembinaan telah disasarkan untuk disiapkan pada tahun 2020. Kajian yang dipantau oleh Jawatankuasa Teknikal ini akan merangkumi keseluruhan rantaian nilai industri pembinaan dari reka bentuk hingga pembuatan bahan hingga pengangkutan logistik ke tapak bina. Kerjasama dengan Kementerian dalam menjalankan kajian ini adalah perlu bagi mendapatkan sokongan terutama jika melibatkan permohonan bajet bagi insentif/ disinsentif. Hasil kajian akan menjadi asas bagi sasaran untuk mengurangkan pelepasan CO² industri pembinaan yang pada masa ini disasarkan sebanyak 4 Mt setahun.

Memandatkan kemampunan telah dimulakan oleh Kerajaan melalui pelbagai cara sama ada melalui Pekeliling, Garis Panduan atau meletakkan syarat dalam kontrak bangunan. Oleh kerana industri masih kurang kesedaran dan pengetahuan untuk melaksanakan keperluan ini, pelaksanaannya agak lambat. Sehingga kini, berikut adalah beberapa pekeling/ Undang-undang/ peraturan berkaitan yang dikenalpasti mempunyai mandat mengenai kemampunan:

- Arahan KPKR bil. 17/2015
- Sustainability Framework 2015 oleh Bursa Malaysia
- Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh EPU
- Perolehan Hijau Kerajaan oleh Kementerian Kewangan
- Bandar Pintar oleh PLAN Malaysia
- Low Carbon Cities Framework oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga oleh MOSTI
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) No.38A mengenai Kecekapan Tenaga

Usaha sedang dipertingkatkan untuk memastikan industri pembinaan mematuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan membangunkan garis panduan yang berkaitan untuk PBT atau pihak lain.

There are two other Green Tax incentives available which are Green Investment Tax Allowance (GITA) and Green Income Tax Exemption (GITE). Projects certified with GITA and GITE are eligible for 100% of qualifying capital expenditure incurred on the project or exemption of 100% of statutory income until 2020. These tax incentives are monitored by the Malaysian Investment Development Authority (MIDA) and were introduced in the official Malaysian budget of 2014.

The above incentives are currently available for building projects certified with MyCREST. Study on the potential incentive and disincentive for new infrastructure projects that are certified green are to be discussed in a special meeting between relevant ministries and stakeholders to be held in Q2 2020.

CIDB had completed developing three guidelines on resilient construction focusing on three areas of vulnerability namely flood, landslides and peat & organic soils to guide the design and construction for critical infrastructures in Malaysia. These guidelines will be promoted via engagements with industry stakeholders. Preparations on tabling of these guidelines to Ministries, Cabinet and MNKT are being deliberated with KKR and KPKT in January and February 2020.

A study to investigate the actual amount of CO² that the construction industry emits has been targeted for completion by 2020. The study which is monitored by a Technical Committee will cover the whole construction industry value chain from design to material manufacture to transport logistics to construction site. Collaboration with the Ministry in conducting this study is necessary to obtain support especially when it involves a budget proposal for incentives/ disincentives. The outcome of the study will form the basis for reducing the CO² emissions of the construction industry currently targeted at 4 Mt per year.

Mandating sustainability had been initiated by the Government through various means either via Circulars, Guidelines or placing requirements in the building contracts. As the industry is still lacking in the awareness and knowledge to implement the requirements, the implementation had been rather slow. To date, the following are some of the related circular/ Act/ regulation identified as having mandates on sustainability:

- Arahan KPKR bil. 17/2015
- Sustainability Framework 2015 by Bursa Malaysia
- Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh EPU
- Green Government Procurement by MoF
- Smart Cities by PLAN Malaysia
- Low Carbon Cities Framework by Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)
- Energy Efficiency & Conservation Act by MOSTI
- The Uniform Building By-Law (UBBL) No.38A on Energy Efficiency

Efforts are being enhanced to ensure the construction industry comply to the related requirements by developing related guidelines for the Local Authorities or others.

Draf akhir untuk pekeling mengenai penggunaan Sustainable INFRASTAR dan MyCREST atau sebarang alat penarafan kemampunan lain yang boleh diterima untuk projek yang melebihi RM100 juta untuk Sustainable INFRASTAR dan RM50 juta untuk MyCREST telah dirangka semasa 'Bengkel Penyediaan Pekeling Pelaksanaan Program MyCREST dan Sustainable INFRASTAR' pada 27 November 2019. Bengkel ini dihadiri oleh KKR, JKR, JPS, MOF, MOT dan SME.

Dasar Malaysia mengenai pengurusan sisa pepejal telah diperkenalkan secara rasmi melalui penggabungan Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam) pada tahun 2007. Dalam meningkatkan keberkesanannya, dua peraturan baharu (2018) telah digubal dan dikuatkuasakan di tujuh negeri yang menggunakan Akta 672 seperti berikut:

- Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skema Pembinaan Sisa Pepejal) 2018
- Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pemerbadanan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal) 2018

Inisiatif ini dilaksanakan oleh kerajaan untuk manfaat industri pembinaan dan negara. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kaedah dan budaya pembinaan Malaysia untuk menjadi lebih cekap, mampan dan mesra alam, menjimatkan kos serta sumber semula jadi dengan mengurangkan sisa dan pengurusan yang lemah. Ini boleh dicapai dengan senarai peraturan dan langkah komprehensif inisiatif yang harus diikuti semasa pembinaan di mana sisa disusun dan dikumpulkan mengikut jenisnya, kemudian dibuang dengan selamat di tapak pelupusan rasmi oleh pengumpul berlesen. Satu kajian telah dijalankan untuk menetapkan garis dasar mengenai sisa pembinaan dan perobohan (C&D) untuk penambahbaikan selanjutnya. Data sisa C&D telah dikumpulkan melalui sistem atas talian yang dibangunkan pada tahun 2017.

Peraturan baharu menyediakan industri pembinaan dengan paradigma baharu untuk pengurusan dan pelupusan sisa, dan dilengkapi dengan keupayaan untuk menguatkuasakannya. Berkuat kuasa 1 November 2018, kontraktor dan orang lain yang menghasilkan dan/ atau menyimpan sisa pepejal pembinaan berkewajiban untuk melantik pemegang lesen untuk menyediakan perkhidmatan pengumpulan sisa tersebut mengikut kawasan yang ditentukan di bawah skema. Kegagalan melantik pemegang lesen adalah suatu kesalahan yang akan dikenakan denda hingga RM10,000. Notis ketidakpatuhan terhadap Peraturan di atas telah dikeluarkan kepada kontraktor mulai 1 November 2019 setelah berakhirnya tempoh tangguh 1 tahun sejak dua Peraturan tersebut diwartakan pada 1 November 2018.

Laporan Penilaian Pengurusan Sisa Pepejal Mampan (SSWMA) disasarkan untuk dikeluarkan atas sekurang-kurangnya 20 tapak pembinaan yang dipilih secara rawak setiap suku dari Q1 2020 dan seterusnya. Templat laporan telah dirangka di mana SSWMA akan menilai tiga komponen utama ini:

- Pemeriksaan Penjana Sisa di Tapak Bina
- Pemeriksaan Pengumpulan Sisa di Tapak Bina
- Pemeriksaan Penyimpanan Sisa di Tapak Bina

Latihan mengenai sisa pembinaan dan perobohan telah dijalankan pada 26 Mac 2019 di Bilik Mesyuarat CREAM, Kuala Lumpur. Ia dihadiri oleh wakil dari MBAM, SWCORP, EPIC, CIDB, CREAM, dan CIDB Holdings.

The final draft for the circular on adoption of Sustainable INFRASTAR and MyCREST or any other acceptable sustainable rating tool on projects more than RM100 million for Sustainable INFRASTAR and RM50 million for MyCREST was drawn up during the 'Bengkel Penyediaan Pekeling Pelaksanaan Program MyCREST dan Sustainable INFRASTAR' on 27 November 2019. The workshop was attended by KKR, JKR, JPS, MOF, MOT and SME.

Malaysia's policy on solid waste management has been introduced officially through the enactment of Act 672 (Solid Waste Management and Public Cleansing Act) in 2007. In enhancing its effectiveness, two new regulations (2018) were enacted and enforced in seven states that have adopted Act 672 as follows:

- Solid Waste Management and Public Cleaning (Scheme for Solid Waste Construction) Regulations 2018
- Solid Waste Management and Public Cleansing (Licensing) Regulations (Incorporation or Provision of Solid Waste Management Services) 2018

This initiative was instituted by the government for the benefit of the construction industry and the nation. It aims to further improve Malaysia's construction methods and culture to become more efficient, sustainable and environmentally-friendly, saving costs as well as our natural resources by reducing waste and poor management. This is achieved by the initiative's comprehensive list of regulations and steps to be followed during construction where waste is sorted and gathered according to type, then safely disposed of at official sites by licensed collectors. A study was conducted to establish the baseline on construction and demolition (C&D) waste for further improvements. The C&D waste data was collected via an online system developed in 2017.

The new Regulations provide the construction industry with a new paradigm for waste management and disposal, and is equipped with the ability to enforce it. Effective 1 November 2018, contractors and other persons who generate and/or hold construction solid waste are under a duty to appoint a licensee to provide collection services for such waste according to areas specified under the scheme. Failure to appoint a licensee is an offence which will result in a fine of up to RM10,000. Notices of non-compliance to the above Regulations were issued to contractors starting 1 November 2019 subsequent to the ending of the 1-year grace period since the two Regulations were gazetted on 1 November 2018.

The Sustainable Solid Waste Management Assessment (SSWMA) report is targeted to be issued on at least 20 randomly selected construction sites quarterly from Q1 2020 onwards. The template of report had been established where SSWMA will be assessing these three major components:

- Inspection on Waste Generator at Construction Site
- Inspection on Waste Collection at Construction Site
- Inspection on Waste Storage at Construction Site

Training on construction and demolition waste was conducted on 26 March 2019 at the CREAM Meeting Room, Kuala Lumpur. It was attended by representatives from MBAM, SWCORP, EPIC, CIDB, CREAM, and CIDB Holdings.

TERAS STRATEGIK 3 PRODUKTIVITI

STRATEGIC THRUST 3 - PRODUCTIVITY


Teras Strategik 3 (TS3) mempunyai dua Bidang Fokus iaitu Bidang Fokus Latihan Kemahiran dan Bidang Fokus Teknologi. TS3 mengekalkan matlamat akhir di mana produktiviti industri lebih dari dua kali ganda, dipadankan dengan gaji yang lebih tinggi dan matlamat pertengahan adalah untuk menggandakan produktiviti sebanyak dua kali dari tahun 2011.

Dari Januari 2016 hingga Disember 2019, TS3 mencapai kemajuan 69% berbanding sasaran 72%. Terdapat lapan KPI secara keseluruhan, di mana tujuh KPI mencapai kemajuan melebihi 90% dan satu KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90%. Status kemajuan keseluruhan TS3 ditunjukkan dalam Rajah 06 di bawah:

Strategic Thrust 3 (ST3) has two Focus Areas namely Focus Area on Skills Training and Focus Area on Technology. ST3 maintains the end-state/ outcome of productivity of the industry is more than doubled, matched with higher wages where the intermediate end-state was to double construction industry productivity from 2011.

From January 2016 to December 2019, ST3 achieved a progress of 69% against the target of 72%. There are eight KPIs in total, where seven KPIs achieved progress of more than 90% and one KPI was between 60% - 90% progress. The overall progress status of ST3 is shown in Figure 06 below:

MATLAMAT AKHIR: Produktiviti industri lebih dari dua kali ganda, dipadankan dengan gaji yang lebih tinggi
MATLAMAT PERTENGAHAN: Menggandakan produktiviti industri pembinaan sebanyak dua kali dari tahun 2011
END-STATE: Productivity of the industry is more than doubled, matched with higher wages
INTERMEDIATE END-STATE: Double construction industry productivity from 2011



Rajah 06: Status Kemajuan Keseluruhan Teras Strategik 3 dari 2016 ke 2019
Figure 06: Overall Progress Status of Strategic Thrust 3 from 2016 to 2019

BIDANG FOKUS 5 (BF5) - LATIHAN KEMAHIRAN

Bidang Fokus ini mensasarkan untuk meningkatkan tenaga kerja pembinaan mahir sebanyak 30%. BF5 mempunyai objektif untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja Malaysia dengan memastikan peningkatan 10% setahun ke atas pekerja mahir yang berdaftar dan bertauliah di CIDB. Ini dapat dicapai dengan melaksanakan latihan kemahiran secara berkesinambungan dengan sasaran sekurang-kurangnya 80% kadar penyerapan pelatih ke industri yang berkaitan. Kajian Pengesanan untuk semua program latihan kemahiran CIDB akan terus dijalankan untuk mengkaji kadar penyerapan graduan. BF5 mempunyai dua KPI.

Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat (CIMS) adalah sistem yang menggabungkan semua operasi dan transaksi di CIDB untuk memudahkan perkongsian data dan membuat keputusan. CIMS bertujuan untuk menyediakan sistem yang mesra pelanggan, cepat, cekap dan telus. CIMS juga telah merangkumkan modul latihan iaitu Sistem Pengurusan Kompetensi (CMS) yang berfungsi untuk mengemas kini status pekerja mahir dan mendaftarkan mereka secara automatik setelah diperakui. CMS adalah satu instrumen komprehensif atas talian untuk mengesan, mengukur dan meningkatkan kecekapan personel binaan. Kompetensi untuk tiga kategori utama personel telah dikenal pasti sebagai Kompetensi Kemahiran Personel Binaan, Kompetensi Pengawasan & Pengurusan Personel Binaan, dan Kompetensi Pengurusan Kontraktor. Versi pertama CMS akan merangkumi latihan, pemantauan dan pelaporan kompetensi, penilaian, perakuan dan akreditasi, pengurusan dan penguatkuasaan kewangan.

Mengikut Pindaan Jadual 3 Akta CIDB 520, adalah wajib bagi pekerja mahir untuk diakreditasi berdasarkan 59 tred pekerja mahir dan personel penyelia. Bilangan pekerja mahir berdaftar dihasilkan menggunakan CIMS di mana pada Disember 2019, 82,641 pekerja mahir diakreditasi dan didaftarkan di CIMS berbanding sasaran 73,000 sebagai garis dasar. Laporan penilaian dan perakuan pekerja mahir telah dihasilkan di mana komposisi pekerja mahir adalah 71% tempatan dan 29% asing sementara 92% lulus penilaian.

Pembangunan kompetensi CIDB dalam latihan meneliti pelbagai program kemahiran dan kemajuan pembinaan. Kontraktor dan personel binaan digalakkan untuk terus meningkatkan dan mengemaskini pengetahuan mereka dalam bidang pembinaan kerana industri ini semakin maju dengan teknologi dan inovasi. Latihan yang ditawarkan akan membolehkan kontraktor dan personel binaan mengekalkan daya saing dan tahap kebolehan untuk diambil bekerja.

Sejak itu CIDB telah mengatur semula strateginya untuk lebih fokus pada tred berimpak tinggi yang menawarkan gaji jauh lebih tinggi dibandingkan dengan tred basah seperti kerja batu bata dan melep. Dengan ini, CIDB telah mengenalpasti 11 tred berimpak tinggi melalui Construction Industry Competency Blueprint (CICB) yang akan membantu penyedia latihan untuk menumpukan pada tred kemahiran ini bagi memastikan bekalan tenaga terlatih yang mencukupi untuk industri pembinaan. Tred ini adalah perancah pembinaan, kimpalan, wireman, chageman, pemasangan paip gas, peledakan & mengecat, ujian tanpa musnah (NDT), operasi kren, operasi loji, kerja paip & penyaman udara dan pengudaraan mekanikal. Tred ini ditawarkan di semua pusat latihan yang diakredit oleh ABM dan CIDB. Setakat ini, 90% pengambilan pelatih untuk Program Latihan Belia adalah di bawah kursus tred berimpak tinggi. Dari 2016 hingga 2019, seramai 19,167 belia telah dilatih dalam 11 tred berimpak tinggi ini.

FOCUS AREA 5 (FA5) - SKILLS TRAINING

This Focus Area supports an outcome to increase skilled construction workforce by 30%. FA5 aims to upskill the Malaysian workforce by ensuring a 10% annual increase in CIDB registered and accredited skill workers. This can be achieved by implementing our skills training effectively with a target of at least 80% absorption rate of the trainees into related industries. The Tracer Study for all CIDB skills training program will continue to be undertaken to review the absorption rate of graduates. FA5 has two KPIs.

The Centralised Information Management System (CIMS) is a system that integrates all operations and transactions at CIDB to facilitate data sharing and decision-making. CIMS aims to provide a system that is customer friendly, fast, efficient and transparent. CIMS had also incorporated a module on training called the Competency Management System (CMS) which functions to update the status of skilled workers and register them automatically upon their certification. CMS is a comprehensive online instrument for tracking, measuring and improving the competency of construction personnel. Competency for three major categories of personnel have been identified as Construction Personnel Skill Competency, Construction Personnel Supervisory & Management Competency, and Contractor Management Competency. The first version of CMS will consist of training, competency monitoring and reporting, assessment, certification and accreditation, financial management and enforcement.


In compliance to the amended Schedule 3 of CIDB Act 520, it is mandatory for skill workers to be accredited based on the 59 trades of skill workers and supervisory personnel. The number of registered skilled workers is generated using CIMS where by December 2019, 82,641 skilled workers were accredited and registered in the CIMS against the target of 73,000 as a baseline. Report on assessment and certification of skilled workers have been generated where the composition of skilled workers was 71% local and 29% foreign while 92% passed the assessment.

CIDB's competency development in training looks into a broad range of construction skill and advancement programmes. Contractors and construction personnel are encouraged to continuously upgrade and update their knowledge in construction as the industry has become more advanced with technology and innovation. The training offered would allow contractors and construction personnel to retain their competitive edge and employability.

CIDB has since re-strategised its training to focus more on high-impact trades which offer much higher salaries compared with wet trades such as brick laying and plastering. To that extent, CIDB had identified 11 high impact trades via the Construction Industry Competency Blueprint (CICB) which will greatly assist the training providers in focusing on these skill trades to ensure adequate supply of trained personnel for the construction industry. These trades were scaffolding erection, welding, wireman, chageman, gas pipe fitting, blasting & painting, non-destructive testing (NDT), crane operation, plant operation, plumbing & air-conditioning and mechanical ventilation. These trades are being offered in all ABM and CIDB accredited training centres. To date, 90% intakes for the Youth Training Programme were under these high impact trades courses. From 2016 to 2019, a total of 19,167 youths had been trained under these 11 high impact trades.

Program perantisan menawarkan latihan di tempat kerja bagi mereka yang memasuki tenaga kerja serta membantu individu mempraktikkan kemahiran akademik di tempat kerja. Program ini adalah landasan yang baik untuk memperoleh kemahiran teknikal dan kepimpinan kerana ia menawarkan latihan kemahiran langsung dan insaniah. Program perantisan CIDB melatih graduan dalam 18 bidang kemahiran di bawah bidang pekerja mahir, penyeliaan dan pengurusan. Dari 2016 hingga 2019, 3,927 perantis telah dihasilkan. Perincian latihan untuk belia dan personel binaan dari 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Kewangan Financial (3 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Mencapai RM6 juta jumlah pendapatan tahunan berbanding sasaran RM15 juta <i>Achieved RM6 million total annual income against RM15 million target</i> Pendapatan dari sumber luaran mencapai 5% berbanding sasaran 15% <i>Income from external sources had achieved 5% against the target of 15%</i> 1% margin keuntungan operasi dicapai berbanding sasaran 3% <i>1% operating profit margin achieved against the target of 3%</i>
Kualiti Quality (4 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Satu kajian dan perundingan berkenaan kualiti sebagaimana sasaran <i>One research and consultancy on quality as per target</i> 143 pensijilan produk berbanding sasaran 120 <i>143 product certifications against the target of 120</i> 409 penilaian QCLASSIC berbanding sasaran 500 <i>409 QCLASSIC assessments against the target of 500</i> 120 ujian produk berbanding sasaran 50 <i>120 testing on product against the target of 50</i>
Keselamatan Safety (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> 352 penilaian SHASSIC berbanding sasaran 350 <i>352 SHASSIC assessments against the target of 350</i>
Profesionalisme Professionalism (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Prosedur yang mencukupi dalam pematuhan kepada Akta SPRM siap 20% sebagaimana sasaran <i>20% achieved for the completion of adequate procedures in compliance to the MACC Act as per target</i>
Kemampunan Sustainability (3 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Enam bilangan kajian dan perundingan berkenaan kemampunan berbanding sasaran lima <i>Six numbers of research and consultancy on sustainability against the target of five</i> 53 penilaian MyCREST berbanding sasaran 30 <i>53 MyCREST assessments against the target of 30</i> Lapan penilaian INFRASTAR berbanding sasaran 10 <i>Eight INFRASTAR assessments against the target of 10</i>
Teknologi Technology (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Enam kajian dan perundingan berkenaan teknologi berbanding sasaran lima <i>Six research and consultancy on technology against the target of five</i>

CIDB e-Construct Services Sdn. Bhd. melaksanakan program peningkatan Information Communication Technologies (ICT) dan Building Information Modelling (BIM) bagi industri pembinaan. Ia mempunyai 11 KPI di mana tiga KPI mencapai kemajuan melebihi 90%, dua KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90% dan empat KPI mencapai kemajuan bawah 60%. Dua KPI masih belum dimulakan. KPI-KPI ini berada di bawah KRA Kewangan, Profesionalisme, Teknologi dan Daya Saing. Pencapaian terperinci adalah seperti berikut:

CIDB e-Construct Services Sdn. Bhd. implements the Information Communication Technologies (ICT) and Building Information Modelling (BIM) enhancement programmes for the construction industry. It has 11 KPIs whereby three KPIs achieved progress of more than 90%, two KPIs achieved progress of between 60% - 90% and four KPIs were below 60% progress. Two KPIs have yet to commence. These KPIs fall under the Financial, Professionalism, Technology and Competitiveness KRA. The detail achievements were as follows:

CIDB e-CONSTRUCT SERVICES SDN. BHD.	
KRA	Pencapaian/ Achievements
Kewangan Financial (3 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Mencapai RM12 juta jumlah pendapatan tahunan berbanding sasaran RM10 juta <i>Achieved RM12 million total annual income against RM10 million target</i> Pendapatan dari sumber luaran mencapai 12% berbanding sasaran 10% <i>Income from external sources had achieved 12% against the target of 10%</i> 6% margin keuntungan operasi dicapai berbanding sasaran 10% <i>6% operating profit margin achieved against the target of 10%</i>
Profesionalisme Professionalism (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Tiada kemajuan ke atas penyiapan prosedur yang mencukupi dalam pematuhan kepada Akta SPRM berbanding sasaran 50% <i>No progress achieved for the completion of adequate procedures in compliance to the MACC Act against the target of 50%</i>
Teknologi Technology (4 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Tiga pengeluar menggunakan perpustakaan BIM berbanding sasaran lima <i>Three manufacturers used BIM library against the target of five</i> 374 modeler BIM dihasilkan berbanding sasaran 400 <i>374 BIM modeler produced against the target of 400</i> 22 koordinator BIM dihasilkan berbanding sasaran 50 <i>22 BIM Coordinator produced against the target of 50</i> Tiga Pengurus BIM dihasilkan berbanding sasaran 10 <i>Three BIM Manager produced against the target of 10</i>
Daya Saing Competitiveness (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Satu PBT menggunakan NBeS berbanding sasaran empat <i>One Local Authority used NBeS against the target of four</i>

Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) membekalkan pekerja binaan dan menyediakan Pusat Penempatan Pekerja (CLQ). Ia mempunyai lapan KPI di mana empat KPI mencapai kemajuan melebihi 90% dan satu KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90%. Tiga KPI masih belum dimulakan. KPI-KPI ini berada di bawah KRA Kewangan, Profesionalisme dan Daya Saing. Pencapaian terperinci adalah seperti berikut:

Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) supply construction workers and provides Centralised Labour Quarters (CLQ) for construction workers. It has eight KPIs whereby four KPIs achieved progress of more than 90% and one KPI achieved progress of between 60% - 90%. Three KPIs have yet to commence. These KPIs fall under the Financial, Professionalism and Competitiveness KRA. The detail achievements were as follows:

CONSTRUCTION LABOUR EXCHANGE CENTRE (CLAB)	
KRA	Pencapaian/ Achievements
Kewangan Financial (3 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Mencapai RM3.4 juta jumlah pendapatan tahunan berbanding sasaran RM3.6 juta <i>Achieved RM3.4 million total annual income against the target of RM3.6 million</i> Mencapai RM1.3 juta jumlah pendapatan tahunan dari penempatan pekerja asing baharu berbanding sasaran RM1.05 juta <i>Achieved RM1.3 million total annual income from new foreign workers deployment against the target of RM1.05 million.</i> 4% margin keuntungan operasi dicapai berbanding sasaran 2% <i>4% operating profit margin achieved against the target of 2%</i>
Profesionalisme Professionalism (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Prosedur yang mencukupi dalam pematuhan kepada Akta SPRM siap 30% berbanding sasaran 50% <i>30% achieved for the completion of adequate procedures in compliance to the MACC Act against the target of 50%</i>
Daya Saing Competitiveness (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Penambahbaikan kepada Sistem Kendalian Pekerja Imigran (SKIM) siap 30% sebagaimana sasaran <i>Improvements to the foreign workers management system (SKIM) is 30% completed as per target</i>

CIDB IBS Sdn. Bhd. menjadi peneraju utama dalam penyelesaian dan pemangkin kepada transformasi industri IBS. Ia mempunyai 11 KPI di mana tujuh KPI mencapai kemajuan melebihi 90% dan tiga KPI mencapai kemajuan bawah 60%. Satu KPI masih belum dimulakan. KPI-KPI ini berada di bawah KRA Kewangan, Profesionalisme, Teknologi dan Daya Saing. Pencapaian terperinci adalah seperti berikut:

CIDB IBS Sdn. Bhd. aims to ultimately lead the solution and catalyst for the transformation of the IBS industry. It has 11 KPIs whereby seven KPIs achieved progress of more than 90% and three KPIs were below 60% progress. One KPI has yet to commence. These KPIs fall under the Financial, Professionalism, Technology and Competitiveness KRA. The detail achievements were as follows:

CIDB IBS SDN. BHD.	
KRA	Pencapaian/ Achievements
Kewangan Financial (3 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Mencapai RM2.7 juta jumlah pendapatan tahunan berbanding sasaran RM2 juta <i>Achieved RM2.7 million total annual income against RM2 million target</i> Pendapatan dari sumber luaran mencapai 12.5% berbanding sasaran 10% <i>Income from external sources had achieved 12.5% against the target of 10%</i> 1% margin keuntungan operasi dicapai berbanding sasaran 3% <i>1% operating profit margin achieved against the target of 3%</i>
Profesionalisme Professionalism (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Prosedur yang mencukupi dalam pematuhan kepada Akta SPRM siap 50% sebagaimana sasaran <i>50% achieved for the completion of adequate procedures in compliance to the MACC Act as per target</i>
Teknologi Technology (5 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> 61 pengeluar IBS mematuhi program IMPACT berbanding sasaran 50 <i>61 IBS manufacturers complies to the IMPACT programme against the target of 50</i> 27 pereka IBS dilatih berbanding sasaran 50 <i>27 IBS designers trained against the target of 50</i> Tiada pengeluar IBS dibangunkan melalui Program Pembangunan Vendor berbanding sasaran tiga <i>No IBS manufacturer developed through the Vendor Development Programme against the target of three</i> 15 produk IBS dipamerkan sebagaimana sasaran <i>15 IBS products exhibited as per target</i> Lima sesi ceramah produk IBS dijalankan sebagaimana sasaran <i>Five IBS product talks conducted as per target</i>
Daya Saing Competitiveness (1 KPI)	<ol style="list-style-type: none"> Pembangunan Portal/ Pusat Sehenti melalui IBS Virtual Warehouse siap 20% sebagaimana selesai mengikut sasaran <i>Development of One Stop Portal/ Centre through the IBS Virtual Warehouse is 20% completed as per target</i>

TERAS STRATEGIK 6 PENJENAMAAN KORPORAT STRATEGIC THRUST 6 - CORPORATE BRANDING

Teras Strategik 6 (TS6) memberi tumpuan untuk meningkatkan imej korporat CIDB supaya dapat memenuhi matlamatnya bagi mencapai persepsi positif dan keyakinan pihak berkepentingan. TS6 mempunyai satu inisiatif seperti berikut:

- C1 - Meningkatkan standard perkhidmatan pelanggan dan komunikasi yang tinggi

TS6 mempunyai 15 KPI di mana tiga KPI telah siap sepenuhnya, 10 KPI mencapai kemajuan melebihi 90% dan dua KPI mencapai kemajuan antara 60% - 90%. Status kemajuan KPI TS6 ditunjukkan dalam Rajah 10.

Strategic Thrust 6 (ST6) is focused on enhancing CIDB's corporate image in order to meet its goals of achieving positive perceptions and confidence of our stakeholders. TS6 has one initiative as follows:

- C1 - Intensify high standards of customer service and communication

ST6 has 15 KPIs out of which three KPIs have been 100% completed, 10 KPIs achieved progress of more than 90% and two KPIs achieved progress between 60% - 90%. The KPI progress status of ST6 is shown in Figure 10.

MATLAMAT: CIDB mencapai persepsi positif dan keyakinan pihak berkepentingan
OUTCOME: CIDB attains positive perception and trust of our Stakeholders



TOTAL KPI: 15 KPI

Rajah 10: Status Kemajuan KPI Teras Strategik 6 2019
Figure 10: KPI Progress Status of Strategic Thrust 6 2019



INISIATIF C1 - MENINGKATKAN STANDARD PERKHIDMATAN PELANGGAN DAN KOMUNIKASI YANG TINGGI

Dalam usaha untuk meningkatkan imej CIDB, beberapa aktiviti yang menjurus kepada pencapaian matlamat TS6 telah dilaksanakan berdasarkan KPI yang telah ditetapkan beserta prestasi seperti ringkasan berikut:

No	KPI	Aktiviti/ Activity	Prestasi/ Performance
1	C1-083	Penyertaan MCIEA MCIEA participation	96%
2	C1-084	Dasar Komunikasi dan Garis Panduan Communication Policy and Guideline	Siap Completed
3	C1-085	Manual Identiti Korporat CIDB CIDB Corporate Identity Manual	Siap Completed
4	C1-086	Majalah HEIGHTS HEIGHTS Magazine	100%
5	C1-087	Laporan Tahunan CIDB CIDB Annual Report	92%
6	C1-088	24 jam masa respon di media sosial 24 hours response time on social media	97%
7	C1-089	24 jam masa respon di media arus perdana 24 hours response time on mainstream media	100%
8	C1-090	Panggilan dijawab dalam masa 20 saat Calls answered within 20 seconds	96%
9	C1-091	Resolusi panggilan One And Done One And Done calls resolution	64%
10	C1-092	Resolusi e-Bantuan e-Bantuan resolution	71%
11	C1-093	Jangkauan Facebook Facebook reach	177%
12	C1-094	Program CIDB dipromosi CIDB Programmes promoted	180%
13	C1-095	Nilai PR CIDB PR value for CIDB	291%
14	C1-096	Rakan kongsi ICW ICW partners	293%
15	C1-097	Pengiktirafan pencapaian industri Industry achievers recognised	Siap Completed

MCIEA adalah acara tahunan CIDB yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pemain industri yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam industri pembinaan. MCIEA 2019 hanya mempertandingkan lima kategori sahaja setelah dijenama semula. Sejumlah 144 penyertaan telah diterima berbanding sasaran tidak kurang daripada 150.

Kedua-dua KPI berkenaan Dasar Komunikasi Media dan garis panduan serta Dasar Identiti Korporat CIDB telah siap sepenuhnya pada tahun 2018. Empat penerbitan majalah HEIGHTS telah diedarkan pada bulan Mac, Mei, November dan Disember 2019. Laporan Tahunan CIDB 2018 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada bulan Oktober 2019.

INITIATIVE C1 - INTENSIFY HIGH STANDARD OF CUSTOMER SERVICE AND COMMUNICATION

In an effort to enhance the image of CIDB, several activities that lead to the achievement of the ST6 outcomes have been implemented based on the set KPIs with its performance as per the following summary:

MCIEA is an annual CIDB event that aims to give recognition to the industry players who have demonstrated excellence in the construction industry. MCIEA 2019 only contested five categories after being rebranded. A total of 144 entries were received against the target of no less than 150.

Both KPIs on the Media Communication Policy and guideline as well as the Policy on CIDB Corporate Identity had been fully completed in 2018. Four publication of HEIGHTS magazine were distributed in March, May, November and December 2019. The CIDB 2018 Annual Report was approved by Parliament Malaysia in October 2019.

CIDB telah berjaya menyelesaikan 97.6% aduan/ pertanyaan yang diterima melalui media sosial dalam masa 24 jam (1,196 daripada 1,225). CIDB tidak menerima sebarang isu di media arus perdana. Menjawab panggilan dalam masa 20 saat telah dapat dicapai sebanyak 96.3% berbanding sasaran 80%. Namun, penyelesaian panggilan "One and Done" hanya dapat mencapai 64.81% berbanding sasaran 80% berikutan tiada akses yang disediakan kepada Careline dan UPP. Sistem e-Bantuan diwujudkan untuk memudahkan pasukan teknikal HTP menyelesaikan masalah teknikal di mana pada tahun 2019, sistem ini hanya dapat mencapai 71.4% isu diselesaikan dalam tempoh 10 hari bekerja berbanding sasaran 80%. Ini adalah disebabkan sistem tidak dapat diakses dan ianya hanya boleh diakses pada 13 November 2019.

Media sosial merupakan salah satu media yang lebih popular untuk mempromosikan CIDB di mana pada tahun 2019, 14.2 juta tontonan di Facebook telah dicapai berbanding sasaran lapan juta tontonan. Manakala program CIDB telah dipromosikan di sembilan pameran utama berbanding sasaran lima seperti berikut:

No	Pameran Utama 2019/ Major Exhibition in 2019	Tarikh/ Date
1	ICW 2019	18 - 21 Mac/ March
2	21 st International Surveyors Congress (ISC) organised by Royal Institution of Surveyors Malaysian (RISM)	20 - 21 Jun/ June
3	Putrajaya Open Day 2019	4 Oktober/ October
4	Jelajah TVET Pembinaan Peringkat Negeri Sri Aman, Sarawak	26 Oktober/ October
5	Jelajah TVET Pembinaan Peringkat Negeri Betong, Sarawak	26 Oktober/ October
6	Hari Inovasi KKR	30 Oktober/ October
7	MBAM OneBuild 2019	29-31 Oktober/ October
8	Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1	17 - 18 November
9	Hari Profesion Teknikal Negara	3 - 4 Disember/ December

Nilai PR sebanyak RM116.45 juta yang dicapai pada tahun 2019 telah melepasi sasaran tahunan RM40 juta. Bagi ICW, pencapaian berikut telah direkodkan untuk tahun 2019:

- Sokongan 88 rakan industri melalui penyertaan dalam pameran, persidangan, pertandingan dan seminar melepasi sasaran 30 organisasi
- 339 syarikat menyertai pameran Ecobuild Southeast Asia 2019, di mana 137 adalah syarikat tempatan dan 160 dari luar negara
- 23,474 peserta dan pelawat menyertai ICW 2019

KPI untuk mengiktiraf pencapaian industri melalui penganugerahan CIDB Fellowship Award telah dicapai pada tahun 2018.

CIDB had successfully resolved 97.6% of complaints/ inquiries received on social media within 24 hours (1,196 out of 1,225). CIDB did not receive any issues on the mainstream media. Incoming calls answered within 20 seconds was achieved by 96.3% against the target of 80%. However, the "One and Done" calls resolution rate only achieved 64.81% against the target of 80% due to lack of access to Careline and UPP. The e-Bantuan system was established to facilitate HTP technical teams to resolve technical issues where in 2019, the system only achieved 71.4% of issues resolved within 10 working days against the target of 80%. This is due to the system being inaccessible where it was only accessible on 13 November 2019.

Social media is one of the more popular media to promote CIDB where in 2019, 14.2 million views have been achieved on Facebook against the target of eight million views. While the CIDB programmes were promoted in nine major exhibitions against the target of five as per the following:

The PR Value of RM116.45 million achieved in 2019 had surpassed the annual target of RM40 million. As for ICW, the following achievements have been recorded for 2019:

- 88 industry partners support through participation in exhibitions, conferences, competitions and seminars surpassing the target of 30 organisations
- 339 companies participated in the Ecobuild Southeast Asia 2019 exhibition, of which 137 were local companies and 160 were foreign companies
- 23,474 participants and visitors participated in the ICW 2019

The KPI to recognize industry achievers through the conferring of the CIDB Fellowship Award had been achieved in 2018.

LAPORAN KE ATAS PEMBIAYAAN KERAJAAN

REPORT ON GOVERNMENT FUNDING

Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah memperuntukkan dana berjumlah RM64,600,000 di bawah Rolling Plan (RP) 1 hingga RP5 untuk melaksanakan CITP. Jadual 10 menunjukkan amaun yang disalurkan untuk tempoh RP1 ke RP4.

The Government under the 11th Malaysia Plan (11MP) had allocated funds totalling RM64,600,000 under Rolling Plan (RP) 1 to RP5 to implement the CITP. Table 10 shows the amount disbursed for the period RP1 to RP4.

TS ST	Bidang Fokus Focus Area	Kos Projek Diluluskan Project Cost Approved (RM)	RP1 : 2016 Disalurkan Disbursed	RP2 : 2017 Disalurkan Disbursed	RP3 : 2018 Disalurkan Disbursed	RP4 : 2019 Disalurkan Disbursed
TS1 ST1	Kualiti Quality (RM600,000)	600,000	600,000	0	0	0
TS3 ST3	Latihan Kemahiran Skills Training (RM27,000,000)	40,000,000	10,000,000	8,000,000	5,000,000	4,000,000
TS3 ST3	Teknologi Technology (IBS) (RM2,000,000)	2,000,000	1,500,000	500,000	0	0
TS3 ST3	Teknologi Technology (BIM) (RM12,000,000)	12,000,000	2,500,000	2,500,000	5,000,000	2,000,000
TS1 ST1	Kualiti (Piawaian Bahan) Quality (Material Standards) (RM10,000,000)	10,000,000	0	10,000,000	0	0
Jumlah/ Total		64,600,000	14,600,000	21,000,000	10,000,000	6,000,000
Jumlah Keseluruhan Overall Total			51,600,000			

Pembiayaan CITP di bawah RMKe-11 dari 2016 hingga 2019
CITP Funding under 11MP from 2016 to 2019

Ringkasan perbelanjaan dan hasil pembiayaan RMKe-11 dari 2016 hingga 2019 berdasarkan Bidang Fokus di bawah empat Teras Strategik ditunjukkan dalam Jadual 11 di bawah.

The summary of 11MP funding spent and output from 2016 to 2019 based on the Focus Areas under the four Strategic Thrusts is shown in Table 11 below.

TS ST	Bidang Fokus Focus Area	Perbelanjaan (RM) Spent (RM)	Hasil Output
TS1 ST1	Kualiti Quality	600,000	Portal QLASSIC dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya pada 21 Ogos 2017. Digunakan oleh orang ramai untuk aplikasi atas talian bagi penilaian, latihan serta penyediaan pangkalan data projek, penilai yang diiktiraf, pengumuman dan penerbitan. Portal ini boleh dilayari di qlassic.cidb.gov.my The QLASSIC Portal was launched by the Minister of Works on 21 August 2017. Utilised by the public for online applications for assessments, training as well as providing project database, qualified assessors, announcements and publications. The portal can be accessed at qlassic.cidb.gov.my
TS1 ST1	Kualiti (Piawaian Bahan) Quality (Material Standards)	10,000,000	Peralatan ujian untuk piawaian bahan: Testing equipment for material standards: <ol style="list-style-type: none">1. Resonant Fatigue Machine2. Universal Testing Machine3. Salt Spray Chamber4. Bench Top OES Arc Spark5. UV/ VIS/ NIR Spectrophotometer6. X-Ray Fluorescence Spectrophotometer7. Weathering Chamber8. Abrasion Tester9. Emissometer10. Surface Compression Test Unit11. Boiler12. Pendulum Impact Test13. Dimensional Test Rig14. Brinell Hardness Tester15. Rockwell Hardness Tester16. Vickness Hardness Tester17. Hot Mounting Machine18. Grinder/ Polisher Machine19. CNC Milling Machine20. Data Logging System with LVDT
TS3 ST3	Latihan Kemahiran Skills Training	27,000,000	<ol style="list-style-type: none">1. Pelan Latihan untuk 11 tred kemahiran berimpak tinggi Training Map for 11 high impact skill trades2. 258 dokumen kompetensi merangkumi standard kecekapan, modul latihan dan soalan penilaian 258 competency documents comprising of competency standards, training modules and assessment questions3. 1,035 pelatih menjalani program Train the Trainer 1,035 trainers undergo the Train the Trainer programme4. 3,927 Perantis yang dihasilkan dalam pelbagai tred kemahiran 3,927 Apprentices produced in various skill trades
TS3 ST3	Teknologi Technology (IBS)	2,000,000	<ol style="list-style-type: none">1. Analisis Faedah Kos penggunaan IBS Cost Benefit Analysis on using IBS2. Katalog komponen piawai Standard components catalogue3. Katalog komponen digital yang dimuat naik di Perpustakaan BIM Digital components catalogue which was uploaded in the BIM Library

TS ST	Bidang Fokus Focus Area	Perbelanjaan (RM) Spent (RM)	Hasil Output
TS3 ST3	Teknologi Technology (BIM)	12,000,000	<ol style="list-style-type: none"> Pusat BIM diwujudkan <i>BIM Centre established</i> Empat Buku Panduan BIM diterbitkan berkenaan kesedaran, kesediaan, penggunaan dan rancangan pelaksanaan <i>Four BIM Guidebooks published on awareness, readiness, adoption and execution plan</i> 10 modul Latihan BIM dibangunkan : <i>10 BIM training modules developed :</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>BIM Concept & Theory</i> <i>Fundamental of Architecture</i> <i>Fundamental of Structure</i> <i>BIM Coordinator</i> <i>Fundamental Modelling of Mechanical & Plumbing System</i> <i>Fundamental Modelling of Electrical</i> <i>BIM Manager</i> <i>Fundamental Modelling of Infrastructure</i> <i>BIM FM Coordinator</i> <i>BIM Project Quantification</i> 1,182 personel dilatih dalam BIM <i>1,182 personnel trained in BIM</i> Perpustakaan BIM ditubuhkan dengan 500 komponen dimuat naik <i>BIM Library established with 500 components uploaded</i> Empat PBT (PPj, MBPJ, MBMB dan MPK) menjadi perintis Program National BIM e-Submission <i>National BIM e-Submission programme piloted by four PBTs (PPj, MBPJ, MBMB and MPK)</i> Pembelian perisian BIM seperti Bentley AECOSIM, Tekla Structures, Primavera, Autodesk AEC dan MS Office <i>BIM software purchased such as Bentley AECOSIM, Tekla Structures, Primavera, Autodesk AEC and MS Office</i>

Perbelanjaan dan Hasil Pembiayaan di bawah RMKe-11
Funding Spent and Output under 11MP





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuk ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 57, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Anggota Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, Anggota Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Lembaga berdasarkan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA


PUTRAJAYA
15 OKTOBER 2020



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**

Kami Ir Hj. Yusuf bin Hj. Abd. Wahab dan Dato' Dr Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




IR HJ. YUSUF BIN HJ. ABD. WAHAB

Pengerusi
Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 14 OCT 2020
Kuala Lumpur, Malaysia

Bagi pihak Lembaga,



**DATO' DR SYED OMAR SHARIFUDDIN
BIN SYED IKHSAN**


Anggota Lembaga
Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 14 OCT 2020
Kuala Lumpur, Malaysia


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Saya, Datuk Ir Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas di)
Kuala Lumpur pada 14 OCT 2020)



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAAH

No. 86, Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	4	256,825,607	245,281,805	205,088,003	191,741,746
Aset tidak ketara	5	27,448,868	8,664,138	27,298,936	8,509,137
Kerja dalam pembangunan	6	78,893,166	70,982,149	78,893,166	66,914,796
Pelaburan hartanah	7	9,751,000	9,606,000	-	-
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	8	-	-	23,510,842	23,510,842
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	546,583	1,073,303	-	-
Lain-lain pelaburan	10	920,870	886,231	-	-
Jumlah aset bukan semasa		374,386,094	336,493,626	334,790,947	290,676,521
Aset semasa					
Inventori	11	670,974	665,815	77,467	91,531
Penghutang	12	24,418,941	51,509,723	18,493,764	47,426,649
Pelbagai penghutang	13	29,712,266	43,366,432	23,096,491	35,907,799
Amaun terhutang oleh syarikat bersekutu	14	554,505	184,494	-	-
Cukai baikpulih		8,711,861	5,098,007	8,060,077	4,060,077
Pelaburan portfolio	15	40,198,366	231,871,642	-	203,100,000
Deposit jangka pendek	16	533,463,832	411,985,239	500,310,000	380,710,000
Tunai dan baki di bank		33,225,883	55,187,176	16,090,894	17,357,685
Jumlah aset semasa		670,956,628	799,868,528	566,128,693	688,653,741
JUMLAH ASET		1,045,342,722	1,136,362,154	900,919,640	979,330,262

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula
EKUITI DAN LIABILITI					
EKUITI					
Kumpulan wang terkumpul		889,586,118	948,888,749	828,262,615	885,208,507
Kumpulan wang pinjaman kenderaan	17	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Kumpulan wang pinjaman pelajaran	18	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Kumpulan wang pinjaman komputer	19	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Jumlah kumpulan wang		894,086,118	953,388,749	832,762,615	889,708,507
Kepentingan bukan kawalan		3,035,223	6,217,370	-	-
Jumlah ekuiti		897,121,341	959,606,119	832,762,615	889,708,507
LIABILITI					
Liabiliti bukan semasa					
Pinjaman bank	20	2,034,497	2,053,110	-	-
Geran tertunda	21	59,883,265	79,984,166	1,634,785	7,612,610
Liabiliti cukai tertunda	22	12,482,630	9,768,972	11,814,258	9,009,181
Manfaat kakitangan jangka panjang	23	5,731,211	5,168,616	3,100,708	3,188,895
Jumlah liabiliti bukan semasa		80,131,603	96,974,864	16,549,751	19,810,686
Liabiliti semasa					
Pemiutang	24	27,606,479	33,830,208	22,761,456	25,837,895
Pelbagai pemiutang	25	38,855,374	43,964,882	15,978,163	23,412,049
Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari	26	-	-	5,359,739	14,689,764
Amaun terhutang kepada syarikat sub-subsidiari	27	-	-	7,165,025	5,539,426
Pinjaman bank	20	1,031,519	1,149,263	-	-
Peruntukan cukai		78,198	285,710	-	-
Manfaat kakitangan jangka pendek	23	518,208	551,108	342,891	331,935
Jumlah liabiliti semasa		68,089,778	79,781,171	51,607,274	69,811,069
Jumlah liabiliti		148,221,381	176,756,035	68,157,025	89,621,755
JUMLAH EKUITI/LIABILITI		1,045,342,722	1,136,362,154	900,919,640	979,330,262

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula
Pendapatan operasi	28	246,950,032	301,598,671	216,814,015	268,814,479
Perbelanjaan langsung	29	(153,727,668)	(174,769,419)	(166,944,508)	(190,168,171)
Pendapatan kasar		93,222,364	126,829,252	49,869,507	78,646,308
Lain-lain pendapatan	30	42,738,207	56,119,269	39,152,054	46,845,045
Perbelanjaan pengurusan	31	(29,231,682)	(31,830,526)	(19,584,617)	(21,933,758)
Lain-lain perbelanjaan operasi	32	(161,655,193)	(166,275,093)	(123,559,081)	(121,094,605)
Kos kewangan	33	(242,330)	(246,494)	-	-
Kurangan pendapatan bersih bagi tahun kewangan		(55,168,634)	(15,403,592)	(54,122,137)	(17,537,010)
Bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu		(526,720)	92,073	-	-
Kurangan pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat		(55,695,354)	(15,311,519)	(54,122,137)	(17,537,010)
Percukaian Zakat	34	(3,522,369) (285,027)	(13,560,136) (1,325,247)	(2,805,077) (18,678)	(12,688,511) (734,000)
Kurangan pendapatan bersih selepas cukai dan zakat		(59,502,750)	(30,196,902)	(56,945,892)	(30,959,521)
Pendapatan komprehensif lain		-	-	-	-
Jumlah kurangan pendapatan komprehensif tahun kewangan		(59,502,750)	(30,196,902)	(56,945,892)	(30,959,521)
Jumlah kurangan pendapatan komprehensif diagihkan kepada:					
Pemilik Lembaga		(59,261,380)	(29,978,284)	(56,945,892)	(30,959,521)
Kepentingan bukan kawalan		(241,370)	(218,618)	-	-
		(59,502,750)	(30,196,902)	(56,945,892)	(30,959,521)

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	Kumpulan		Kumpulan		Kumpulan		Kumpulan		Jumlah Boleh		Jumlah Ekuiti	
		Kumpulan Wang Terkumpul RM	Wang Pinjaman Kenderaan RM	Wang Pinjaman Pelajaran RM	Wang Pinjaman Komputer RM	Wang Pinjaman Kepada Pemilik Lembaga RM	Diagihkan Kepada Pemilik Lembaga RM	Kepentingan Bukan Kawalan RM	Kumpulan Wang Terkumpul RM	Wang Pinjaman Kenderaan RM	Wang Pinjaman Pelajaran RM	Wang Pinjaman Komputer RM	Kepentingan Bukan Kawalan RM
Kumpulan													
Pada 1 Januari 2018		978,942,033	2,000,000	1,500,000	1,000,000	983,442,033	6,435,988						989,878,021
Dividen dibayar kepada pemegang kepentingan bukan kawalan		(75,000)	-	-	-	(75,000)	-						(75,000)
Jumlah kurangan pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		(34,780,206)	-	-	-	(34,780,206)	(218,618)						(34,998,824)
Pelaras tahun lepas	41	4,801,922	-	-	-	4,801,922	-						4,801,922
Dinyatakan semula		(29,978,284)	-	-	-	(29,978,284)	(218,618)						(30,196,902)
Pada 31 Disember 2018		948,888,749	2,000,000	1,500,000	1,000,000	953,388,749	6,217,370						959,606,119
Pada 1 Januari 2019		948,888,749	2,000,000	1,500,000	1,000,000	953,388,749	6,217,370						959,606,119
Dividen dibayar kepada pemegang kepentingan bukan kawalan		(41,251)	-	-	-	(41,251)	(2,940,777)						(2,982,028)
Jumlah kurangan pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		(59,261,380)	-	-	-	(59,261,380)	(241,370)						(59,502,750)
Pada 31 Disember 2019		889,586,118	2,000,000	1,500,000	1,000,000	894,086,118	3,035,223						897,121,341

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

Lembaga	Nota	Kumpulan Wang		Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		Kumpulan Wang Pinjaman Pelajaran		Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		Jumlah Ekuiti RM
		Terkumpul RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Pada 1 Januari 2018		916,168,028	2,000,000	1,500,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	920,668,028
Jumlah kurangan pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		(35,761,443)	-	-	-	-	-	-	-	(35,761,443)
Pelarasan tahun lepas	41	4,801,922	-	-	-	-	-	-	-	4,801,922
Dinyatakan semula		(30,959,521)	-	-	-	-	-	-	-	(30,959,521)
Pada 31 Disember 2018		885,208,507	2,000,000	1,500,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	889,708,507
Pada 1 Januari 2019		885,208,507	2,000,000	1,500,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	889,708,507
Jumlah kurangan pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		(56,945,892)	-	-	-	-	-	-	-	(56,945,892)
Pada 31 Disember 2019		828,262,615	2,000,000	1,500,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	832,762,615

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kumpulan		Lembaga	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
		Seperti dinyatakan semula		Seperti dinyatakan semula
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Kurangan pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat	(55,695,354)	(15,311,519)	(54,122,137)	(17,537,010)
<i>Pelarasan bagi:</i>				
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu	526,720	(92,073)	-	-
Belanja faedah	242,330	246,494	-	-
Hibah diterima	(51,397)	(46,408)	(31,942)	(35,288)
Elaun peruntukan kerugian rosot nilai	774,482	1,189,254	728,367	1,189,254
Belanja selenggara tahun terdahulu dilaraskan	-	1,079,951	-	1,079,951
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	1,069	3,885	1,069	3,809
Hapuskira stok	38,024	-	38,024	-
Hutang lapuk dihapuskira	50,093	90,550	-	-
Penghutang lain dihapuskira	-	11,379	-	11,379
(Pembalikan)/kemerosotan nilai lain-lain pelaburan	(34,639)	38,335	-	-
Kemerosotan nilai penghutang perniagaan	39,689	22,604	-	-
Keuntungan daripada nilai saksama pelaburan hartanah	(145,000)	(5,763,488)	-	-
Keuntungan daripada pembelian syarikat sub-subsidiari	(822,527)	-	-	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(112,467)	(600,086)	(83,068)	(209,597)
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	38,130	469,740	-	2,127
Pelunasan tanah	-	24,761	-	-
Pendapatan dividen	(9,523,146)	(11,055,435)	(8,420,427)	(10,252,494)
Pendapatan faedah daripada pinjaman kenderaan	(3,275)	(6,314)	(3,275)	(6,314)
Pendapatan faedah daripada deposit tetap	(13,296,679)	(22,463,142)	(12,293,498)	(20,910,429)
Pendapatan dan pelunasan geran	(104,610,430)	(101,419,937)	(13,775,753)	(10,862,888)
Peruntukan belanja manfaat kakitangan	1,340,627	2,590,338	317,525	32,846
Pelunasan aset tak ketara	3,159,521	2,676,371	3,119,952	2,676,371
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	26,134,633	20,809,545	9,240,417	8,154,544
Kerugian daripada operasi sebelum perubahan modal kerja	(151,949,596)	(127,505,195)	(75,284,746)	(46,663,739)

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Lembaga	
	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Perubahan dalam modal kerja:				
Inventori	(43,183)	108,985	(23,960)	29,153
Penghutang	26,330,904	13,042,743	28,204,518	14,094,201
Pelbagai penghutang	13,549,780	(11,111,270)	12,811,308	(6,679,051)
Amaun terhutang kepada syarikat bersekutu	(370,011)	(710,746)	-	-
Pemiutang	(6,223,729)	(19,116,425)	(3,076,439)	(10,275,264)
Pelbagai pemiutang	(5,106,708)	3,682,760	(7,433,886)	3,543,863
Amaun terhutang (kepada)/oleh syarikat subsidiari	-	-	(9,330,025)	3,861,401
Amaun terhutang oleh/(kepada) syarikat sub-subsidiari	-	-	1,625,599	(11,932,435)
	28,137,053	(14,103,953)	22,777,115	(7,358,132)
Dividen diterima	8,764,080	10,007,489	8,420,427	10,252,494
Dividen di bayar kepada sub-subsidiari	(41,251)	(75,000)	-	-
Faedah diterima	13,299,954	22,469,456	12,296,773	20,916,743
Faedah dibayar	(235,748)	(239,912)	-	-
Hibah diterima	51,397	46,408	31,942	35,288
Cukai dibayar	(5,373,598)	(18,252,409)	(4,000,000)	(15,325,746)
Cukai dipulangkan	743,521	1,867,141	-	-
Manfaat kakitangan dibayar	(810,932)	(645,047)	(394,756)	(286,449)
Zakat dibayar	(287,827)	(1,330,247)	(18,678)	(734,000)
	16,109,596	13,847,879	16,335,708	14,858,330
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi	(107,702,947)	(127,761,269)	(36,171,923)	(39,163,541)

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Lembaga	
	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula	2019 RM	2018 RM Seperti dinyatakan semula
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Pembelian tambahan saham dalam sub-subsidiari	(2,118,250)	-	-	-
Kerja dalam pembangunan	(7,911,017)	(16,166,301)	(11,978,370)	(12,098,948)
Pembelian aset tak ketara	(21,944,251)	(1,814,809)	(21,909,751)	(1,659,809)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(32,802,763)	(58,456,482)	(22,605,319)	(50,916,358)
Penerimaan daripada penjualan pelaburan portfolio	203,100,000	30,100,000	203,100,000	30,100,000
Penerimaan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	170,045	887,421	100,644	320,231
Pembelian pelaburan portfolio	(10,674,240)	-	-	-
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) aktiviti pelaburan	127,819,524	(45,450,171)	146,707,204	(34,254,884)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Geran diterima	83,149,204	79,924,163	7,897,946	10,573,208
Geran dipulangkan	(2,338,844)	(1,050,496)	(100,018)	(132,561)
Pembayaran balik pinjaman bank	(1,409,637)	(1,282,261)	-	-
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	79,400,723	77,591,406	7,797,928	10,440,647
Penambahan/(Pengurangan) tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan	99,517,300	(95,620,034)	118,333,209	(62,977,778)
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	467,172,415	562,792,449	398,067,685	461,045,463
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	566,689,715	467,172,415	516,400,894	398,067,685
Analisa tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Tunai dan baki di bank	33,225,883	55,187,176	16,090,894	17,357,685
Deposit jangka pendek	533,463,832	411,985,239	500,310,000	380,710,000
	566,689,715	467,172,415	516,400,894	398,067,685

Nota-nota di muka surat 11 hingga 57 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****1. MAKLUMAT AM**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) pada 1 Disember 1994 dengan tujuan membangunkan, mengembang, mendorong dan mempergiatkan industri pembinaan.

Fungsi Lembaga selaras dengan Akta 520 adalah seperti berikut:

- (a) memajukan dan merangsang pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan;
- (b) menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
- (c) memajukan, merangsang dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;
- (d) memajukan, merangsang dan membantu dalam pengeksportan perkhidmatan berhubungan dengan industri pembinaan;
- (e) mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- (f) memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- (g) mengawal selia pematuhan standard bagi buatan kerja binaan dan bahan binaan;
- (h) mendapatkan, menyiarkan, memulakan dan menyenggara maklumat yang berhubungan dengan industri pembinaan termasuklah penubuhan sistem maklumat industri pembinaan;
- (i) mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan latihan dalam industri pembinaan;
- (j) mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor itu;
- (k) mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu;
- (l) mengawal selia pelaksanaan bagi kerja pembinaan yang berkualiti dan selamat;
- (m) mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
- (n) menguruskan apa-apa aduan atau laporan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa kegagalan kerja pembinaan atau kerja pembinaan yang telah siap yang menyentuh keselamatan awam dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menanganinya.

Ibu Pejabat Lembaga terletak di Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur. Lembaga mempunyai 14 pejabat negeri dan 5 pejabat cawangan di seluruh Malaysia.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)****2. DASAR PERAKAUNAN PENTING****(a) Asas perakaunan**

Penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520).

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Ia juga memerlukan Anggota Lembaga membuat pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Anggota Lembaga tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bidang yang memerlukan tahap penilaian yang tinggi dan kompleks atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah signifikan kepada penyata kewangan dinyatakan di Nota 3.

(b) Asas penyatuan perakaunan

Penyata kewangan yang disatukan adalah termasuk penyata kewangan Lembaga dan syarikat subsidiarinya serta syarikat bersekutu melalui perakaunan ekuiti, yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

(i) Subsidiari

Subsidiari merupakan entiti, termasuk entiti tujuan khas, dikawal oleh Kumpulan. Kumpulan mengawal entiti apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi suatu entiti tersebut dan juga mendapat faedah daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari disatukan bermula dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Ia akan dipisahkan pada tarikh kawalan terbatal. Penyatuan perniagaan disediakan dengan menggunakan kaedah perolehan pada tarikh perolehan. Kos penyatuan perniagaan adalah termasuk nilai saksama aset-aset yang diberi, tanggungan liabiliti dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh pemeroleh sebagai tukaran untuk kawalan ke atas entiti yang diperoleh, tambah dengan kos-kos yang terlibat dalam penyatuan perniagaan tersebut.

Jika kos penyatuan perniagaan melebihi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenalpasti, ianya akan diiktiraf sebagai muhibah. Jika lebihan adalah negatif, ianya akan terus diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Transaksi antara syarikat, baki bagi penyata pendapatan komprehensif dan rugi tidak direalisasi daripada urus niaga antara syarikat-syarikat subsidiari dalam Kumpulan akan dihapuskan. Dasar perakaunan syarikat-syarikat subsidiari telah diselaraskan di mana perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Asas penyatuan perakaunan (sambungan)

(i) Subsidiari (sambungan)

Transaksi dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambilkira sebagai transaksi ekuiti. Apa-apa perbezaan di antara nilai saksama sebarang pertimbangan yang dibayar dan bahagian berkaitan yang diperolehi bagi nilai bawaan aset bersih syarikat subsidiari direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan kepentingan bukan kawalan juga direkodkan dalam ekuiti.

Apabila Kumpulan tidak lagi mengawal syarikat subsidiari, perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan syarikat subsidiari dan jumlah yang dibawa pada tarikh kawalan hilang akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sebagai untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari. Baki dibawa untuk mana-mana kepentingan ekuiti dalam bekas syarikat subsidiari pada tarikh hilang kawalan dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal bagi perakaunan berikutnya sebagai instrumen kewangan, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

(ii) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan tetapi bukan kawalan, ke atas dasar kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada mulanya diiktiraf pada harga transaksi ditambahkan kos transaksi dan diselaraskan selepas itu untuk mencerminkan pegangan Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain dan perubahan dalam aset bersih lain melalui ekuiti syarikat bersekutu sehingga tarikh pengaruh signifikan tersebut tamat.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urus niaga hulu dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan Kumpulan yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan transaksi tersebut menunjukkan bukti pengurangan nilai aset yang dipindahkan. Dasar-dasar perakaunan syarikat-syarikat bersekutu telah diubah di mana perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Apabila kerugian yang dikongsikan oleh Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Asas penyatuan perakaunan (sambungan)

(ii) Syarikat Bersekutu (sambungan)

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh signifikan ke atas syarikat bersekutu, apa-apa kepentingan yang tinggal di dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh pengaruh signifikan hilang diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai amaun awal bawaan aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang pengekalan kepentingan tambah hasil daripada kepentingan yang dilupuskan dan nilai dibawa pelaburan pada tarikh kepentingan ekuiti dihentikan adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(c) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari

Dalam penyata kewangan berasingan Lembaga, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(d) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Dalam penyata kewangan berasingan Lembaga, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan pelaburan dalam syarikat bersekutu, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(e) Lain-lain pelaburan

Lain-lain pelaburan merupakan pelaburan jangka panjang dalam saham tidak tersiar harga. Lain-lain pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan lain-lain pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(f) Pelaburan portfolio

Pelaburan portfolio merupakan pelaburan jangka pendek yang diuruskan oleh pengurus dana. Pelaburan portfolio diukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif jika Lembaga melabur dalam saham tersiar harga atau nilai saksama saham tersebut boleh diukur dengan sewajarnya. Lain-lain pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan pelaburan portfolio, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos untuk sesuatu hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada mulanya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk ianya beroperasi dengan cara yang dicadangkan oleh pihak pengurusan.

Kos tambahan akan dimasukkan dalam jumlah pembawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak akan diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dalam tempoh kewangan di mana ianya terjadi.

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan amaun dibawa bagi hartanah, loji dan kelengkapan dan diiktiraf secara bersih dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(ii) Susut nilai dan kerugian rosot nilai

Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Manakala tanah milik pajak disusut nilai berdasarkan tempoh pajakan. Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos yang kurang nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	Berasaskan tempoh pajakan
Bangunan dan ubah suai	30 tahun
Kenderaan dan jentera	5 tahun
Perabot dan lekapan	5 tahun
Kelengkapan pejabat dan mesin peralatan	5 tahun
Komputer	5 tahun

Jika terdapat tanda-tanda bahawa ada perubahan yang signifikan sejak tarikh laporan sebelumnya dalam corak yang mana Kumpulan menjangkakan untuk mengambil manfaat ekonomi masa hadapan aset tersebut, Kumpulan akan mengkaji semula anggaran semasa. Jika jangka semasa berbeza, Kumpulan akan meminda nilai sisa, kaedah pelunasan atau hayat untuk mencerminkan corak baru untuk mengambil manfaat ekonomi aset masa depan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset tak ketara

Aset tak ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenal pasti tanpa kewujudan secara fizikal. Aset tak ketara mempunyai ciri yang sama dengan aset ketara kerana sifatnya yang boleh dimiliki atau dikawal organisasi dan mempunyai nilai wang. Walaupun aset tak ketara tidak dapat dilihat atau disentuh, tetapi aset tersebut boleh dizahirkan dalam bentuk seperti medium storan, dokumen pendaftaran dan lain-lain.

Aset tak ketara Lembaga adalah terdiri daripada harta bukan intelek. Pelunasan dikira berasaskan kos harta atas kadar yang sama rata bagi tempoh kegunaan harta tersebut. Kadar pelunasan tahunan bagi aset tak ketara adalah 20%.

(i) Kerja dalam pembangunan

Kerja dalam pembangunan mewakili kerja pembinaan atau pembangunan yang sedang dilaksanakan dan dijangkakan siap sepenuhnya dalam tempoh kitaran yang biasa. Kerja dalam pembangunan dinyatakan pada kos dan bayaran kemajuan. Kos termasuk kos tanah dan lain-lain belanja langsung serta belanja *overhead*.

(j) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih. Kos dinilai berdasarkan kaedah imbalan purata selepas ditolak peruntukan kerugian rosot nilai. Kumpulan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu bagi pengurusan inventornya.

(k) Kos kewangan

Kos kewangan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sebagai perbelanjaan pada tempoh ianya berlaku.

(l) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan awal

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Pengiktirafan awal (sambungan)

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif, kos urus niaga dicajkan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku. Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran masa akan datang yang didiskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah untuk instrumen hutang yang sama.

(ii) Pengukuran berikutnya

Keuntungan dan kerugian

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

- (a) pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
- (b) tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- (c) pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilai pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Kemerosotan aset kewangan

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui Penyata Pendapatan Komprehensif, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Pengukuran berikutnya (sambungan)

Kemerosotan aset kewangan (sambungan)

Kerugian rosot nilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai dibalikkan, sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iii) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuaian yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(m) Tunai dan kesetaraan tunai

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta deposit jangka pendek yang mempunyai kecairan yang tinggi dalam tempoh kematangan tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf seperti berikut:

- (i) Geran yang tidak mengenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu kepada penerima diiktiraf dalam pendapatan apabila hasil geran akan diterima.
- (ii) Geran yang mengenakan syarat prestasi masa depan yang tertentu kepada penerima diiktiraf dalam pendapatan hanya apabila syarat prestasi dipenuhi.
- (iii) Bantuan yang diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil terjadi diiktiraf sebagai liabiliti.

Geran Kerajaan diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau boleh diterima.

(o) Pajak kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajak kewangan. Pajak kewangan dipermodalkan pada permulaan pajak pada nilai terendah antara nilai saksama hartanah yang dipajak dan nilai semasa bayaran pajak minimum.

Setiap bayaran pajak diperuntukkan di antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah yang tetap ke atas baki liabiliti. Obligasi sewa berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pemiutang jangka panjang lain. Elemen faedah daripada kos kewangan dicajkan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif sepanjang tempoh pajak untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli menggunakan pajak kewangan akan disusut nilai pada jangka hayat aset yang lebih pendek dan tempoh pajak.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Kumpulan dalam rundingan dan penyusunan pajak kewangan akan ditambah kepada nilai aset pajak yang dibawa dan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif sepanjang tempoh pajak pada asas yang sama sebagai perbelanjaan pajak.

(p) Peruntukan liabiliti

Peruntukan tanggungan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Cukai

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tempoh semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif atau rugi, kecuali setakat mana ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini cukai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah cukai yang perlu dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai yang perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan dan pada masa yang sama urus niaga tersebut tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dikenakan cukai akan tersedia terhadap untuk perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak digunakan atau kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda, aset cukai pendapatan dan liabiliti akan diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama di antara kedua-dua entiti boleh cukai atau entiti berbeza boleh cukai di mana terdapat tujuan untuk menyelesaikan baki pada asas bersih.

(r) Pengiktirafan pendapatan

(i) Geran Kerajaan

Geran pemberian Kerajaan berkaitan aset terbit bila mana Kerajaan memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan Lembaga memperoleh, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang. Geran ini kemudiannya dilunaskan ke Penyata Pendapatan Komprehensif mengikut jangka hayat aset berkenaan sepertimana caj susut nilai yang dikenakan ke atas aset berkenaan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Pengiktirafan pendapatan (sambungan)

(ii) Pendaftaran dan akreditasi

Pendaftaran kontraktor merupakan yuran pendaftaran yang dikenakan kepada kontraktor yang ingin berdaftar. Yuran kursus diiktiraf di Penyata Pendapatan Komprehensif dalam tempoh perakaunan di mana ianya berlaku.

(iii) Yuran kursus

Yuran kursus merupakan hasil daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh Lembaga kepada pihak kontraktor sama ada berdaftar dengan Lembaga ataupun tidak. Kursus yang dijalankan juga adalah kursus Kontraktor, Personel Binaan, Bisnes/Ekonomi, Antarabangsa, Teknologi, *Safety Health Environment Quality* (SHEQ) dan lain-lain kursus. Yuran kursus diiktiraf di Penyata Pendapatan Komprehensif dalam tempoh perakaunan di mana ianya berlaku.

(iv) Levi kontrak

Levi kontrak merupakan levi yang dikenakan kepada kontraktor yang mempunyai projek baru. Kadar yang dikenakan adalah sebanyak 0.125% daripada jumlah kontrak pembinaan yang dianugerahkan kepada kontraktor tersebut.

Nilai levi akan dilaraskan sekiranya:

- 1) Berlaku perubahan kepada harga kontrak (perubahan skop kerja, perubahan harga barang dan sebagainya)
- 2) Penamatan kontraktor dan lantikan kontraktor baru
- 3) Klien tidak meneruskan projek
- 4) Pelarasan bagi kerja konsesi (bagi kerja penyelenggaraan jangka panjang)

Pelarasan dalam tahun semasa akan dibuat sekiranya pelarasan dibuat dalam tempoh peristiwa selepas tarikh pelaporan.

(v) Pengurusan projek dan perkhidmatan

Pendapatan daripada pengurusan projek dan perkhidmatan diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana pengurusan projek dan perkhidmatan tersebut berlaku.

(vi) Pendapatan faedah atas deposit tetap

Pendapatan faedah atas deposit tetap dari institusi kewangan berlesen diiktiraf pada asas akruan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(s) Liabiliti luar jangka

Di mana tiada kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan, atau jumlah tidak boleh dianggarkan dengan pasti, liabiliti luar jangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kewujudan liabiliti akan hanya disahkan berdasarkan kejadian atau tidak akan terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah tipis.

(t) Aset luar jangka

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi aset berkemungkinan di mana ia timbul daripada peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan disahkan hanya oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak secara keseluruhannya dalam kawalan entiti, aset tidak akan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tetapi akan dinyatakan sebagai aset luar jangka. Apabila aliran masuk manfaat ekonomi pasti, maka aset berkaitan diiktiraf.

(u) Mata wang asing

(i) Fungsian dan persembahan mata wang

Transaksi yang dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi (fungsi mata wang asing). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan fungsi mata wang asing dan pembentangan Lembaga.

(ii) Transaksi dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana barang-barang yang diukur semula. Untung dan rugi pertukaran asing yang berpunca daripada penyelesaian sesuatu transaksi dan daripada terjemahan kadar pertukaran aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun dalam mata wang asing diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang direkod dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada akhir tarikh laporan ini, kecuali yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(v) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan. Ketidakhadiran berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diambil kira apabila khidmat yang diberi oleh kakitangan meningkatkan kelayakan mereka kepada ketidakhadiran berganjaran akan datang. Ketidakhadiran berganjaran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit, adalah diambil kira apabila ketidakhadiran tersebut terjadi.

(ii) Pelan caruman wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, Kerajaan/syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negara, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya. Bagi kakitangan Kerajaan yang dipinjamkan kepada Kumpulan dan Lembaga, pelan caruman wajib adalah di bawah Skim Pencen Kumpulan Wang Amanah Persaraan.

(iii) Manfaat jangka panjang

a) Lembaga menerima pakai MPERS Seksyen 28 – *Employee Benefits*, yang memerlukan bayaran manfaat kakitangan yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Kakitangan dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Kakitangan Jangka Panjang.

b) Jenis manfaat kakitangan jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat. Pengiraan amaun manfaat kakitangan ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak pada tahun kewangan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Anggota Lembaga membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luarjangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, Anggota Lembaga juga perlu membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Anggota Lembaga tentang peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh Anggota Lembaga dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang memberi kesan kepada aplikasi polisi-polisi perakaunan kepada Kumpulan dan Lembaga dan pendedahan, dan mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

(a) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusut nilai atas dasar garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam tahap penggunaan yang dijangka boleh memberi kesan kepada jangka hayat ekonomi dan nilai baki aset tersebut, maka caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

Kumpulan dan Lembaga menjangkakan bahawa nilai baki hartanah, loji dan peralatan mereka akan menjadi tidak begitu ketara. Hasilnya, nilai sisa tidak diambil kira bagi pengiraan amaun susut nilai.

(b) Cukai pendapatan

Terdapat sesetengah urusan niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad mungkin berbeza daripada anggaran awal. Kumpulan dan Lembaga mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran sama ada cukai tersebut akan menjadi kena dibayar operasi perjalanan biasa perniagaan dan kefahamannya terhadap undang-undang cukai semasa. Sekiranya kesudahan perkara-perkara ini berbeza daripada jumlah awal yang telah diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda pada tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

(c) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset-aset kewangan adalah terjejas. Kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti-bukti objektif akan adanya rosot nilai bagi aset-aset kewangan seperti masalah kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam pembayaran. Kategori aset kewangan yang ditaksir sebagai tidak mengalami rosot nilai secara individu kemudiannya ditaksir untuk rosot nilai mengikut asas kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

(c) Rosot nilai (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Sekiranya terdapat bukti objektif rosot nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan pengalaman kerugian bagi aset dengan ciri risiko kredit yang serupa. Jika jangkaan berbeza dari anggaran, perbezaan ini akan memberi kesan kepada nilai dibawa penghutang.

(ii) Inventori

Semakan akan dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan mengenai inventori rosak, usang dan bergerak perlahan. Kajian tersebut memerlukan pertimbangan dan anggaran. Kemungkinan perubahan dalam anggaran ini boleh mengakibatkan pindaan kepada penilaian inventori.

(d) Anggaran nilai saksama bagi aset kewangan dan liabiliti tertentu

Kumpulan merekodkan sesetengah aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama, yang memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan yang luas. Manakala komponen penting pengukuran nilai saksama ditentukan menggunakan bukti objektif yang boleh disahkan, jumlah perubahan dalam nilai saksama adalah berbeza jika Kumpulan menggunakan kaedah penilaian yang berbeza. Sebarang perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti tersebut akan menjelaskan untung dan/atau ekuiti.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah dan tanah pajakan	Bangunan dan ubahsuai	Kenderaan dan jentera	Perabot dan lekapan	Kelengkapan pejabat dan mesin peralatan		Jumlah
					RM	RM	
Kos							
Pada 01.01.2019	77,688,050	302,528,884	29,982,214	5,731,958	85,474,557	19,378,892	520,784,555
Pelarasan Tahunan	-	-	-	-	-	(155,000)	(155,000)
Dinyatakan semula	77,688,050	302,528,884	29,982,214	5,731,958	85,474,557	19,223,892	520,629,555
Penambahan	19,184,061	4,326,576	1,591,345	736,484	10,384,348	1,552,398	37,775,212
Pelupusan	-	(356,260)	(1,256,889)	(252,825)	(548,008)	(1,204,234)	(3,618,216)
Pelarasan	-	(101,430)	-	-	101,430	-	-
Pada 31.12.2019	96,872,111	306,397,770	30,316,670	6,215,617	95,412,327	19,572,056	554,786,551
Susut nilai terkumpul							
Pada 01.01.2019	11,145,936	183,638,674	20,304,257	2,844,445	44,619,948	12,794,490	275,347,750
Susut nilai semasa	829,163	6,276,136	3,528,825	1,388,648	11,599,519	2,512,342	26,134,633
Pelupusan	-	(356,259)	(1,178,165)	(252,587)	(532,524)	(1,201,904)	(3,521,439)
Pelarasan	-	(3,342)	-	-	3,342	-	-
Pada 31.12.2019	11,975,099	189,555,209	22,654,917	3,980,506	55,690,285	14,104,928	297,960,944
Nilai bawaan							
Pada 31.12.2019	84,897,012	116,842,561	7,661,753	2,235,111	39,722,042	5,467,128	256,825,607
Pada 31.12.2018	66,542,114	118,890,210	9,677,957	2,887,513	40,854,609	6,429,402	245,281,805

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Lembaga	Tanah dan tanah pajakan RM	Bangunan dan ubahsuai RM	Kenderaan dan jentera RM	Perabot dan lekapan RM	Kelengkapan pejabat dan mesin peralatan RM		Komputer RM	Jumlah RM
Kos								
Pada 01.01.2019	77,688,050	294,668,699	19,442,755	1,336,538	13,517,933	10,510,059	417,164,034	
Penambahan	19,184,061	879,530	401,151	10,796	2,064,225	65,556	22,605,319	
Pelupusan	-	-	(871,987)	(85,683)	(95,072)	(388,842)	(1,441,584)	
Pelarasan	-	(101,430)	-	-	101,430	-	-	
Pada 31.12.2019	96,872,111	295,446,799	18,971,919	1,261,651	15,588,516	10,186,773	438,327,769	
Susut nilai terkumpul								
Pada 01.01.2019	11,145,936	180,823,748	13,601,874	1,059,399	11,874,822	6,916,509	225,422,288	
Susut nilai semasa	829,163	4,709,921	2,148,260	94,211	638,088	820,774	9,240,417	
Pelupusan	-	-	(862,668)	(85,645)	(88,058)	(386,568)	(1,422,939)	
Pelarasan	-	(3,342)	-	-	3,342	-	-	
Pada 31.12.2019	11,975,099	185,530,327	14,887,466	1,067,965	12,428,194	7,350,715	233,239,766	
Nilai bawaan								
Pada 31.12.2019	84,897,012	109,916,472	4,084,453	193,686	3,160,322	2,836,058	205,088,003	
Pada 31.12.2018	66,542,114	113,844,951	5,840,881	277,139	1,643,111	3,593,550	191,741,746	

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Termasuk dalam penambahan/pembelian hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Lembaga adalah aset yang dibeli di bawah pembiayaan pajakan kewangan dan pinjaman jangka panjang, geran yang diterima dan juga tunai seperti berikut:

	Kumpulan		Lembaga	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Tunai	32,802,763	58,611,482	22,605,319	50,916,358
Pembiayaan pajakan kewangan	1,273,280	747,001	-	-
Geran	3,699,169	27,641,303	-	-
	37,775,212	86,999,786	22,605,319	50,916,358

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

5. ASET TIDAK KETARA

Kumpulan	Perisian Komputer	Lesen	Jumlah
	RM	RM	Seperti dinyatakan semula RM
Kos			
Pada 01.01.2019	20,778,753	782,065	21,560,818
Pindahan	155,000	-	155,000
Dinyatakan semula	20,933,753	782,065	21,715,818
Penambahan	5,852,327	1,156,650	7,008,977
Pelarasan/Pengkelasan	14,935,274	-	14,935,274
Pada 31.12.2019	41,721,354	1,938,715	43,660,069
Pelunasan Terkumpul			
Pada 01.01.2019	12,606,180	445,500	13,051,680
Pelunasan bagi tahun kewangan	3,046,103	113,418	3,159,521
Pada 31.12.2019	15,652,283	558,918	16,211,201
Nilai bawaan			
Pada 31.12.2019	26,069,071	1,379,797	27,448,868
Pada 31.12.2018 (dinyatakan semula)	8,327,573	336,565	8,664,138
Lembaga			
	Perisian Komputer	Lesen	Jumlah
	RM	RM	RM
Kos			
Pada 01.01.2019	20,710,753	782,065	21,492,818
Penambahan	5,817,827	1,156,650	6,974,477
Pelupusan/Pelarasan	14,935,274	-	14,935,274
Pada 31.12.2019	41,463,854	1,938,715	43,402,569
Pelunasan Terkumpul			
Pada 01.01.2019	12,538,181	445,500	12,983,681
Pelunasan bagi tahun kewangan	3,006,534	113,418	3,119,952
Pada 31.12.2019	15,544,715	558,918	16,103,633
Nilai bawaan			
Pada 31.12.2019	25,919,139	1,379,797	27,298,936
Pada 31.12.2018	8,172,572	336,565	8,509,137

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

6. KERJA DALAM PEMBANGUNAN

Kumpulan	Tanah	Bangunan	Sistem Komputer	Mesin Peralatan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
2019					
Kos					
Pada 01.01.2019	-	51,504,661	15,410,135	4,067,353	70,982,149
Penambahan	117,629	26,818,985	661,691	-	27,598,305
Pengkelasan/Pelarasan	-	(684,661)	(14,935,274)	(4,067,353)	(19,687,288)
Pada 31.12.2019	117,629	77,638,985	1,136,552	-	78,893,166
2018					
Kos					
Pada 01.01.2018	-	41,546,685	13,269,163	-	54,815,848
Penambahan	-	51,504,661	2,743,182	4,067,353	58,315,196
Pengkelasan/Pelarasan	-	(41,546,685)	(602,210)	-	(42,148,895)
Pada 31.12.2018	-	51,504,661	15,410,135	4,067,353	70,982,149
Lembaga					
	Tanah	Bangunan	Sistem Komputer	Mesin Peralatan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
2019					
Kos					
Pada 01.01.2019	-	51,504,661	15,410,135	-	66,914,796
Penambahan	117,629	26,818,985	661,691	-	27,598,305
Pengkelasan/Pelarasan	-	(684,661)	(14,935,274)	-	(15,619,935)
Pada 31.12.2019	117,629	77,638,985	1,136,552	-	78,893,166
2018					
Kos					
Pada 01.01.2018	-	41,546,685	13,269,163	-	54,815,848
Penambahan	-	51,504,661	2,743,182	-	54,247,843
Pengkelasan/Pelarasan	-	(41,546,685)	(602,210)	-	(42,148,895)
Pada 31.12.2018	-	51,504,661	15,410,135	-	66,914,796

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

7. PELABURAN HARTANAH

Kumpulan	Tanah RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Pada 01.01.2019	7,100,000	2,506,000	9,606,000
Perubahan pada nilai pasaran	145,000	-	145,000
Pada 31.12.2019	7,245,000	2,506,000	9,751,000
Pada 31.01.2018	7,100,000	2,506,000	9,606,000

- (a) Pelaburan hartanah dalam Kumpulan berjumlah RM9,751,000 (2018: RM9,606,000) telah dicagarkan sebagai sekuriti untuk pinjaman bank (Nota 20).
- (b) Pelaburan hartanah telah dinilai dengan menggunakan Kaedah Perbandingan. Kaedah ini melibatkan kajian ke atas transaksi terkini dengan melakukan semakan harga untuk harta serupa di dalam dan di sekitarnya serta membuat pelarasan ke atas sebarang faktor yang boleh menjejaskan nilai; seperti lokasi, pengezonan, perancangan, kelulusan, kebolehcapaian, situasi pasaran, bentuk dan permukaan tanah, tempoh pegangan dan sekatan jika status kependudukan, kawasan binaan, pembinaan bangunan, kemasan dan perkhidmatan, usia dan sifat-sifat lain yang berkaitan.
- (c) Nilai saksama pelaburan hartanah Kumpulan adalah ditentukan oleh penilaian yang dijalankan oleh IPC Island Property Consultants Sdn. Bhd., penilai profesional bebas yang mempunyai kelayakan profesional berkaitan yang diiktiraf dan pengalaman terkini dalam menilai hartanah di lokasi berkaitan.

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	Lembaga	
	2019 RM	2018 RM
Saham tidak tersiar harga, di Malaysia:		
Pada kos		
CIDB Holdings Sdn. Bhd.	19,075,000	19,075,000
CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd.	4,435,842	4,435,842
	<u>23,510,842</u>	<u>23,510,842</u>

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran mengenai syarikat-syarikat subsidiari dan kepentingan ekuiti di dalamnya adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan utama
	2019 %	2018 %	
CIDB Holdings Sdn. Bhd.*	100	100	Pelaburan dan perkhidmatan berasaskan industri pembinaan.
CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd.**	100	100	Menjalankan perkhidmatan berasaskan Teknologi komunikasi maklumat.
Construction Research Institute of Malaysia **	100	100	Menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan industri pembinaan.
Construction Labour Exchange Centre Berhad ***	100	100	Membawa masuk, mengagihkan dan juga memperbaharui permit kerja bagi Pekerja Asing Binaan.
Subsidiari CIDB Holdings Sdn. Bhd.: Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Bhd.	100	75	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd.	100	95	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Bhd.	91.7	90	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Bhd.	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan utama
	2019 %	2018 %	
Subsidiari CIDB Holdings Sdn. Bhd.: Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Bhd.	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Bhd.	100	100	Memberi latihan dan kursus kepada pekerja dan penyelia pembinaan.
CIDB Technologies Sdn. Bhd. (Sebelum ini dikenali sebagai CIDB Events Management Sdn. Bhd.)	100	100	Menguruskan pertunjukan berkaitan industri pembinaan.
CIDB IBS Sdn. Bhd. (Sebelum ini dikenali sebagai CIDB MyIBS Sdn. Bhd.)	100	100	Perkhidmatan nasihat teknikal, program pembangunan untuk vendor dan pengesahan, ujian pengesahan dan pengesahan produk, kilang dan pemasangan berkaitan IBS.
Subsidiari Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd.: ABM Management Services Sdn. Bhd.	100	100	Sebagai tenaga pengajar dan konsultan bagi perkara berkaitan industri pembinaan dan aktiviti lain yang berkaitan.

* Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Azhar Noriza Zainuddin

** Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Afrizan Tarmili Khairul Azhar

*** Syarikat subsidiari ini diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan A.Razak & Co.

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan	
	2019 RM	2018 RM
Saham tidak tersiar harga, di Malaysia pada kos	50,000	50,000
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	496,583	1,023,303
	546,583	1,073,303
Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu meliputi:		
Bahagian daripada aset bersih	539,106	1,065,826
Bahagian daripada muhibah dalam syarikat bersekutu	7,477	7,477
	546,583	1,073,303

Butiran mengenai syarikat bersekutu dan kepentingan ekuiti di dalamnya adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti		Kegiatan utama
	2019 %	2018 %	
TWI-ABM Training and Certification Sdn. Bhd.	50	50	Beroperasi sebagai tenaga pengajar atau pusat latihan untuk kontraktor dan subkontraktor.

Syarikat bersekutu Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd ini adalah diperbadankan di Malaysia dan telah diaudit oleh Tetuan Jamal Amin & Partners.

10. LAIN-LAIN PELABURAN

	Kumpulan	
	2019 RM	2018 RM
Saham tidak tersiar harga, di Malaysia, pada kos:	961,350	961,350
Tambah : Pelarasan Rosot Nilai	34,639	-
Kurang : Rosot Nilai	(75,119)	(75,119)
	920,870	886,231

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA
Ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

11. INVENTORI

	Kumpulan		Lembaga	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Pada kos dan nilai realisasi bersih: Inventori	670,974	665,815	77,467	91,531

12. PENGHUTANG

	Kumpulan		Lembaga	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
Penghutang	37,064,192	67,367,569	30,767,509	63,073,408
Tolak: Peruntukan kerugian rosot nilai	(12,555,469)	(15,744,692)	(12,273,745)	(15,646,759)
Hutang lapuk dihapuskan	(89,782)	(90,550)	-	-
